

KESEDARAN KERJAYA DALAM KALANGAN MURID MENENGAH RENDAH

NUR HAFIZAH BTE IBRAHIM

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka aspek kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menengah rendah di Maktab Sultan Abu Bakar Johor Bahru. Terdapat empat aspek kesedaran kerjaya yang dikaji iaitu minat, tanggapan, kematangan dan membuat keputusan kerjaya. Kajian ini juga bertujuan untuk menghasilkan satu model kesedaran kerjaya. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes digunakan dalam kajian ini. Seramai enam orang peserta kajian yang terdiri daripada murid tingkatan dua dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Prosedur pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur. Kesahan dan kebolehpercayaan data dilakukan dengan membuat triangulasi daripada pelbagai sumber data dan semakan rakan. Hasil analisis data temu bual, beberapa tema kesedaran kerjaya berkenaan aspek minat, tanggapan, kematangan dan membuat keputusan kerjaya telah dikenal pasti. Tema-tema untuk aspek minat ialah proses kehidupan, faktor kecenderungan sendiri, mengenal potensi diri, membina dan merancang matlamat, pengaruh dan galakan keluarga serta persekitaran, media massa dan kemajuan teknologi, kesesuaian antara personaliti dengan minat, faktor pengalaman, dorongan keluarga dan potensi diri. Tema-tema untuk aspek tanggapan ialah proses merancang kehidupan, akademik menjamin kerjaya dan panduan merancang kerjaya. Tema-tema untuk aspek kematangan kerjaya rujukan memilih kerjaya dan bermotivasi. Manakala tema untuk aspek membuat keputusan kerjaya kepentingan pendidikan, faktor persekitaran dan diri sendiri serta sendiri unggul. Kajian ini juga menghasilkan model kesedaran kerjaya yang terdiri daripada aspek intrinsik iaitu potensi, motivasi dan sendiri unggul serta aspek ekstrinsik iaitu persekitaran, pengalaman, pemerhatian dan sokongan keluarga. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa murid mempunyai kefahaman mengenai kerjaya, mengetahui minat kerjaya mereka, mereka berusaha mendapatkan maklumat kerjaya dan mereka juga boleh merancang serta membina matlamat kerjaya. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa wujudnya kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menengah rendah di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru. Implikasi kajian menunjukkan bahawa peranan semua pihak khususnya ibu bapa, pendidik dan murid sendiri penting untuk memastikan kesedaran kerjaya dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa supaya murid mempunyai perancangan kerjaya yang jelas.



CAREER AWARENESS AMONG STUDENTS IN LOWER SECONDARY SCHOOL

ABSTRACT

This study aimed to explore aspects of career awareness among lower secondary pupils in Maktab Sultan Abu Bakar of Johor Bahru. There are four aspects of career awareness under review i.e. interest, response, maturity and making career decisions. This study also aims to produce a career awareness model. The qualitative approach with the design of the case studies are used in this study. A total of six participants from form two are selected by using the purposive sampling method. Data collection procedures are carried out using partial structured interview protocol. The validity and reliability of the data is done by making triangulation from various sources of data and member check. Results analysis data interview, some relevant aspects of the theme of career awareness interest, response, maturity and make career decisions have been identified. The themes for this aspect of interest is the process of life, his own inclination factors, knowing the self potential, build and design the ultimate goal, the influence and encouragement of family and neighborhood, the mass media and technological advancements, conformity between the personality factors of experience, interest, encouragement of family and self potential. The themes for this aspect of the response is the process of designing life, academic guarantee career and guides to plan career. Themes for aspects of career maturity are references to choose a career and motivated. While the theme for the aspects of decision making are education interests, environmental factors and own self as well self excellent. This study also produced a career awareness model which consist of intrinsic aspect of which is the potential, motivation and self excellent as well as extrinsic aspect which is the environment, experience, observation and families support. Overall findings indicate that students have an understanding about the careers, find out their career interests, they strive to obtain information on career and they can also plan and build career goals. In conclusion, this study demonstrated that the existence of career awareness among secondary pupils at Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru. The implications of this research shows that the role of all parties, particularly parents, educators and students own is important to ensure career awareness can be increased from time to time so that students have a clear career planning.



ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB 1	Pengenalan	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Tujuan Kajian	13
	1.5 Objektif Kajian	13
	1.6 Soalan Kajian	13
	1.7 Kesignifikanan Kajian	14
	1.8 Definisi Konsep dan Definisi Operasional	15

1.8.1 Kerjaya	15
1.8.2 Kesedaran Kerjaya	16
1.8.3 Murid Sekolah Menengah Rendah	17
1.9 Limitasi Kajian	18
1.10 Rumusan	18

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	19
2.2 Pendekatan Teori	20
2.2.1 Teori Tret dan Faktor	20
2.2.2 Teori Super	22
2.2.3 Teori Krumboltz, Mitchell dan Gelatt	24

2.3 Kajian Literatur	25
2.3.1 Kajian Literatur Kesedaran Kerjaya	26
2.4 Rumusan	37

BAB 3 METOD KAJIAN

3.1 Pengenalan	38
3.2 Reka Bentuk Kajian	39
3.3 Prosedur Menjalankan Kajian	42
3.3.1 Fasa Pertama	42
3.3.2 Fasa Kedua	43
3.3.3 Fasa Ketiga	43

3.4 Protokol Temu Bual	44
3.5 Tempat Kajian	44
3.6 Prosedur Pemilihan Sampel Kajian	45
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	46
3.7.1 Analisis Data Temu Bual	46
3.8 Prosedur Analisis Data	47
3.8.1 Proses Transkripsi	47
3.8.2 Menyusun Atur Data	48
3.8.3 Pengekoden dan Membentuk Sistem Kategori	48
3.9 Peranan Penyelidik	49
3.10 Etika Kajian	50
3.11 Prosedur Pengesahan Data	51
3.11.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan	51
3.12 Rumusan	53

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	54
4.2 Maklumat Diri Peserta Kajian	55
4.2.1 Peserta Kajian A	55
4.2.2 Peserta Kajian B	56
4.2.3 Peserta Kajian C	56
4.2.4 Peserta Kajian D	57

4.2.5 Peserta Kajian E	57
4.2.6 Peserta Kajian F	58
4.3 Analisis Data Temu Bual	58
4.3.1 Soalan Kajian 1 : Bagaimanakah minat kerjaya murid?	59
4.3.2 Soalan Kajian 2 : Bagaimanakah tanggapan murid terhadap kerjaya?	66
4.3.3 Soalan Kajian 3 : Bagaimanakah kematangan kerjaya murid?	72
4.3.4 Soalan Kajian 4 : Bagaimanakah murid membuat keputusan terhadap kerjaya?	75
4.4 Hasil Dapatan Kajian	79
4.5 Rumusan	83

5.1 Pengenalan	86
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	87
5.3 Perbincangan	87
5.3.1 Cara Murid Mengenal Minat Kerjaya	88
5.3.2 Tanggapan atau Persepsi Terhadap Kerjaya	90
5.3.3 Kematangan Kerjaya Murid	91
5.3.4 Membuat Keputusan Kerjaya	92
5.4 Implikasi Kajian	94
5.5 Cadangan	96

5.5.1 Kementerian Pelajaran Malaysia	97
5.5.2 Peranan Guru	97
5.6 Cadangan untuk Kajian Akan Datang	98
5.7 Rumusan	100
RUJUKAN	101
LAMPIRAN	

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

4.1	Model Kesedaran Kerjaya	80
-----	-------------------------	----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
4.0	Analisis Dapatan Soalan Kajian 1	59
4.1	Analisis Dapatan Soalan Kajian 2	66
4.2	Analisis Dapatan Soalan Kajian 3	72
4.3	Analisis Dapatan Soalan Kajian 4	75

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analisis of Varians</i>
CDI	<i>Career Development Inventory</i>
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
SDS	<i>Self-Direct Search</i>
UAE	<i>United Arab Emirates</i>
UBK	Unit Bimbingan dan Kaunseling

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- B Surat Kebenaran Peserta Kajian
- C Protokol Temu Bual
- D Transkripsi Temu Bual
- E Analisis Dapatan (Koding – Kategori – Tema)



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan perkara-perkara yang meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kesignifikanan kajian, limitasi kajian, definisi konsep dan operasional, limitasi kajian dan rumusan bab. Kesemuanya dibincangkan bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menengah rendah di salah sebuah sekolah menengah di Daerah Johor Bahru.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kerjaya merupakan bahagian yang sangat penting dalam kehidupan setiap orang dan merupakan proses pelaksanaan sesuatu pekerjaan untuk mendapatkan pulangan atau pendapatan dengan tujuan untuk menampung keperluan dirinya sendiri mahupun orang lain. Super (1957) menyatakan bahawa kerjaya juga adalah termasuk persediaan awal yang dibuat oleh individu untuk memasuki dunia pekerjaan, semasa di dalam dunia pekerjaan dan sehinggalah persaraan. Oleh itu, pembangunan kerjaya individu seharusnya dibimbing bermula sejak dari peringkat sekolah lagi. Sekiranya hal ini tidak dilaksanakan, individu tersebut akan menghadapi kesukaran dalam membuat pilihan kerjaya yang sesuai dengan kehendak dirinya sendiri.



Mohd Ali (2010) menyatakan terdapat perbezaan antara definisi kerja dan kerjaya manakala sesetengah individu mempunyai kerja tetapi bukan kerjaya. Kerja merujuk kepada pekerjaan yang sementara dan tidak berterusan manakala kerjaya ialah pekerjaan yang dipilih oleh individu untuk seumur hidupnya. Kerjaya perlu penglibatan dan latihan selain dapat menggambarkan kejayaan dalam bentuk kewangan dan personal yang stabil. Perbezaan ini membawa implikasi bahawa setiap individu mempunyai harapan ingin menceburkan diri dalam bidang kerjaya yang memberi kepuasan intrinsik dan ekstrinsik kepada diri sendiri. Oleh itu sebelum menceburi sesuatu bidang kerjaya, individu perlu membuat penilaian dengan teliti untuk memilih pekerjaan yang sesuai dengan dirinya.





Menurut Moreland (2006), pembangunan kerjaya individu berkait rapat dengan memiliki sesuatu pekerjaan yang membawa manfaat atau kebaikan. Sekiranya individu tersebut tidak dibimbing dan dibantu, dia tidak dapat membuat pilihan kerjaya yang bersesuaian dengan kehendak dirinya. Di samping itu, Nurinahafiza (2012) menyatakan setiap individu perlu membuat pemilihan kerjaya bermula pada peringkat sekolah lagi. Dengan itu setiap individu perlu membuat keputusan mengenai kerjaya dan perlu menyelesaikan sebarang kekeliruan atau permasalahan berkaitan dengan pemilihan kerjaya yang betul. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa institusi pendidikan berperanan sebagai pihak pertama yang bertanggungjawab memberikan pendidikan kerjaya kepada murid sekolah.

Kerjaya merupakan suatu perkara penting yang perlu diutamakan oleh setiap individu kerana kehidupan masa hadapan seseorang bergantung kepada bidang kerjaya yang dipilih. Menurut Norfadhilah dan Halimah (2010), pemilihan kerjaya merupakan satu proses yang berterusan bermula dengan persepsi kanak-kanak terhadap dunia pekerjaan kemudian berkembang kepada peringkat awal remaja. Persepsi awal ini akan menjadi penggerak kepada remaja untuk memilih sesuatu bidang kerjaya yang diinginkan. Peringkat pembelajaran pada tahap menengah rendah sudah mula memasuki bidang-bidang kerjaya berdasarkan mata pelajaran elektif yang akan diambil pada peringkat menengah atas. Hal ini memberikan satu persepsi bahawa murid telah mendapat kesedaran awal tentang laluan kerjaya yang akan dipilih.

Ayranci dan Oge (2011) menyatakan usaha mencapai matlamat kerjaya profesional ialah satu cabaran dan cara terbaik berdasarkan aspek pengumpulan pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan wawasan mengenai kerja yang berkaitan





dengan subjek kerjaya. Institusi pengajian tinggi turut menyediakan murid dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk meningkatkan kesedaran kerjaya murid. Hal ini penting kerana fokus pendidikan selepas peringkat persekolahan menengah atas lebih memberi penekanan terhadap diri murid untuk memilih pekerjaan yang sesuai dengan minat, bakat dan personaliti mereka. Oleh hal yang demikian, kesedaran kerjaya akan menjadi penanda aras dalam membentuk perkembangan kerjaya dan hala tuju yang bakal diceburi pada masa hadapan.

Tan (2014) menyatakan bahawa kesedaran kerjaya merupakan satu kemahiran hidup yang penting untuk menghasilkan individu yang mampu berdikari dan bersedia dengan perubahan pesat dalam dunia pekerjaan. Kesedaran kerjaya yang diperoleh secara tidak langsung akan mengekalkan keseimbangan yang sihat antara peranan kerja dan kehidupan. Oleh itu, pembangunan kesedaran kerjaya boleh membantu murid dan memainkan peranan yang aktif dalam merancang kerjaya mereka bermula dari peringkat awal lagi. Kesedaran kerjaya akan menggerakkan seseorang murid itu untuk mula mengenali jenis pekerjaan, membuat pemerhatian kepada kerjaya orang sekeliling, menimbulkan minat terhadap pekerjaan dan merancang kerjaya mereka.

Kesedaran kerjaya merupakan sesuatu perkara yang amat penting pada peringkat awal pembangunan kerjaya individu. Perkara ini melibatkan kesedaran individu terhadap peluang serta maklumat sesuatu pekerjaan. Menurut Eliason and Patrick (2008), kesedaran kerjaya merujuk kepada kesedaran individu terhadap peluang-peluang pekerjaan yang wujud serta keperluan kerjayanya. Kesedaran adalah termasuk maklumat seperti syarat kelulusan pendidikan, kemahiran, jenis kerjaya yang wujud, persekitaran kerjaya, peraturan-peraturan serta jangkauan sesuatu bidang





kerjaya atau industri yang tertentu. Oleh itu, dalam kajian ini, kesedaran kerjaya perlu memfokuskan kepada empat aspek yang utama iaitu sejauh mana minat murid terhadap kerjaya, tanggapan atau persepsi murid terhadap kerjaya, kematangan murid dalam memilih pekerjaan seterusnya cara murid membuat keputusan terhadap kerjaya mereka.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Zainab (2012), kesedaran kerjaya murid adalah berdasarkan tingkat pencapaian akademik dan bidang pekerjaan bapa. Murid memahami bahawa untuk mendapatkan pekerjaan yang baik, mereka perlu mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang. Oleh hal yang demikian, motivasi mula timbul dengan menunjukkan tingkah laku kesungguhan terhadap pelajaran untuk mencapai kecemerlangan akademik. Tambahan lagi, tanggapan atau persepsi murid terhadap pekerjaan bapanya boleh menimbulkan minat terhadap kerjaya seterusnya memberikan dorongan kepada murid untuk membuat keputusan kerjaya. Jelasnya, faktor luaran menyumbang kepada kesedaran kerjaya murid walaupun hanya pada peringkat awal.

Suhaimi, Siti Zanariah dan Ramli (2011) dalam kajiannya mendapati bahawa aspek membuat keputusan kerjaya memberi pengaruh dan sumbangan yang paling kuat terhadap kematangan kerjaya murid. Hal ini menunjukkan bahawa kematangan kerjaya murid boleh dilihat setelah murid itu membuat keputusan terhadap kerjayanya. Aspek minat dan tanggapan murid terhadap kerjaya dipengaruhi oleh faktor persekitaran seperti tingkat pencapaian akademik dan bidang pekerjaan ahli keluarga. Pengaruh persekitaran sangat penting dalam memastikan seseorang itu mempunyai kesedaran terhadap kerjaya. Oleh sebab itu, pendidikan kerjaya secara langsung



mahupun secara tidak langsung perlu disalurkan kepada individu pada peringkat umur kanak-kanak lagi.

Abdul Wahab, et al. (2008) menyatakan bahawa murid yang mempunyai kesedaran kerjaya sentiasa berusaha untuk mengumpul maklumat kerjaya, meningkatkan tahap akademik dan merancang kerjaya pada masa hadapan. Dalam hal ini, usaha murid dikaitkan dengan tahap motivasi murid itu sendiri kerana motivasi seseorang akan digerakkan melalui tingkah laku untuk mencapai sesuatu matlamat. Oleh hal yang demikian, dorongan daripada persekitaran amat penting untuk menimbulkan motivasi seterusnya mempamerkan tingkah laku murid yang berusaha ke arah kesedaran kerjaya. Perancangan kerjaya amat berkait rapat dengan aspek minat, tanggapan terhadap kerjaya, kematangan murid memilih kerjaya seterusnya membuat keputusan kerjaya. Umumnya mendapati bahawa sesuatu perancangan itu memerlukan individu mengambil kira semua faktor yang terdapat pada persekitarannya.

Satu kajian terperinci yang dijalankan oleh Abu Talib, et al. (2014) mengenai kesan Modul Kembara Kerjaya ke atas kebolehan merancang kerjaya, efikasi sendiri kerjaya dan kematangan kerjaya mendapati bahawa kebolehan merancang kerjaya, efikasi sendiri kerjaya dan kematangan kerjaya boleh ditingkatkan jika murid mengikuti program kerjaya yang bersistematik. Di samping itu, penggunaan modul telah terbukti berkesan sebagai salah satu bahan sokongan untuk murid-murid membina laluan kerjaya mereka. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa aspek kematangan kerjaya yang ditekankan oleh pengkaji dalam kajian ini menunjukkan bahawa murid yang mencapai kematangan kerjaya adalah disebabkan faktor

persekitaran yang mempengaruhinya. Mazlan dan Mohammad Nasir (2009) menyatakan bahawa kelompok bimbingan kerjaya boleh memberikan kematangan kerjaya kepada sekumpulan pelajar. Oleh hal yang demikian, peranan pengkaji untuk meneroka kesedaran kerjaya murid juga penting dalam memastikan Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah berfungsi sebagai salah satu alat meningkatkan kesedaran kerjaya dalam kalangan murid melalui program kerjaya, pendidikan kerjaya, bimbingan kerjaya dan modul-modul berkaitan kerjaya.

Bagi menghuraikan dengan lebih lanjut lagi mengenai aspek utama dalam kesedaran kerjaya, Abdullah, et al. (2012) mendapati bahawa faktor seseorang murid itu membuat keputusan terhadap kerjaya dipengaruhi oleh faktor usia yang kian meningkat, dorongan ibu bapa, minat, jaminan kewangan dan situasi pekerjaan.

Kajian ini membuktikan bahawa sebab seseorang murid itu boleh membuat keputusan kerjaya adalah disebabkan ada faktor luar yang mendorong dan memberikan keyakinan kepada murid untuk membuat keputusan kerjaya. Peningkatan usia yang menunjukkan seseorang murid itu mencapai kematangan kerjaya menjadikan jenis kerjaya yang dipilih boleh berubah mengikut kesesuaian minat dan tanggapan murid itu sendiri.

Che Amat, Che Nor Aznomiza dan Kandar (2006) dalam kajiannya menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling kerjaya memberikan pengaruh dominan kepada seseorang murid itu untuk membuat keputusan kerjaya. Dalam usaha untuk menarik minat murid terhadap Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah khususnya dalam perkhidmatan kerjaya, murid perlu diberikan pendedahan terhadap aktiviti-aktiviti kerjaya agar minat murid



terhadap bidang-bidang kerjaya akan timbul. Pengkaji dapat melihat bahawa tanpa pendedahan tentang pendidikan kerjaya kepada murid, pemikiran murid terhadap kerjaya akan menjadi sempit seterusnya melambatkan proses kematangan kerjaya seseorang murid.

Program pembangunan kesedaran kerjaya murid adalah sangat diperlukan. Hal ini termasuk persediaan yang khusus mengenai kepelbagaian bidang kerjaya, mencari maklumat mengenai kerjaya secara sistematik serta kaedah-kaedah yang boleh digunakan sepenuhnya terhadap maklumat-maklumat yang telah dikumpulkan. Perry dan Van Zandt (2006) telah menetapkan bahawa kesedaran kerjaya seharusnya didedahkan dengan asas-asas dahulu sebelum individu itu meneroka pilihan kerjayanya. Jadi, program bimbingan dan kaunseling merupakan salah satu cara yang



dapat membantu murid memahami dunia pekerjaan, membina kesedaran terhadap pilihan kerjaya yang wujud serta dapat memberikan motivasi juga jangkaan terhadap masa depannya. Oleh hal yang demikian, untuk seseorang murid itu mendapatkan kesedaran kerjaya, aspek utama iaitu minat kerjaya, tanggapan atau persepsi murid terhadap kerjaya, kematangan murid dalam memilih kerjaya dan cara murid membuat keputusan terhadap kerjaya mereka memerlukan faktor-faktor luar yang akan mempengaruhinya.

Sungguhpun kebanyakan murid berjaya meneruskan pelajaran selepas peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), namun sejauh mana mereka bersedia menghadapi pemilihan kerjaya yang sepadan dengan potensi diri perlu dikaji selidik dan dijejaki. Tan (2014) dalam kajiannya ada menyatakan walaupun terdapat Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) yang beroperasi di sekolah, namun pelbagai





program kerjaya yang didedahkan kepada murid seperti pameran dan ceramah masih belum mampu menyuntik kesedaran dalam kalangan murid untuk memilih kerjaya yang sesuai. Adakah peranan yang dimainkan oleh UBK tentang kesedaran kerjaya masih kurang atau penumpuan yang lebih diberi kepada masalah-masalah berkaitan kaunseling sahaja yang menyebabkan fungsi unit tersebut tidak disedari oleh murid? Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneroka kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menengah rendah dan mencuba untuk menghasilkan satu model baharu berkaitan kesedaran kerjaya yang dapat memberi manfaat kepada murid seperti yang berlaku di negara maju.

1.3 Pernyataan Masalah



Sekolah menengah merupakan institusi pendidikan yang memainkan peranan terpenting dalam membimbing murid menghadapi masalah kesedaran kerjaya. Kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menjadi satu aspek penting dalam menentukan hala tuju kerjaya mereka sama ada di sekolah rendah, menengah, institusi kemahiran, politeknik, mahupun pusat pengajian tinggi. Kesedaran kerjaya juga amat penting untuk memberikan pendedahan awal kepada murid mengenai jenis-jenis perkerjaan yang menjadi sumber idea untuk mereka membuat pilihan. Kepentingan mengetahui jenis-jenis pekerjaan membantu murid merancang laluan kerjaya untuk memberikan kepuasan kerjaya kepada diri sendiri pada masa akan datang.



Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kesedaran murid terhadap kesediaan diri untuk menghadapi alam kerjaya. Sebagai contoh, Mazni (2012) dalam kajiannya tentang faktor utama yang mempengaruhi kesedaran murid terhadap kesediaan diri mereka untuk menghadapi alam pekerjaan dipengaruhi oleh faktor seperti pencapaian akademik, bimbingan kerjaya, dan latar belakang keluarga. Kajian oleh Norasmah (2012) pula mendapati persepsi positif terhadap kerjaya mempengaruhi tingkah laku pemilihan kerjaya dalam kalangan murid universiti. Rohany (2003) turut menyatakan bahawa murid sekolah, khususnya murid sekolah menengah sering menghadapi masalah dalam pemilihan kerjaya. Masalah-masalah yang sering dihadapi adalah berkaitan dengan aspek tidak dapat membuat keputusan, kurang maklumat tentang diri dan kerjaya, tiada kepastian tentang kerjaya yang dipilih, kurang minat untuk merancang, dan tidak mampu menyelesaikan masalah.

Masalah-masalah ini berkait rapat dengan kurangnya kematangan kerjaya pada tahap umur mereka.

Masalah kurang kematangan kerjaya juga akan memberi kesan kepada pelajar-murid apabila berada di institusi pengajian tinggi, institusi latihan kemahiran dan dalam bidang pekerjaan. Hampir setiap murid akan mencari pekerjaan setelah dia menamatkan pelajaran atau latihannya. Pekerjaan yang diceburi bergantung kepada jenis pendidikan, jenis latihan, dan tahap pencapaian yang diperolehi semasa di sekolah. Terdapat juga murid yang tidak tahu memilih dan membuat keputusan jenis pekerjaan yang akan diceburinya. Pengetahuan yang cetek tentang pemilihan pekerjaan akan menyebabkan mereka tidak gembira dengan kerjaya yang dipilih dan melakukan pekerjaan tersebut dalam keadaan terpaksa (Suradi, 1996). Tambahan lagi, tahap kesedaran kerjaya murid ada kaitan dengan pemilihan kerjaya realistik yang



akan diterokai selepas tamat persekolahan menengah atas. Kesediaan dan keprihatinan dalam pemilihan kerjaya kini menjadi semakin rumit dan kompleks disebabkan perubahan persekitaran yang tidak menentu dan tidak dijangka akibat globalisasi.

Selain itu, personaliti murid mempunyai pengaruh kepada pemilihan kerjaya yang akan dibuat. Seseorang itu tertarik kepada sesuatu pekerjaan disebabkan personaliti dan beberapa faktor lain yang terkandung dalam latar belakang pekerjaan itu. Seseorang akan memberikan pandangan mereka terhadap sesuatu pekerjaan berdasarkan bentuk kerja dan pangkat-pangkat yang terdapat di dalam pekerjaan itu. Perbandingan diri dengan tanggapan satu-satu pekerjaan dan perasaan menerima atau menolaknya adalah satu penentuan utama di dalam pemilihan pekerjaan (Holland, 1973). Dalam Coon (2008), seseorang itu mestilah mempunyai kesedaran kerjaya



setelah tamat persekolahan. Kesedaran kerjaya merupakan kesedaran tentang perhubungan antara sendiri dengan pendidikan, mengenali kelompok pekerjaan serta kemahiran dalam membuat sesuatu pilihan. Oleh itu, kesedaran kerjaya merupakan pengetahuan tentang konsep kendirinya dan pelbagai aspek dunia pekerjaan seperti jenis-jenis pekerjaan, persekitaran pekerjaan dan faedah-faedah yang diperoleh daripada sesuatu pekerjaan.

Corak pembentukan individu perlu dipupuk sejak awal lagi agar mereka mengetahui perkara yang diinginkan dalam kehidupan mereka. Dengan mengetahui sejauh mana kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menengah rendah, pihak sekolah dan ibu bapa akan dapat membentuk murid dan anak yang lebih sensitif tentang alam pekerjaan dan mampu mensasarkan hala tuju kerjaya mereka sepadan dengan keperluan pasaran kerja. Uloma, Sunday dan Ngozi (2013) menyatakan ibu





bapa berperanan membantu anak-anak mereka dalam menggunakan maklumat sumber kerjaya bagi meluaskan pemahaman dan kesedaran anak-anak dalam membuat keputusan yang lebih bijak dalam pemilihan kerjaya.

Taskinen, Schutte dan Prenzel (2013) melihat peranan pihak sekolah yang tidak mengambil berat dan individu tidak berminat dalam memilih kerjaya menjadi sebab utama mengapa golongan murid tidak memupuk minat terhadap sesuatu kerjaya. Sekolah merupakan tempat yang amat penting untuk memahami minat murid terhadap kerjaya dan melihat ciri-ciri individu tersebut tedorong ke arah kerjaya yang bersesuaian. Peranan kaunselor sekolah dilihat penting untuk memberi pendekatan yang sistematik dalam membantu semua murid membuat keputusan, memahami diri mereka sendiri dan membangunkan matlamat yang sesuai. Murid perlu didedahkan dengan aktiviti mengenal diri melalui tafsiran hasil ujian piawai dan mempunyai maklumat pekerjaan yang sesuai untuk diri murid (Ibrahim, Wambiya, Aloka & Raburu, 2014).

Kesedaran kerjaya perlu dikenal pasti dalam usaha membina laluan kerjaya murid. Hal ini dianggap penting kerana dengan adanya persiapan awal dalam mempertimbangkan pilihan kerjaya potensi diri dapat diperkembangkan sejajar dengan kehendak pekerjaan yang akan diceburi kelak. Senario kerjaya dan persediaan yang ada dalam pemilihan kerjaya akan membantu murid dalam mempersiapkan diri mereka memasuki fasa baharu yang memerlukan mereka membuat keputusan yang sepadan dengan pekerjaan yang dipilih dalam menentukan hala tuju kerjaya.



1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneroka aspek kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menengah rendah. Kajian ini juga bertujuan untuk menghasilkan satu model kesedaran kerjaya

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian secara khusus untuk meneroka kesedaran kerjaya berdasarkan empat aspek. Oleh itu objektif yang hendak dicapai melalui kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Sejauh mana pengetahuan murid terhadap kerjaya.
- b. Sejauh mana minat kerjaya murid.
- c. Sejauh mana tanggapan kerjaya murid.
- d. Sejauh mana kematangan kerjaya murid.
- e. Cara murid membuat keputusan kerjaya.
- f. Membentuk sebuah model kesedaran kerjaya

1.6 Soalan Kajian

Kajian ini ingin mendapatkan jawapan kepada lima soalan kajian seperti berikut:

- a. Bagaimanakah pengetahuan murid terhadap kerjaya?
- b. Bagaimanakah minat kerjaya murid?
- c. Bagaimanakah tanggapan murid terhadap kerjaya?

- d. Bagaimanakah kematangan kerjaya murid?
- e. Bagaimanakah murid membuat keputusan kerjaya?
- f. Bagaimanakah model kesedaran kerjaya?

1.7 Kesignifikanan Kajian

Kajian ini diharap dapat memberi kepentingan kepada beberapa pihak iaitu murid, kaunselor dan ibu bapa. Murid perlu mempunyai kesedaran terhadap kepentingan kerjaya. Kesedaran murid terhadap kerjaya membantu mereka mengenali personaliti diri, bakat, minat, nilai dan pencapaian akademik. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan memberikan pengetahuan kepada murid tentang kerjaya sekaligus kepuasan mereka dalam kerjaya yang akan diceburi pada masa akan datang.

Melalui kajian ini juga, tahap kesedaran kerjaya murid dapat diketahui supaya dapat memberi cadangan kepada Unit Bimbingan dan Kaunseling iaitu kaunselor untuk melaksanakan pendidikan kerjaya di sekolah tersebut. Keupayaan untuk kaunselor melaksanakan pendidikan kerjaya merupakan suatu usaha yang akan memberi manfaat kepada semua pihak terutama kesan positif kepada murid itu sendiri. Maklumat yang diperolehi akan membantu kaunselor melaksanakan pendidikan kerjaya mengikut prosedur yang sistematik supaya keberkesanannya mencapai tahap yang maksimum. Tambahan lagi, kaunselor juga dapat meningkatkan intervensi untuk menyediakan pendidikan kerjaya dan merancang program yang berkesan serta menarik kepada murid.

Ibu bapa juga merupakan individu penting dalam memastikan murid meletakkan kerjaya sebagai suatu kepentingan utama. Dalam usaha untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa, kaunselor juga perlu memberikan pendedahan kepada mereka mengenai keperluan mengadakan program-program kerjaya sebagai satu sokongan kepada murid. Oleh hal yang demikian, kajian ini menyumbang kepada keharmonian interaksi sosial antara kaunselor dan ibu bapa demi kesejahteraan anak-anak.

1.8 Definisi Konsep dan Definisi Operasional

1.8.1 Kerjaya

Menurut kamus Dewan Edisi Keempat (2007), kerjaya ialah perjalanan atau kemajuan seseorang dlm sesuatu lapangan kehidupan serta profesion atau pekerjaan yg dipilih sebagai cara mencari nafkah. Peterson (2005) mendefinisikan kerjaya sebagai urutan pekerjaan seseorang individu merangkumi waktu persekolahan, kehidupan kerja sehinggalah saat persaraan. Selain itu, Omar (2008) memberi maksud kerjaya sebagai suatu pekerjaan yang diwujudkan dalam kehidupan seseorang. Rohany dan Lee (2012) menyatakan bahawa kerjaya adalah satu rangkaian pekerjaan dan pengalaman yang dilakukan oleh seseorang itu dalam jangka masa tertentu untuk menjalankan tugas.

Dalam kajian ini, kerjaya merupakan satu perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh murid itu sendiri. Murid mempunyai kesedaran kerjaya melalui perancangan, pemilihan dan keputusan kerjaya yang akan dibuat pada masa sekarang.



Penyelidik mengutamakan persediaan murid pada peringkat awal untuk melalui alam pekerjaan sekaligus mendapat kepuasan kerjaya pada masa hadapan. Daripada beberapa definisi yang telah dikemukakan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kerjaya termasuklah segala persediaan sebelum seseorang itu menceburkan diri dalam dunia pekerjaan sebenar dan juga peranan-peranan lain yang dilakukan olehnya selepas bersara. Kerjaya juga merangkumi pemilihan sesuatu pekerjaan, melaksanakan tugas yang diamanahkan dan menjalankan aktiviti-aktiviti selepas bersara bertujuan memenuhi keperluan fizikal, mental, rohani dan psikologi individu

1.8.2 Kesedaran Kerjaya



Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), kesedaran bermaksud perihal atau keadaan, keinsafan dan ingatan tentang sesuatu. Gribbons dan Lohnes (1982, dalam Rohany 2003) menyatakan kesedaran kerjaya ialah kesedaran individu terhadap dunia pekerjaan. Hal ini bermaksud, apabila seseorang mempunyai kesedaran kerjaya, dia akan memahami dan mengenali pekerjaan serta mampu mengenal pasti ciri-ciri yang ada pada dirinya dan keperluan sesuatu pekerjaan. Keperluan tersebut dilihat melalui perbandingan antara keperluan sesuatu pekerjaan dan juga pengisian yang ditawarkan dalam sesuatu pekerjaan itu.

Siti Suhaila (2010) menyatakan bahawa kesedaran kerjaya berkait rapat dengan pengetahuan murid terhadap konsep sendiri dan aspek-aspek dalam dunia pekerjaan seperti jenis pekerjaan, persekitaran pekerjaan dan faedah yang diperoleh daripada sesuatu pekerjaan. Murid juga tidak dapat mampu untuk mengidentifikasikan





jenis pekerjaan yang ditunjukkan dalam gambar rajah melalui inventori yang diberikan. Salhana (2008) pula mendefinisikan kesedaran kerjaya telah memberi peluang, kesedaran, semangat dan galakan kepada murid untuk menyedari keperluan dan kepentingan mengenai kerjaya dalam kehidupan mereka sebagai seorang pelajar. Pilihan kerjaya juga sering berubah disebabkan faktor persekitaran dan diri sendiri yang tidak pasti dengan pilihan yang dibuat.

Kesedaran kerjaya dalam kajian ini merujuk kepada kepentingan murid memiliki pengetahuan kerjaya yang berkaitan dengan aspek personaliti diri, minat, bakat, nilai dan pencapaian akademik demi menetapkan bidang kerjaya pada masa depan.



1.8.3 Murid Sekolah Menengah Rendah

Menurut Kamus Dewan (2007), murid didefinisikan sebagai orang yang sedang belajar atau orang yang mengaji.

Murid dalam kajian ini merupakan peserta kajian yang terdiri daripada murid menengah rendah yang berumur 14 tahun. Murid terdiri daripada kaum bangsa Melayu, Cina dan India.





1.9 Limitasi Kajian

Kajian ini terbatas kepada peserta kajian itu sendiri yang terdiri daripada murid-murid menengah rendah. Kajian ini juga terhad kepada sebuah sekolah sahaja di Daerah Johor Bahru. Penyelidik juga membataskan kajian kepada tempoh masa tertentu kerana tempoh peserta kajian berada pada peringkat menengah rendah adalah dalam tempoh dua tahun sahaja.. Tambahan lagi, peserta kajian lebih memfokuskan kepada persediaan untuk menghadapi peperiksaan berbanding pengetahuan mereka terhadap kerjaya. Oleh hal yang demikian, kajian ini tidak dapat memberikan rumusan mengenai kekerapan peserta kajian mendapatkan khidmat maklumat kerjaya daripada kaunselor sekolah.



1.10 Rumusan Bab

Bab ini membincangkan pengenalan dan landasan kepada kajian yang dijalankan. Perbincangan mengenai latar belakang dan permasalahan kajian bertujuan untuk menjelaskan dengan lebih terperinci bagaimana kesedaran kerjaya berkait rapat dengan aspek personaliti, minat, bakat, nilai dan pencapaian peserta kajian. Persoalan kajian juga amat penting bagi menjawab isu-isu yang memberi kesan kepada permasalahan yang dikemukakan oleh penyelidik. Selain itu, bab ini juga membincangkan mengenai tujuan kajian, kesignifikanan kajian dan limitasi yang diharap dapat memberikan gambaran yang tepat untuk menilai sejauh mana kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menengah rendah.





BAB 2

KAJIAN LITERATUR



2.1 Pengenalan

Bab ini dimulakan dengan teoritikal asas yang digunakan sebagai panduan dalam kajian ini. Perbincangan tertumpu kepada teori-teori pembangunan kerjaya iaitu teori Tret dan Faktor, teori Super dan teori Krumboltz Mitchell dan Gelatt. Bab ini juga turut membincangkan kaedah-kaedah yang pernah digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dalam mengkaji kesedaran murid sekolah terhadap kerjaya. Hal ini merangkumi kaedah inventori kesedaran kerjaya termasuk inventori minat, tanggapan, kematangan dan membuat keputusan. Kekuatan, kelemahan serta isu-isu yang timbul pada setiap kaedah tersebut turut dibincangkan. Akhir sekali, bab ini juga turut meninjau kajian-kajian lepas yang telah dilakukan di dalam dan luar negara yang berkaitan dengan kesedaran kerjaya dalam kalangan muridsekolah.





2.2 Pendekatan Teori

Terdapat tiga teori utama yang digunakan dalam kajian ini iaitu Teori Tret dan Faktor, Teori Super dan Teori Krumboltz, Mitchell dan Gelatt.

2.2.1 Teori Tret dan Faktor

Teori Tret dan Faktor merupakan salah satu teori pemilihan kerjaya yang tertua yang diperkenalkan oleh Frank Parson (1908). Matlamat akhir pendekatan teori ini adalah untuk memastikan ciri peribadi individu selaras dengan keperluan-keperluan dalam bidang sesuatu pengajian ataupun pekerjaan. Menurut Parson, teori ini menerangkan proses pemilihan kerjaya dengan berasaskan teori perbezaan peribadi individu. Teori ini percaya setiap individu yang wujud di dunia ini adalah berbeza dan unik. Teori ini juga mengandaikan bahawa setiap individu mempunyai corak kemampuannya yang unik, tret-tret tertentu yang dapat diukur dengan tepat, konsisten dan selaras serta mempunyai hubungan dengan keperluan-keperluan asas dalam beberapa jenis pekerjaan.

Teori ini bersifat kognitif dengan penggunaannya dapat mempermudah proses pemilihan kerjaya terutama maklumat yang tepat tentang diri individu dapat diperolehi. Teori ini berasaskan jangkaan terhadap penilai bakat dan sikap individu serta keperluan-keperluan dalam sesuatu pekerjaan. Parson turut mencadangkan bahawa pemilihan kerjaya yang baik perlu melibatkan tiga perkara utama iaitu kefahaman yang jelas tentang diri, pengetahuan tentang pekerjaan-pekerjaan dan





taakulan yang tepat tentang hubungan antara kedua-dua faktor tersebut. Teori ini juga menegaskan bahawa tugas utama dalam proses membuat pemilihan kerjaya adalah untuk memadankan individu dengan sesuatu pekerjaan. Dengan cara ini, keperluan individu akan dipenuhi dan pencapaian kerja yang memuaskan akan terhasil

Parson (1908, dalam Sidek, 2006) menjelaskan bahawa terdapat tiga strategi sistematik atau proses yang perlu ditekankan dalam proses pemilihan kerjaya. Strategi pertama adalah dengan mengenal pasti tret dan ciri individu yang bertujuan untuk menentukan kekuatan serta kelemahan diri. Proses ini membantu individu mengenal pasti potensi diri. Aspek potensi diri adalah seperti personaliti, minat serta nilai dan pencapaian. Kesemua aspek ini perlu diteroka secara mendalam. Seterusnya, strategi menganalisis keperluan pekerjaan amat penting iaitu dengan mendapatkan semua



maklumat berkaitan dengan pendidikan dan pekerjaan. Proses ini memerlukan individu mengumpulkan maklumat mengenai sesuatu bidang pengajian atau pekerjaan. Contohnya, penerangan tentang pekerjaan, latihan, syarat akademik, jangka masa latihan dan lain-lain maklumat yang berkaitan. Strategi memadankan individu dengan kerjaya pula adalah dengan membuat keputusan pemilihan bidang pendidikan atau pekerjaan yang sesuai dengan potensi diri. Proses terakhir ini memerlukan individu untuk menentukan dengan tepat matlamat kerjayanya. Dalam proses ini, individu perlu memadankan potensi diri dengan maklumat kerjaya yang dipilih.

Berdasarkan teori ini, pengkaji turut mengambil kira aspek personaliti, minat serta nilai dan pencapaian dalam meneroka diri peserta kajian tentang pemahaman mereka terhadap kerjaya. Oleh sebab itu pengkaji turut meneroka sumber dan maklumat kerjaya yang diperoleh peserta kajian yang merupakan salah satu aspek





penting dalam proses pemilihan kerjaya. Kesedaran murid untuk mendapatkan maklumat kerjaya merupakan salah satu ciri yang menunjukkan bahawa mereka mula memasuki fasa kematangan kerjaya. Individu yang tidak mempunyai kesedaran kerjaya tidak akan berusaha untuk mendapatkan maklumat kerjaya seterusnya membina matlamat kerjaya masa hadapan. Oleh hal yang demikian, aspek dalam teori tret dan faktor ini menjadi panduan utama kepada pengkaji untuk menjalankan kajian tentang kesedaran kerjaya murid.

2.2.2 Teori Super

Super (1975) menyatakan konsep sendiri berkembang melalui pertumbuhan fizikal dan mental, pemerhatian terhadap pekerjaan, hubungan dengan orang dewasa yang bekerja, persekitaran dan pengalaman. Hal ini akan mewujudkan persamaan dan perbezaan antara individu untuk memilih kerjaya. Banyak faktor untuk individu memilih kerjaya seperti keperluan, kebijaksanaan, minat, nilai, sikap, keluarga, rakan sebaya, masyarakat, ekonomi negara, pasaran buruh dan sekolah. Super menyatakan terdapat lima peringkat perkembangan kerjaya yang bermula daripada pertumbuhan di peringkat kanak-kanak iaitu 10 hingga 14 tahun yang membentuk konsep sendiri melalui orang signifikan dalam kalangan keluarga dan sekolah. Individu menonjolkan minat dan kebolehan dengan menceburi aktiviti sosial di rumah atau sekolah. Super telah membahagikan peringkat ini kepada tiga bahagian iaitu :





- a. Bahagian fantasi : 4 – 10 tahun
- b. Bahagian minat : 11 – 12 tahun
- c. Bahagian kebolehan : 13 – 14 tahun

Peringkat penerokaan pula adalah peringkat individu itu berada dalam lingkungan 15 hingga 24 tahun. Individu mula untuk meneroka diri dan mengenali dunia pekerjaan. Dalam peringkat ini, Super membahagikannya kepada tiga bahagian :

- a. Bahagian tidak tetap : 15 – 17 tahun
- b. Bahagian peralihan : 18 – 21 tahun
- c. Bahagian percubaan : 22 – 24 tahun



Dalam peringkat ini, peranan yang dimainkan oleh pihak keluarga dan sekolah adalah amat penting. Di peringkat ini, individu akan cuba untuk bekerja secara sambilan untuk menerokai dunia pekerjaan yang sebenar. Ketika ini jugalah individu mencari kerjaya yang sesuai dan mereka minati. Pada peringkat ini juga akan berlaku keraguan dan timbul perasaan serba salah dan dilema ketidakpastian dalam pemilihan sesuatu kerjaya. Seseorang individu akan mula menjurus ke arah pemilihan kerjaya yang lebih mendekatinya yang berasaskan persepsi yang ada pada dirinya dan persekitaran yang dapat memberi laluan yang terbaik kepadanya.

Seterusnya pada peringkat pengukuhan iaitu berumur 25 hingga 44 tahun, individu sudah mendapat konsep sendiri yang terjamin dan yakin dengan kerjaya yang diceburi. Super mengukuhkan lagi peringkat ini kepada peringkat pengekalan pada umur 45 hingga 64 tahun di mana individu akan mengekalkan konsep sendiri yang





sedia ada. Individu telah kukuh dengan kedudukannya dan menetapkan pendirian untuk terus kekal dengan kerjaya yang diceburi. Peringkat terakhir ialah peringkat penurunan pada umur 65 tahun ke atas. Individu telah mula merasai kekurangan tenaga dan mula menukar konsep sendiri untuk bersedia bersarfa dalam pekerjaan.

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada tahap perkembangan kerjaya pada umur 14 tahun dengan meneroka peserta kajian secara mendalam berkaitan aspek pembentukan konsep sendiri melalui orang signifikan dalam kalangan keluarga dan sekolah. Pada tahap umur ini, murid banyak belajar melalui faktor persekitaran terutama pemerhatian terhadap individu yang signifikan dengannya. Melalui pemerhatian ini maka timbul kepercayaan seterusnya minat yang mendalam terhadap sesuatu pekerjaan. Proses ini juga berkait rapat dengan dorongan luar dan motivasi untuk murid sekolah membina matlamat kerjaya dengan mengutamakan pencapaian akademik sebagai kayu ukuran.

2.2.3 Teori Krumboltz, Mitchell dan Gelatt

Teori ini dikemukakan oleh Krumboltz, Mitchell dan Gelatt pada tahun 1975 dan diperbaharu pada tahun 1995 oleh Krumboltz dan Mitchell sahaja (Zunker, 2012). Teori ini lebih cenderung kepada pengaruh kehidupan terhadap pemilihan kerjaya. Teori ini juga menjelaskan terdapat empat faktor dalam proses pemilihan kerjaya iaitu pengaruh baka dan kebolehan individu, persekitaran, pengalaman belajar dan kemahiran menjalankan tugas. Empat faktor ini merupakan satu keutamaan dalam meneroka dan memahami pemilihan kerjaya individu yang berkait rapat dengan



pengalaman dan pengaruh yang dimiliki dalam hidupnya untuk menentukan pemilihan kerjaya.

Pengaruh baka dan kebolehan individu merupakan sifat yang diwarisi yang mungkin membataskan peluang pekerjaan individu. Pengaruh persekitaran dan peristiwa dilihat sebagai faktor yang selalunya di luar kawalan individu. Seperti banjir dan bencana alam memberi kesan kepada kondisi ekonomi yang memberi kesan kepada kerjaya. Pengalaman belajar meliputi alat-alat pengalaman dalam belajar dan yang mempunyai hubungan dengan pengalaman belajar. Kemahiran dalam menjalankan tugas meliputi satu bentuk kemahiran individu yang telah dibangunkan seperti kemahiran menyelesaikan masalah, tabiat kerja, set minda, respon emosi dan kognatif. Faktor-faktor ini mampu membantu individu mengenali diri sendiri dengan lebih mendalam, mengenal pasti kemahiran sendiri dan menetapkan kebolehan individu contohnya dalam memilih pekerjaan dan memilih pusat pengajian atau latihan yang bersesuaian.

2.3 Kajian Literatur

Kajian dalam negara dan luar negara berkaitan dengan tahap kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar. Tahap kesedaran kerjaya diukur dengan menggunakan inventori kesedaran kerjaya, berbeza dengan kajian ini yang berbentuk kajian kes di mana pengkaji menggunakan protokol temu bual untuk mengetahui kesedaran kerjaya pelajar. Oleh itu, contoh kajian literatur dalam negara dan luar negara sama ada berbentuk kualitatif atau kuantitatif boleh diambil sebagai rujukan kepada pengkaji.

2.3.1 Kajian Literatur Kesedaran Kerjaya

Noraimuni (2016) telah menjalankan kajian kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar menengah rendah di sebuah sekolah. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar menengah rendah. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti perbezaan kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina, umur dan pendapatan kerluarga. Kajian ini bersifat analisis deskriptif dan sampel seramai 181 orang pelajar menengah rendah iaitu 100 pelajar perempuan dan 81 pelajar lelaki. Instrumen kajian ini terdiri daripada dua bahagian iaitu maklumat diri responden dan Inventori Kesedaran Kerjaya *Fadale*. Dapatan kajian mendapati tahap kesedaran kerjaya pelajar menengah rendah berada pada tahap yang tinggi. Dapatan lain pula menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan berkaitan kesedaran kerjaya berdasarkan jantina, umur dan pendapatan keluarga.

Mastura (2014) turut menjalankan kajian untuk melihat tahap kesedaran kerjaya dalam kalangan murid tingkatan satu dan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan tahap kesedaran kerjaya antara murid tingkatan satu dan dua berdasarkan gender dan berdasarkan tingkatan. Sampel kajian adalah seramai 100 murid. Alat kajian juga menggunakan Inventori Kesedaran Kerjaya *Fadale*. Kaedah analisis data menggunakan kaedah deskriptif dan ujian-t. Hasil kajian menunjukkan kesedaran kerjaya murid tingkatan satu dan dua berada pada tahap yang tinggi dan terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesedaran kerjaya berdasarkan tingkatan. Walau bagaimanapun, kajian mendapati tidak dapat perbezaan yang signifikan kesedaran kerjaya murid berdasarkan gender.



Kajian seterusnya dijalankan oleh penyelidik luar negara iaitu Fr. Racho, et al. (2014) yang menjalankan kajian tentang status kesedaran kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah awam di Marsabit Daerah Tengah, Kenya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif. Populasi kajian ialah seramai 2259 dan 250 murid telah dipilih dengan menggunakan teknik persampelan berstrata. Enam guru bimbingan dan kaunseling juga telah dipilih secara rawak. Penyelidik menggunakan soal selidik dan temu bual untuk mendapatkan maklumat daripada murid untuk mengumpul data daripada guru kaunseling dan pengetua. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, kesedaran kerjaya murid mempunyai hubungan yang signifikan dengan murid iaitu $p=0.001 < 0.05$. Dapatan kajian ini menunjukkan murid-murid yang mempunyai kesedaran kerjaya dapat membuat keputusan kerjaya, manakala mereka yang tidak mempunyai kesedaran kerjaya mengalami kesukaran membuat keputusan kerjaya. Hal ini menunjukkan bahawa bimbingan dan kaunseling kerjaya yang efektif dapat meningkatkan kesedaran kerjaya murid seterusnya membuat keputusan kerjaya yang betul. Kajian ini mencadangkan bahawa kaunselor sekolah perlu menyediakan pendekatan yang sistematik untuk membantu semua murid membuat keputusan, memahami minat diri sendiri terhadap kerjaya.

Kajian turut dilakukan oleh Ibrahim, Wambiya, Aloka dan Raburu (2014) mengenai status kesedaran kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah awam di daerah Marsabit Central, Kenya. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan deskriptif. Target populasi ialah 2,259 murid dan sembilan orang guru kaunseling dan bimbingan. Pengkaji telah memilih 250 murid di daerah menggunakan teknik pensampelan berstrata. Enam guru kaunseling dan bimbingan mewakili 67% daripada sembilan guru kaunseling dan bimbingan di daerah itu juga dipilih secara rawak untuk





kajian ini. Pengkaji menggunakan soal selidik dan temu bual untuk mendapatkan maklumat daripada murid dan jadual wawancara untuk mengumpulkan data daripada guru kaunseling dan pengetua. Penemuan menunjukkan bahawa, kesedaran kerjaya murid mempunyai hubungan yang signifikan dengan keputusan kerjaya pelajar, ($\chi^2 = 56.250$, $df = 49$, $p = 0.001 < 0.05$) iaitu, para murid yang mengetahui tentang kerjaya dapat membuat keputusan kerjaya, sementara mereka yang tidak menyedari kerjaya mengalami kesukaran membuat keputusan kerjaya. Hal ini menunjukkan bahawa panduan kerjaya dan kaunseling yang berkesan dapat membantu para murid untuk menyedari kerjaya dan ini membolehkan mereka membuat keputusan kerjaya yang tepat. Pengkaji ini mencadangkan agar kaunselor sekolah memberi pendekatan sistematik dalam membantu semua murid untuk proses membuat keputusan, untuk memahami diri mereka sendiri dan untuk membangunkan matlamat yang sesuai melalui tafsiran hasil ujian piawai dan prestasi kursus yang disediakan.



Berdasarkan kajian lepas berkaitan kesedaran kerjaya, penyelidik mendapati agak kurang dijalankan di luar negara berkaitan kesedaran kerjaya menengah rendah. Pemboleh ubah lain yang dikaji juga tiada hubungan yang signifikan dengan kesedaran kerjaya murid.

Zeenat (2014) ada menjalankan kajian mengenai kesedaran kerjaya profesional adalah paling penting bagi murid-murid yang telah menamatkan peperiksaan ke-10. Pengkaji mendapati masa yang sesuai dan langkah awal untuk memulakan kerjaya mereka sangat penting dengan murid harus membuat keputusan dan mengetahui cara untuk memulakan kerjaya mereka. Jadi, kajian mendapati bahawa murid perlu diberikan pelbagai cara yang sesuai untuk memulakan kerjaya mereka. Hasil kajian





mendapati kesedaran kerjaya profesional murid adalah rendah dan mereka memerlukan bimbingan kerjaya dalam bentuk program dan memerlukan satu tempoh masa yang khusus untuk menerima bimbingan kerjaya daripada guru yang mempunyai kepakaran dalam bidang kerjaya.

Kajian turut dilakukan oleh Uloma, Sunday dan Ngozi (2013) berkenaan kesedaran kerjaya dan penggunaan sumber maklumat kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah yang terpilih di Nigeria. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kaedah tinjauan. Data dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik. Sebanyak 228 soal selidik telah diedarkan dan hanya 200 soal selidik yang berjaya diperolehi semula. Soal selidik dianalisis dan ditafsirkan menggunakan kaedah peratusan mudah dan kaedah pengagihan mudah. Hasil analisis kajian membuktikan



bahawa murid menganggap ibu bapa, guru dan gereja sebagai sumber maklumat kerjaya Berdasarkan hasil kajian, pengkaji mengesyorkan supaya ibu bapa membantu anak-anak mereka dalam menggunakan maklumat sumber kerjaya bagi meluaskan pemahaman anak-anak dan membantu mereka dalam membuat keputusan yang lebih bijak dalam pemilihan kerjaya.

Kajian luar negara berkaitan kesedaran kerjaya turut dilakukan oleh Taskinen, Schutte dan Prenzel (2013). Kajian ini mengkaji tentang peranan pihak sekolah dan minat individu dalam memilih kerjaya yang berasaskan sains. Responden kajian ini ialah murid gred ke-9 di Jerman (N=7,813). Analisis kajian menunjukkan bahawa faktor sekolah sangat relevan untuk mempengaruhi kepentingan murid dalam konsep sains. Sebaliknya, minat dalam konsep sains mempengaruhi minat para murid terhadap kerjaya yang berkaitan sains. Kesimpulan dari kajian ini menunjukkan





bahawa memberi tumpuan kepada hubungan antara ciri-ciri individu dan sekolah adalah penting untuk memahami minat murid terhadap kerjaya berkaitan sains.

Rohani dan Lin (2013) menjalankan satu kajian yang bertujuan untuk melihat hubungan antara konsep sendiri dan kesedaran kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah. Seramai 165 murid berumur 12 tahun dari sebuah sekolah antarabangsa telah dipilih sebagai subjek untuk kajian ini. *Piers-Harris Children's Self-Concept Scale* telah ditadbir sebagai alat kajian untuk mengukur konsep sendiri murid manakala kesedaran kerjaya mereka telah diuji menggunakan Inventori Kesedaran Kerjaya. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan korelasi Pearson dengan tahap signifikan 0.05 terhadap hubungan antara konsep sendiri dan kesedaran kerjaya. Keputusan akhir menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara konsep sendiri dan kesedaran kerjaya dalam kalangan murid. Kajian

ini juga menunjukkan bahawa murid yang lebih tinggi konsep sendiri atau mereka yang mempunyai pandangan yang lebih positif mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang lebih tinggi.

Sultan (2012) menjalankan kajian untuk melihat kesedaran murid sekolah di United Arab Emirates (UAE). Dengan menggunakan kaedah *Self-Direct Search* (SDS) untuk mengukur tahap kesedaran, kajiannya mendapati murid tidak sedar akan pendidikan kesedaran kerjaya malahan, kurikulum untuk meneroka peluang pekerjaan yang terhad juga menjadi salah satu punca kepada kekurangan kesedaran kerjaya dalam kalangan murid di negara tersebut.





Kajian yang telah dijalankan oleh Zainab (2012) iaitu bertujuan untuk menyelidik kesedaran kerjaya dalam kalangan murid Sekolah Menengah Kangkar Pulau. Kajian ini mengkaji dan mengkhusus kepada kesedaran kerjaya dan melihat perbezaan tahap kesedaran kerjaya antara tahun pengajian, jantina dan bangsa. Selain itu, perbezaan yang terdapat antara kesedaran kerjaya murid berasaskan tahap pencapaian akademik, perbezaan antara kesedaran kerjaya berasaskan pekerjaan bapa, tahap kesediaan memilih kerjaya dan sebab pemilihan kerjaya turut dikaji. Sampel kajian terdiri dari 150 orang murid Tingkatan 1 dan Tingkatan 4. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengetahui tahap kesedaran kerjaya ialah Kesedaran kerjaya Fadale. Selain daripada itu, soal selidik digunakan untuk mendapatkan latar belakang pelajar, tahap kesediaan kerjaya dan sebab pemilihan kerjaya. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Packages for Social Science*



Version 16.0. Hasil dapatan dianalisis secara statistik deskriptif dan statistik inferensi.

Dapatan kajian menjelaskan bahawa kesedaran kerjaya murid adalah berdasarkan tingkatan, pencapaian akademik dan bidang perkerjaan bapa. Bagaimanapun kajian ini mendapati tiada perkaitan antara kesedaran kerjaya dengan jantina, bangsa, tahap kesediaan murid dan sebab pemilihan kerjaya.

Kajian berkaitan kesedaran kerjaya turut dijalankan oleh Janeiro dan Marques (2010) berkaitan gaya mengatasi kerjaya iaitu perbezaan sikap kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Model kematangan kerjaya Super (1990) digunakan untuk mengkaji jenis-jenis kesukaran yang dikaitkan dengan sikap kerjaya. Kajian ini dijalankan ke atas 620 pelajar Portugis dari gred 9 dan 12. Satu analisis kluster digunakan untuk mengenal pasti empat gaya corak hubungan yang berbeza iaitu antara perspektif masa, kepercayaan sifat, harga diri dan sikap kerjaya. Salah satu alat





kajian yang digunakan ialah Inventori Pembangunan Kerjaya (CDI) (Thompson & Lindeman, 1981) bagi mengukur kematangan kerjaya. Dapatan kajian menunjukkan gaya sikap kerjaya adalah lebih komited, dan tiga gaya yang lain adalah pasif, tidak selamat dan pesimis iaitu menunjukkan kematangan kerjaya yang lebih rendah.

Siti Suhila (2010) ada menjalankan kajian untuk mengenal pasti tahap kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar Orang Asli. Kajian ini merupakan kajian tinjauan berdasarkan tujuh subskala iaitu identifikasi jenis pekerjaan, keperluan akademik, tahap pengenalan pekerjaan, kemampuan membezakan pekerjaan, status pekerjaan, identifikasi kelompok dan identifikasi ciri-ciri pekerjaan. Kajian ini dijalankan ke atas 64 pelajar orang asli dengan menggunakan Inventori Kesedaran Kerjaya sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan *The*



Statistical Package for Social Science (SPSS) untuk melihat kekerapan dan peratusan. Hasil kajian mendapati semua responden mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang rendah kecuali dalam sub skala tahap pengenalan pekerjaan, kemampuan membezakan pekerjaan dan status pekerjaan. Siti Suhila juga mencadangkan supaya pelbagai alternatif perlu dijalankan untuk meningkatkan tahap kesedaran kerjaya.

Norhaiyati (2009) menjalankan kajian untuk menilai kesan program bimbingan kerjaya terhadap kesedaran kerjaya dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar-pelajar yang bekerja secara sambilan. Kajian ini dijalankan secara eksperimental terhadap 40 orang pelajar tingkatan 4 yang dipilih secara rawak bertujuan. Subjek diagihkan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan secara persampelan rawak berpasangan. Subjek kumpulan rawatan telah mengikut program bimbingan kerjaya selama 3 hari dalam masa persekolahan. Data kuantitatif dikumpul dengan





menggunakan inventori kesedaran kerjaya Fadale (1974) dan soal selidik motivasi pencapaian. Data analisis dengan menggunakan ujian t pada nilai aras signifikan 0.05. Hasil kajian menunjukkan program bimbingan kerjaya berkesan untuk meningkatkan kesedaran kerjaya bagi kumpulan rawatan dengan menunjukkan trend meningkat daripada titik praujian ke titik pos ujian. (pra 74.3000, pos 99.1500) manakala untuk motivasi pencapaian bagi kumpulan rawatan pula menunjukkan trend meningkat daripada titik praujian ke titik pos ujian (pra 63.2500, pos 76.7500).

Mazirah (2009) menjalankan kajian untuk mengenal pasti kesedaran kerjaya dalam kalangan murid tingkatan 2 di sekolah menengah. Kajian ini juga dapat mengenal pasti perbezaan kesedaran kerjaya dalam kalangan murid mengikut jantina dan etnik. Kajian bersifat analisis deskriptif memerlukan 159 responden iaitu 78 murid lelaki dan 81 murid perempuan tingkatan dua. Instrumen kajian terdiri daripada item kesedaran kerjaya yang diperkenalkan oleh Fadale (1974). Analisis statistik deskriptif digunakan bagi melaporkan keputusan analisis data iaitu kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesedaran kerjaya dalam kalangan murid adalah sederhana. Dapatan lain menunjukkan tidak wujud perbezaan kesedaran kerjaya yang signifikan antara murid lelaki dengan murid perempuan. Perbezaan yang signifikan mengenai kesedaran kerjaya berdasarkan etnik Melayu, Cina dan India adalah tidak wujud. Kajian ini menunjukkan bahawa etnik dan jantina tidak memberi sumbangan ke atas kesedaran kerjaya murid sekolah menengah tingkatan dua.





Kajian mengenai kesedaran kerjaya turut dilakukan oleh Cardoso dan Moreira (2009). Kajian ini mengkaji tentang kepercayaan keberkesanan diri dan hubungan antara perancangan kerjaya dan persepsi terhadap halangan-halangan kerjaya. Pengkaji melaksanakan kajian ini kepada pelajar Portugis seramai 488 dalam Gred 9 dan 517 dalam Gred 12. Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi tentang halangan kerjaya yang membawa kepada perancangan kerjaya kurang dalam kalangan kanak-kanak perempuan yang mempunyai keberkesanan diri yang rendah. Penemuan menunjukkan bahawa pembolehubah seperti jantina dan kematangan psikologi perlu dipertimbangkan dalam memahami perancangan kerjaya. Selain itu, pengkaji turut mengatakan bahawa penemuan kajian ini amat rasional dalam kaunseling kerjaya dan berjaya dalam membantu remaja meningkatkan keberkesanan diri mereka. Kaunselor boleh bermula dengan membantu klien mengenal pasti halangan pendidikan dan pekerjaan, dan kemudian cuba memperkenalkan aspek kepercayaan iaitu keberkesanan diri, jangkaan hasil, dan persamaan sebab dan akibat yang dapat meningkatkan perancangan kerjaya, sikap terhadap penerokaan kerjaya, dan kemahiran untuk mengatasi halangan yang ada. Hal ini juga menunjukkan bahawa campur tangan sedemikian harus dimulakan seawal mungkin bagi meningkatkan kematangan dalam membuat perancangan kerjaya dan kurang terdedah kepada persepsi-persepsi halangan kerjaya yang ada.

Mohamad Faizel (2009) menjalankan kajian untuk mengkaji tahap kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar tingkatan empat menggunakan Inventori Kesedaran Kerjaya oleh Fadale. Seramai 120 orang subjek kajian yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat di sekolah menengah di Perak. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik seperti deskriptif, Ujian Mann-Whitney dan ujian Kruskal-Wallis.





Hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap kesedaran kerjaya pelajar tingkatan empat berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesedaran kerjaya berdasarkan jantina. Dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan kaum.

Salhana (2008) menjalankan kajian untuk melihat tahap kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar tingkatan 4 sekolah menengah. Pengkaji juga ingin melihat perbezaan tahap kesedaran kerjaya melalui beberapa faktor demografi seperti jantina, kaum dan aliran. Seramai 100 responden telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Alat kajian yang digunakan ialah Inventori Minat Kerjaya Fadale yang mengukur tahap kesedaran kerjaya seseorang pelajar. Dua kaedah penganalisan data yang digunakan dalam ujian-t dan ujian Anova. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan kesedaran kerjaya antara aliran dalam kalangan pelajar tingkatan empat.

Berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan kesedaran kerjaya yang dikaji oleh penyelidik mendapati kesedaran kerjaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah lain yang dikaji dan tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina iaitu lelaki dan perempuan masing-masing berada pada tahap yang sama terhadap kesedaran kerjaya.

Selain itu, kajian berkaitan kesedaran kerjaya yang menekankan tentang persepsi pelajar telah dilakukan oleh Byrne dan Willis (2005). Pengkaji melakukan





kajian terhadap persepsi pelajar sekolah menengah tentang kerja akauntan dan profesion perakaunan di Ireland. Pengkaji menunjukkan bahawa persepsi yang dipegang oleh seseorang adalah pengaruh penting terhadap keputusan kerjaya yang akan dibuat oleh mereka pada masa hadapan. Kajian terdahulu mendapati terdapat perbezaan persepsi antara mereka yang mempelajari perakaunan dan mereka yang tidak mempelajari subjek tersebut. Kajian terdahulu tidak memberi tumpuan kepada jantina tetapi tidak ada alasan untuk mengharapkan persepsi adalah *gender neutral*. Oleh itu, kedua-dua pemboleh ubah telah diteliti dalam kajian ini. Soal selidik direka untuk mengumpul pandangan pelajar sekolah menengah mengenai pelbagai isu berkaitan kerjaya dan perakaunan. Satu bahagian soal selidik adalah meliputi persepsi pelajar tentang perakaunan dan kerja akauntan. Di Ireland, pelajar menduduki dua peperiksaan negeri semasa pendidikan menengah iaitu sijil junior setelah tamat pengajian selama tiga tahun, dan sijil akhir pelajaran menengah mereka. Kajian ini memohon pandangan pelajar yang telah menamatkan sijil junior mereka dan berada dalam dua tahun terakhir mereka sekolah, di mana mereka banyak membuat keputusan yang melibatkan kerjaya. Analisis ANOVA menunjukkan bahawa tidak ada interaksi signifikan dalam mengkaji perakaunan dan jantina. Oleh itu, hasil kajian mengatakan persepsi pelajar banyak dipengaruhi oleh subjek kajian di sekolah, media dan guru.





2.4 Rumusan Bab

Secara keseluruhannya, bab 2 ini membincangkan mengenai kajian literatur bagi memberi panduan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini dengan lebih baik dan berkesan. Bab ini juga menunjukkan bahawa terdapat kajian yang telah dijalankan adalah hampir sama dengan kajian yang bakal dijalankan oleh pengkaji. Oleh itu, kajian literatur dapat dijadikan sebagai panduan dan sokongan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian berkaitan dengan kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menengah rendah.





BAB 3

METOD KAJIAN



3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai bentuk rangka kerja dalam menjalankan sesuatu kajian. Cohen dan Mainon (1996; dalam Nurul Akma 2009) menyatakan bahawa metodologi kajian adalah sebagai pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan untuk mengumpul maklumat dan data. Oleh itu, perkara-perkara yang dibincangkan dalam Bab 3 adalah berkaitan reka bentuk kajian, prosedur menjalankan kajian, prosedur pemilihan sampel kajian, prosedur pengumpulan data, protokol temu bual, prosedur analisis data, peranan penyelidik, etika kajian, prosedur pengesahan data dan kesahan.





3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif yang cuba memahami keadaan dan suasana yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah rendah. Pemilihan pendekatan kualitatif adalah untuk menjawab persoalan yang memerlukan jawapan kepada bagaimana dan apa yang berlaku melalui penerokaan dan kajian yang terperinci (Creswell, 2008). Secara ringkasnya, kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan reka bentuk kajian kes. Reka bentuk kajian ini bersesuaian dengan hasrat dan matlamat kajian iaitu untuk mengetahui kesedaran kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah rendah. Penyelidik juga berminat untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapat pemahaman yang mendalam tentang pengalaman peserta kajian menyertai program kerjaya dan mendapatkan pendidikan atau bimbingan kerjaya daripada kaunselor. Dengan menumpukan kepada sesuatu fenomena berupa proses dalam mendapatkan pendidikan atau bimbingan kerjaya, matlamat penyelidik adalah untuk meneroka interaksi faktor-faktor yang signifikan tentang ciri-ciri fenomena tersebut.

Kaedah kajian kes adalah suatu bentuk kaedah kajian yang sering digunakan dalam bidang pendidikan untuk mencapai salah satu objektif iaitu menjelaskan sesuatu fenomena secara terperinci, menjelaskan beberapa kemungkinan fenomena berlaku dan untuk menilai fenomena tersebut. Kajian ini juga membolehkan penyelidik meneroka secara mendalam dan menyeluruh fenomena yang dikaji dalam konteks yang sebenar. Kajian kes juga lebih tertumpu kepada proses kajian tersebut dijalankan untuk membolehkan penyelidik menguji interaksi antara penyelidik dan peserta sehingga terbina maklumat yang bermakna. Reka bentuk kajian kes juga boleh





digunakan untuk meneroka secara jelas persoalan kajian. Suatu bentuk kajian kes diperlukan untuk mendapatkan keterangan dan kefahaman secara holistik terhadap kesan serta pengaruh setiap unit yang terlibat.

Kajian kes juga akan memberikan penjelasan berkaitan sesuatu kes atau individu, memberikan penerangan kepada “mengapa” situasi itu berlaku dan untuk menilai sesuatu program atau individu. Kajian ini juga boleh merangkumi kajian berbentuk penerokaan program, aktiviti, dan proses murid mendapatkan maklumat kerjaya. Pemilihan kedah kajian kes ini juga adalah untuk membolehkan pengkaji meneroka peserta kajian secara mendalam terhadap pengalaman melalui program dan pendidikan kerjaya di sekolah dan menyiasat bagaimana pengetahuan tersebut dilaksanakan dalam konteks sebenar bersama murid.



Menurut Othman (2014), kajian kes boleh difahami melalui ciri-cirinya yang khusus. Kajian kes yang ingin dilaksanakan oleh penyelidik adalah bercirikan parikularistik yang bermaksud kajian kes yang menumpukan kepada situasi, peristiwa, program atau fenomena tertentu. Kes yang ingin dikaji berkaitan kesedaran murid terhadap kerjaya menjelaskan fenomena yang dikaji berbeza dengan kes-kes lain yang mungkin juga mengkaji fenomena yang sama. Pemahaman penyelidik sendiri mengenai kajian ini menunjukkan bahawa setiap murid mempunyai kesedaran kerjaya yang berbeza berdasarkan pengalaman tentang pengetahuan kerjaya yang diperoleh mereka sama ada daripada faktor luaran atau dalaman.





Othman juga ada menyatakan mengenai pelbagai cara yang digunakan oleh penyelidik dalam mengkategorikan kajian kes. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan jenis kajian kes intrinsik. Kajian kes intrinsik dijalankan dengan tujuan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang sesuatu kes tertentu. Kajian ini didorong oleh minat penyelidik yang mendalam terhadap sekumpulan murid untuk mengetahui sejauh mana kesedaran kerjaya meliputi pemilihan kerjaya, perancangan kerjaya dan keputusan kerjaya yang dibuat. Kajian kes yang dijalankan ini memberi pengetahuan kepada penyelidik tentang fenomena dalam kalangan murid menimbulkan kesedaran kerjaya yang diharapkan dapat menyumbang kepada kesedaran kepada muird tentang kepentingan kerjaya.

Menurut Marzita dan Sadiyah (2011), penyelidikan kualitatif lebih menekankan kepada makna konteks berbanding daripada data yang diukur dalam bentuk angka.

Kajian kualitatif mempersoal dan mentafsir makna data yang dikaitkan dengan anggapan awalan dan kaedah yang digunakan. Struktur kajian perlu dinilai semula dan tindakan pembetulan akan diambil sekiranya dapatan tidak memuaskan atau tidak konsisten. Penyelidikan selalunya dilakukan kepada sampel yang kecil tetapi mendalam dan berkemungkinan untuk jangka waktu yang dilanjutkan. Hal ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti corak yang signifikan dan tema-tema yang berulang di dalam konteks semula jadinya yang mungkin boleh menjadi pemangkin kepada penyelidikan seterusnya. Pemantauan yang konsisten terhadap bias yang tidak wajar adalah penting memandangkan kajian kes melibatkan penyelidik secara langsung seperti menemu bual malah mengamalkan interaksi gaya hidup. Dapatan tidak mementingkan ketepatan statistik tetapi lebih kepada kemunculan konsep dan kategori yang menggerakkan penyelidik untuk sentiasa menguji dan mengemas kini teorinya.





3.3 Prosedur Menjalankan Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik perlu terlibat secara langsung untuk mendapatkan maklumat daripada peserta kajian. Oleh itu, kaedah temu bual amat penting digunakan bagi mendapatkan maklumat yang khusus. Othman (2014) menyatakan temu bual sesuai digunakan dalam kajian kes yang mengkaji hanya beberapa individu terpilih seperti mana yang dikehendaki oleh penyelidik dalam kajian ini. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dengan menyediakan soalan-soalan yang telah ditentukan melalui aspek soalan kajian yang telah dinyatakan untuk semua peserta kajian.

Penyelidik sendiri akan menjadi penemu bual dengan merekodkan tindak balas mengikut skema pengekodan yang telah ditentukan dalam kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Othman (2014) menyatakan penyelidik sendiri yang akan menemu bual dan merekodkan maklumat temu bual dengan menggunakan buku nota ataupun pita rakaman. Semua peserta kajian akan mendapat set soalan yang sama dan disoal dalam urutan yang sama oleh penemu bual. Fleksibiliti dari segi soalan dan jawapan yang diberi oleh peserta kajian adalah sangat sedikit. Prosedur menjalankan kajian terdiri daripada beberapa fasa iaitu :

3.3.1 Fasa pertama

Penyelidik akan berjumpa dengan kaunselor untuk mendapatkan maklumat tentang bimbingan atau pendidikan kerjaya yang diberikan kepada peserta kajian. Penyelidik





akan mendapatkan maklumat tentang peserta kajian yang pernah mendapatkan bimbingan kerjaya daripada kaunselor sama ada secara berkumpulan atau individu. Penyelidik juga akan memfokuskan inventori kerjaya yang pernah diambil oleh peserta kajian sebagai pendedahan awal mereka kepada sesuatu kerjaya.

3.3.2 Fasa kedua

Penyelidik melakukan temu bual separa berstruktur dengan cara perbincangan kumpulan berfokus. Penyelidik menemu bual murid untuk melihat kefahaman mereka tentang kesedaran kerjaya. Sejauh mana kefahaman murid tentang pelaksanaan pendidikan kerjaya juga menyumbang kepada kesedaran murid terhadap kerjaya.



Temu bual ini akan memfokuskan kepada jawapan secara langsung yang diberikan oleh peserta kajian tanpa diubah suai oleh penemu bual. Proses temu bual dijalankan dalam keadaan yang kondusif dan kemudahan fizikal sesuai dengan bilangan peserta kajian.

3.3.3 Fasa ketiga

Pada peringkat ini, penyelidik akan mendapatkan maklumat melalui bacaan, tulisan dan laporan yang kaunselor sediakan hasil daripada bimbingan kerjaya kepada peserta kajian. Penyelidik akan melihat kepada laporan yang kaunselor sediakan melalui sesi bimbingan kerjaya yang telah dilaksanakan untuk mengetahui perkembangan peserta





kajian terhadap kesedaran kerjaya. Maklumat yang akan diterima boleh menyumbang kepada dapatan kajian ini.

3.4 Protokol Temu Bual

Kajian ini memerlukan penyelidik sendiri sebagai instrumen kajian yang utama. Oleh itu, penyelidik telah membina satu protokol temu bual separa berstruktur berdasarkan kepada tujuan dan soalan kajian yang telah dinyatakan terlebih dahulu. Protokol temu bual dimulakan dengan soalan-soalan umum tentang pengetahuan kerjaya pelajar. Menurut Othman (2014) membina soalan bagi temu bual berstruktur boleh dibuat dengan perlbagai cara. Salah satunya adalah berasaskan data temu bual dan pemerhatian berstruktur. Hal ini adalah sebagai langkah awal penyelidik dapat memahami pengetahuan sedia ada murid terhadap kerjaya. Setelah itu, soalan-soalan yang lebih khusus dibina berdasarkan empat aspek utama iaitu minat murid terhadap sesuatu kerjaya, tanggapan atau persepsi murid terhadap kerjaya, kematangan murid dalam memilih kerjaya seterusnya bagaimana murid membuat keputusan terhadap kerjaya mereka. Protokol temu bual yang lengkap boleh dirujuk pada helaian lampiran kajian ini.

3.5 Tempat Kajian

Kajian ini akan dilaksanakan di salah sebuah sekolah menengah di daerah Johor Bahru iaitu Maktab Sultan Abu Bakar. Sekolah yang dipilih adalah bertepatan dengan





kehendak penyelidik untuk memenuhi segala tuntutan, keperluan dan kehendak kajian. Pemilihan sekolah ini adalah berdasarkan kepada faktor jarak dan kemudahan yang ada di sekolah berkenaan dengan tempat tinggal penyelidik yang akan menjimatkan kos perjalanan dan tenaga semasa proses penyelidikan dijalankan. Selain itu, faktor terdapatnya populasi yang bertepatan dengan tujuan kajian iaitu populasi murid menengah rendah yang akan telah mencapai tempoh matang untuk membina matlamat kerjaya masa depan.

3.6 Prosedur Pemilihan Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada sampel yang terpilih dan memenuhi kriteria yang dikehendaki dalam kajian berbentuk *'purposive sampling'*. Menurut Othman (2014) soalan yang terbuka memberi ruang kepada pengkaji memilih latar dan populasi kajian yang sesuai. Pengkaji juga dapat menentukan sendiri strategi persampelan yang akan dipilihnya. Dalam kajian ini, pemilihan sampel berdasarkan sampel bertujuan, iaitu penyelidik secara khususnya memilih individu atau lokasi yang telah dikenal pasti secara khusus untuk memahami sesuatu fenomena. Oleh hal yang demikian, sampel dalam kajian ini menjurus kepada murid menengah rendah.

Dalam konteks kajian ini, jumlah sampel ialah enam orang dan hanya daripada sebuah sekolah di daerah Johor Bahru. Penyelidik akan menjalankan sesi temu bual bersama peserta kajian untuk mendapatkan jawapan kepada setiap soalan yang telah dibina. Dalam menentukan bilangan sesi temu bual yang akan dijalankan, penyelidik akan menjalankan temu bual sehingga mencapai ketepuan data. Hal ini bermakna,





tiada lagi maklumat baharu atau bertindan dengan data yang telah diperolehi pada setiap sesi sebelumnya. Apabila penyelidik telah berpuas hati dengan data yang diperolehi, maka sesi temu bual akan ditamatkan.

3.7 Prosedur Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, penyelidik merancang untuk menggunakan kaedah mengumpul data iaitu melalui temu bual separa berstruktur. Temu bual separa berstruktur dijalankan menggunakan protokol temu bual yang telah dibina berdasarkan kepada soalan kajian ini. Temu bual dijalankan secara separa struktur iaitu penyelidik menentukan soalan lebih awal dan dikembangkan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh peserta kajian berasaskan soalan-soalan. Temu bual dirakam dengan kebenaran peserta kajian menggunakan MP3 dan radio perakam.

3.7.1 Analisis Data Temu Bual

Temu bual yang akan dijalankan adalah berbentuk temu bual separa berstruktur. Temu bual dijalankan secara kumpulan berfokus antara penyelidik dan peserta kajian. Data-data temu bual akan melalui proses transkripsi ke dalam bentuk teks dan interpretasi data dapat dijalankan. Berdasarkan data awal ini, penyelidik akan menjalankan temu bual berikutnya untuk memastikan data-data seterusnya benar-benar relevan dengan topik kajian.





Penyelidik akan menggunakan sepenuhnya data daripada peserta kajian tanpa mengubah ayat atau maksudnya walau sedikitpun. Cara ini akan membantu penyelidik meningkatkan keberkesanan dan mengurangkan bias apabila menganalisis data daripada peserta kajian yang berikutnya.

3.8 Prosedur Analisis Data

Dalam kajian ini, untuk menganalisis data, penyelidik akan mengumpulkan semua maklumat hasil daripada temu bual yang telah dijalankan. Maklumat tersebut akan melalui proses transkripsi dan ditaip supaya dapat dibaca dengan mudah dan jelas.

Kerja-kerja mengurus dan menyusun atur data memerlukan prosedur dan proses yang sistematis supaya mudah diakses semula untuk dianalisis selanjutnya. Proses

mengurus dan menganalisis data akan melalui beberapa prosedur tertentu iaitu :

3.8.1 Proses Transkripsi

Penyelidik sendiri akan melaksanakan proses transkripsi terhadap semua maklumat yang telah dikumpul melalui temu bual bersama peserta kajian. Untuk mengelakkan penyelidik bersikap bias, penyelidik perlu memasukkan petunjuk-petunjuk bukan lisan seperti perasaan malu, gelak ketawa dan mimik muka kerana cara itu boleh memberikan makna yang lebih mendalam daripada perkara yang diperkatakan oleh peserta kajian. Penyelidik tidak perlu mengubah ayat atau maksud ayat yang diberikan





untuk mengelakkan wujudnya percanggahan maklumat daripada peserta kajian. Setelah itu, penyelidik perlu memberikan hasil transkripsi kepada peserta kajian untuk disemak sejauh mana kebenaran maklumat yang telah diberikan oleh mereka semasa proses temu bual dijalankan.

3.8.2 Menyusun Atur Data

Setelah proses transkripsi dijalankan, penyelidik akan menyusun atur data data-data ke dalam bahagian yang mudah disemak dan diperolehi kemudian. Setiap peserta kajian dan transkrip temu bual akan diberikan nombor kod tertentu untuk menjaga kerahsiaan dan memperlihatkan analisis yang lebih sistematik. Data tersebut akan dianalisis dan disusun kepada beberapa bahagian mengikut pola, kategori atau tema tertentu. Seterusnya penyelidik akan menginterpretasi maklumat tersebut dengan menggunakan skema tertentu. Data-data akan dipersembahkan dalam bentuk jadual supaya penyelidik dapat menunjukkan perkaitan antara data, pola, kategori dan tema tertentu secara teratur. Data-data ini akan disusun menggunakan fail *folders* supaya penyelidik dapat menganalisisnya secara berperingkat dengan mudah dan sistematik.

3.8.3 Pengkodan dan Membentuk Sistem Kategori

Setelah transkrip diteliti oleh penyelidik, data perlu dibahagikan kepada unit-unit analisis yang bermakna. Apabila sesuatu segmen data yang bermakna dikesan, ia akan dikodkan. Proses ini akan terus dijalankan sehingga semua data telah disegmenkan





dan pengekodan awalan telah lengkap. Semasa proses pengekodan, penyelidik perlu menyimpan senarai kod utama yang mengandungi semua kod yang telah dibentuk dan digunakan dalam kajian. Kemudian, kod-kod tersebut digunakan sekali lagi ke atas segmen data baru setiap kali segmen yang sesuai ditemui.

3.9 Peranan Penyelidik

Dalam kajian ini, penyelidik akan memulakan penyelidikan dengan mendapatkan kebenaran daripada pihak-pihak berkenaan khususnya Kementerian Pendidikan, pihak universiti dan sekolah yang menjadi latar kajian. Prosedur seperti surat-menyurat mengenai permohonan, perbincangan awal dan kebenaran khas akan dilakukan dan dipatuhi oleh penyelidik supaya kerjasama dengan pelbagai pihak dapat menyempurnakan kajian ini.

Penyelidik merupakan individu terpenting dan akan terlibat secara langsung dalam kajian ini. Hal ini akan membolehkan penyelidik mendengar, melihat dan memahami realiti sebenar seperti yang dialami oleh peserta kajian. Penyelidik akan bertindak sebagai pemerhati untuk meneroka dan memahami sejauh mana kesedaran kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah rendah. Seterusnya, penyelidik akan bertindak sebagai penemu bual untuk memahami dan menghayati kesedaran kerjaya peserta kajian. Penyelidik juga perlu menjalankan pembacaan khusus bagi memahami dengan lebih mendalam topik kajian berdasarkan pelbagai sumber seperti rujukan penulisan tesis, jurnal, internet dan sebagainya.



3.10 Etika Kajian

Sebelum melaksanakan proses temu bual bersama peserta kajian, penyelidik perlu memberi pemahaman kepada peserta kajian melalui penerangan terperinci tentang etika yang dipegang oleh penyelidik. Penerangan ini akan mewujudkan suasana kondusif dan selesa antara penyelidik dan peserta kajian supaya maklumat yang diperolehi adalah telus tanpa mempunyai sebarang pengaruh tertentu.

Beberapa perkara penting yang seharusnya perlu diberi perhatian khusus oleh penyelidik dalam mengamalkan etika penyelidikan seperti sifat keterbukaan yang perlu ditunjukkan oleh penyelidik kepada peserta kajian. Penyelidik perlu memberi penerangan mengenai kajian yang akan dijalankan secara umum supaya dapat memberi kefahaman dan gambaran kepada peserta kajian tentang tujuan kajian dilakukan. Hal ini akan mewujudkan hubungan baik antara penyelidik dan peserta kajian supaya peserta kajian dapat memberikan respon atau pendapat yang relevan berkaitan topik kajian.

Penyelidik perlu mendapatkan persetujuan daripada peserta kajian yang melibatkan masa dan waktu yang sesuai untuk menjalankan temu bual. Hal ini penting kerana ia mempengaruhi respon yang peserta kajian berikan kepada penyelidik. Peserta kajian juga perlu diberi hak kebebasan untuk memberikan respon kepada soalan yang diajukan oleh penyelidik tanpa diberi nilai atau makna oleh penyelidik itu sendiri. Penyelidik harus memberikan maklum balas yang baik yang akan mewujudkan sifat keadilan dan kebolehpercayaan kajian.



Penyelidik perlu prihatin dengan isu bias dan kerahsiaan yang kemungkinan akan timbul semasa temu bual atau analisis dijalankan. Ia merupakan etika paling penting dalam melaksanakan apa jua kajian supaya tidak memberi kesan keraguan kepada peserta kajian mengenai maklumat yang telah diberikan.

3.11 Prosedur Pengesahan Data

Kesahan dalam kajian kualitatif telah didefinisikan oleh Othman Lebar (2014) iaitu kesahan dalam kajian kualitatif sama ada dapatan kajian adalah benar dan pasti iaitu dapatan kajian menggambarkan dengan tepat situasi sebenar dan pasti dalam erti kata hasil kajian disokong oleh bukti dan tidak ada asas untuk meraguinya. Suatu penyelidikan kualitatif boleh dipercayai jika orang lain bersetuju bahawa mereka akan mempunyai pengalaman tersebut walaupun mereka hanya membaca laporan penyelidikan (Chua Yan Piaw, 2006).

3.11.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan data dalam kajian kualitatif melibatkan prosedur kajian yang teratur dan beretika (Meriam, 2001). Dalam kajian Ahmad Yunus dan Halim Tamuri (2010), kesahan dalaman dalam penyelidikan kualitatif ditakrifkan sebagai sejauh mana tepatnya satu-satu gambaran yang diperhatikan mewakili fenomena yang dirujuk dan dikaji. Hal ini juga bertujuan untuk memastikan keberkesanan metodologi kajian dalam mengumpulkan data yang berkualiti untuk





dapatan kajian. Penyelidik mengutamakan untuk menjalankan kesahan dalaman setelah dapatan kajian diperolehi. Hal ini untuk membuktikan bahawa dapatan yang diperolehi mampu menjelaskan realiti yang ingin dikaji oleh penyelidik. Oleh itu, kesahan data dilakukan dengan membuat triangulasi daripada pelbagai sumber data dan *member check* iaitu meminta peserta kajian memeriksa data serta interpretasi awalan untuk memastikan dapatan bersesuaian dengan temu bual dan meminta rakan sekerja membuat semakan ke atas dapatan yang dijalankan dari masa ke semasa serta *bias* pengkaji iaitu menjelaskan andaian, pandangan dunia serta orientasi teoritikal pengkaji tentang kajian.

Untuk melihat kesahan protokol temu bual, pengkaji akan meminta seorang pakar dalam bidang kerjaya dan seorang pakar dalam bidang kajian kualitatif untuk menilai dan menyemak protokol temu bual yang dibina. Penyelidik juga akan meminta peserta kajian memeriksa data yang telah melalui proses transkripsi untuk memastikan kebenaran maklumat yang diberikan mempunyai persamaan dengan data yang telah dikeluarkan oleh penyelidik itu sendiri. Langkah ini dilakukan setelah penyelidik selesai menjalankan proses transkripsi dan tidak mengambil masa yang lama untuk peserta kajian mengesahkan data yang diberi. Oleh itu, penyelidik berpeluang memperbetulkan data yang diperolehi yang didapati mempunyai percanggahan dengan maklumat yang telah diberi oleh peserta kajian itu sendiri.

Seterusnya, penyelidik akan mewujudkan kerjasama dengan rakan sekerja untuk melakukan pemeriksaan terhadap dapatan yang telah diperolehi. Pemeriksaan dapatan oleh rakan sekerja ini boleh dijalankan dari semasa ke semasa sepanjang proses pengesahan dalaman ini berlaku. Selain itu, penyelidik sendiri perlu





menegakkan integriti dalam diri untuk mengelakkan bias semasa menjalankan penelitian terhadap data yang diperoleh supaya kesahan dalaman dapat mencapai tahap yang meyakinkan.

Kebolehpercayaan data pula diperoleh dengan mendapatkan perkhidmatan tiga orang pakar untuk menyemak dan memberikan komen data temu bual yang telah siap dilaksanakan oleh penyelidik. Ketiga-tiga orang pakar tersebut ialah dua orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang kaunseling kerjaya dan seorang mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan kualitatif. Selain itu, pengkaji juga akan melaksanakan kaedah triangulasi antara data bagi memastikan kebolehpercayaan yang tinggi (Kamarul Azmi, 2012). Triangulasi antara data di dalam kajian ini melibatkan dapatan temu bual antara enam orang peserta kajian itu sendiri. Kebolehpercayaan dicapai apabila terdapat maklumat yang sama diulang beberapa kali. Pengkaji boleh menggunakan teknik rujuk silang secara sistematik ini semasa proses pengkodan data melalui transkripsi temu bual. Oleh itu, jelaslah bahawa triangulasi yang digunakan pengkaji meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan pengumpulan data.

3.12 Rumusan Bab

Secara keseluruhannya, kajian ini merangkumi aspek-aspek penting yang perlu difokuskan oleh penyelidik sebelum menjalankan kajian sebenar di lapangan. Bab ini merumuskan reka bentuk kajian, pembinaan protokol temu bual, peserta kajian, prosedur pengumpulan data dan prosedur analisis data. Bab ini juga menjelaskan peranan pengkaji, kesahan dan kebolehpercayaan dan etika kajian.





BAB 4

DAPATAN KAJIAN



4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan secara terperinci dan menyeluruh mengenai data-data yang diperoleh daripada soalan-soalan kajian yang berhubung dengan kesedaran kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah rendah. Data yang diperoleh melalui temu bual separa berstruktur telah ditranskripsikan secara manual dan dapatan kajian diperjelaskan berdasarkan tema-tema iaitu untuk meneroka secara mendalam kesedaran kerjaya murid menengah rendah.





4.2 Maklumat Diri Peserta Kajian

Dalam kajian ini, sampel kajian terdiri daripada sampel yang terpilih dan memenuhi kriteria yang dikehendaki dalam kajian berbentuk *purposive sampling*. Dalam kajian ini, pemilihan sampel berdasarkan sampel bertujuan, iaitu penyelidik secara khususnya memilih individu atau lokasi yang telah dikenal pasti secara khusus untuk memahami sesuatu fenomena. Pemilihan sampel yang telah dipilih ialah murid sekolah menengah rendah daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India. Jumlah kesemua peserta kajian seramai enam orang yang menjalani temu bual secara kumpulan berfokus. Lokasi kajian adalah di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru. Bagi tujuan kerahsiaan peserta kajian, penyelidik telah melabelkan setiap peserta kajian A hingga F. Kesemua peserta kajian terlebih dahulu diberikan borang maklumat diri dan surat kebenaran peserta kajian sebelum memulakan sesi temu bual.

Maklumat diri merangkumi nama, jantina, umur dan terdapat enam soalan berkaitan pengetahuan umum murid berkaitan kerjaya. Contoh surat kebenaran peserta kajian dan borang maklumat diri boleh dilihat pada lampiran A.

4.2.1 Peserta Kajian A

Peserta kajian pertama ialah seorang murid lelaki Tingkatan Dua berbangsa India. Peserta A memiliki pengetahuan tentang jenis pekerjaan jurutera, ahli sains, doktor dan lain-lain. Peserta A menyatakan individu perlu bekerja adalah untuk mendapatkan duit dan hidup dengan selesa. Peserta A menyatakan cara individu boleh mendapatkan pekerjaan adalah melalui kelayakan. Peserta juga menyatakan seseorang itu boleh





bekerja adalah apabila sudah dewasa dan cukup matang. Peserta A juga memahami individu boleh mendapatkan pekerjaan di mana-mana syarikat atau pihak kerajaan. Peserta A juga menyatakan pekerjaan seseorang boleh berubah tetapi tidak menyatakan sebab khusus pekerjaan boleh berubah.

4.2.2 Peserta Kajian B

Peserta kajian kedua ialah seorang murid lelaki Tingkatan Dua berbangsa Melayu. Peserta B memiliki pengetahuan tentang jenis pekerjaan jurutera, guru, polis dan bomba. Peserta B menyatakan individu perlu bekerja adalah supaya dapat berbakti kepada masyarakat. Peserta B menyatakan cara individu boleh mendapatkan pekerjaan adalah melalui temu duga. Peserta juga menyatakan seseorang itu boleh bekerja adalah apabila sudah mencapai umur 18 tahun. Peserta B juga menyatakan individu boleh mendapatkan pekerjaan di tempat yang memerlukan bantuan dan tenaga kerja. Peserta B turut menyatakan pekerjaan seseorang boleh berubah mengikut kesesuaian diri sendiri.

4.2.3 Peserta Kajian C

Peserta kajian ketiga ialah seorang murid lelaki Tingkatan Dua berbangsa Cina. Peserta C memiliki pengetahuan tentang jenis pekerjaan doktor, guru, saintis, arkitek dan jurutera. Peserta C menyatakan individu perlu bekerja adalah supaya mendapat pendapatan untuk menyara keluarga. Peserta C menyatakan cara individu boleh





mendapatkan pekerjaan adalah melalui temu duga dan minat masing-masing terhadap sesuatu kerjaya. Peserta C juga menyatakan seseorang itu boleh bekerja pada umur 18 tahun dan ke atas, individu boleh mendapatkan pekerjaan di pejabat serta pekerjaan seseorang tidak boleh berubah-ubah.

4.2.4 Peserta Kajian D

Peserta kajian keempat ialah seorang murid lelaki Tingkatan Dua berbangsa Melayu. Peserta D memiliki pengetahuan tentang jenis pekerjaan jurutera, pakar komputer, doktor, pengurus dan banyak lagi. Peserta D menyatakan individu perlu bekerja adalah untuk mendapatkan duit bagi membeli keperluan asas seperti makan, minum, pakaian dan tempat tinggal. Peserta D menyatakan cara individu boleh mendapatkan pekerjaan yang bagus sekiranya berusaha sejak dari alam persekolahan dan menyambung pelajaran di universiti. Peserta D juga menyatakan seseorang itu boleh bekerja selepas umur 20 tahun. Peserta D juga menyatakan individu boleh mendapatkan pekerjaan di mana-mana sahaja. Peserta D menyatakan pekerjaan seseorang boleh berubah kerana ingin mendapatkan pendapatan yang lebih lumayan.

4.2.5 Peserta Kajian E

Peserta kajian kelima ialah seorang murid lelaki Tingkatan Dua berbangsa India. Peserta E memiliki pengetahuan tentang jenis pekerjaan juruterbang, doktor dan saintis. Peserta E menyatakan individu perlu bekerja adalah untuk menyara keluarga





pada masa depan. Peserta E menyatakan cara individu boleh mendapatkan pekerjaan melalui sesi temu duga. Peserta E juga menyatakan seseorang itu boleh bekerja selepas mendapat kebenaran daripada majikan. Peserta E juga menyatakan individu boleh mendapatkan pekerjaan di mana-mana syarikat. Peserta E menyatakan pekerjaan seseorang itu boleh berubah-ubah tetapi masih perlu taat kepada arahan majikan.

4.2.6 Peserta Kajian F

Peserta kajian keenam ialah seorang murid lelaki Tingkatan Dua berbangsa India. Peserta F memiliki pengetahuan tentang jenis pekerjaan doktor, saintis, juruterbang, guru dan sebagainya. Peserta F menyatakan individu perlu bekerja adalah untuk mendapatkan duit dan menyara keluarga. Peserta F menyatakan cara individu boleh mendapatkan pekerjaan melalui keputusan peperiksaan yang baik. Peserta F menyatakan seseorang boleh bekerja apabila mencapai umur yang sesuai dan menjalani temu duga kerja. Peserta F juga menyatakan individu boleh mendapatkan pekerjaan di universiti. Peserta F menyatakan pekerjaan seseorang itu boleh berubah-ubah dan jika dipecat oleh majikan perlu mencuba untuk mendapatkan pekerjaan lain.

4.3 Analisis Data Temu Bual

Dapatan kajian memperjelaskan bagaimana kesedaran kerjaya murid sekolah menengah rendah dapat diteroka berdasarkan protokol temu bual. Aspek utama





kesedaran kerjaya iaitu minat kerjaya, tanggapan terhadap kerjaya, kematangan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya telah diteroka melalui temu bual secara kumpulan berfokus. Hasil temu bual berdasarkan protokol temu bual separa berstruktur telah melalui proses analisis bermula dengan transkripsi, koding, membentuk sistem kategori seterusnya tema yang tepat.

4.3.1 Soalan Kajian 1 : Bagaimanakah minat kerjaya murid?

Jadual 4.0

Analisis Dapatan Soalan Kajian 1

Soalan Temu Bual	Kategori	Tema
i. Apakah yang anda faham tentang sesuatu kerjaya?	<ul style="list-style-type: none"> - Pekerjaan dan perkhidmatan yang Dilakukan oleh orang dewasa - Kebaikan masa hadapan - Memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. - Tidak membuang masa - Berusaha - Perancangan awal 	Proses kehidupan
ii. Bagaimanakah anda mengenal pasti minat anda terhadap sesuatu kerjaya?	<ul style="list-style-type: none"> - Sejak kecil - Melalui tontonan televisyen - Pemerhatian terhadap kerjaya ibu bapa. - Ibu bapa berkongsi pengalaman kerjaya - Pertanyaan daripada orang lain tentang cita-cita - Mula berfikir tentang cita-cita dan dunia masa depan. - Dorongan ibu bapa - Membelikan alat permainan berkaitan kerjaya. - Membuat kajian tentang kerjaya yang diminati. 	Faktor kecenderungan sendiri, mengenal potensi diri, membina matlamat dan merancang, pengaruh dan galakan keluarga serta persekitaran, media massa dan kemajuan teknologi.

(bersambung)



Jadual 4.0 (*Sambungan*)

Soalan Temu Bual	Kategori	Tema
iii. Bagaimanakah pentingnya perkaitan antara personaliti diri dan minat anda terhadap sesuatu kerjaya?	<ul style="list-style-type: none"> - Personaliti perlu sesuai dengan kerjaya yang diminati. - Personaliti dan minat yang sama, individu lebih berdedikasi dalam kerjaya. - Personaliti dan minat berbeza, kerjaya tidak dapat dicapai. - Personaliti VS kehendak ibu bapa - Personaliti dan minat tiada perkaitan penting jika individu ada personaliti tetapi tiada minat terhadap kerjaya itu. 	Kesesuaian personaliti dengan minat.
iv. Apakah faktor yang mempengaruhi anda memilih kerjaya?	<ul style="list-style-type: none"> - Boleh menjadi terkenal dan mempunyai banyak ilmu pengetahuan. - Pengalaman ibu bapa yang bekerja. - Pemerhatian terhadap fenomena yang berlaku berkaitan bidang kerjaya. - Kesedaran membalas jasa ibu bapa, masyarakat dan negara. - Dorongan dan motivasi daripada keluarga. 	Faktor pengalaman, dorongan keluarga dan potensi diri.



Berdasarkan soalan kajian tentang minat kerjaya, penyelidik terlebih dahulu bertanyakan mengenai kefahaman murid terhadap sesuatu kerjaya. Peserta A menyatakan bahawa kerjaya ialah pekerjaan yang semua orang akan buat apabila sudah dewasa dan matang. Peserta B pula menjelaskan kerjaya ialah pekerjaan atau perkhidmatan yang boleh diberikan kepada masyarakat dan negara. Peserta C menyatakan kerjaya ialah satu pekerjaan yang kita lakukan untuk membina masa hadapan yang baik. Kefahaman peserta D tentang kerjaya ialah perkara penting yang dilihat oleh murid untuk berusaha agar mendapat pekerjaan supaya tidak membuang masa semasa di alam persekolahan.

Peserta E pula menjelaskan kerjaya memerlukan perancangan awal untuk bekerja pada masa hadapan manakala peserta F menyatakan kerjaya ialah suatu perkara yang akan diceburi oleh seseorang dan akan berdedikasi dalam pekerjaan.





Hasil jawapan peserta kajian dapat difahami berdasarkan kategori yang telah dibina iaitu kerjaya merupakan pekerjaan dan perkhidmatan yang akan dilakukan oleh orang dewasa untuk kebaikan masa depan dan memberi manfaat kepada masyarakat serta negara. Murid juga perlu berusaha dan membuat perancangan awal untuk kerjaya masa depan. Tema yang dapat dibina daripada kategori ini ialah kerjaya merupakan satu proses kehidupan.

Penyelidik bertanyakan soalan kedua mengenai cara murid mengenal pasti minat mereka terhadap sesuatu kerjaya. Hasil temu bual menunjukkan peserta A menyatakan dirinya mula meminati sesuatu kerjaya sejak berumur lima tahun. Pada umur tersebut peserta A suka melihat angkasa lepas melalui tontonan kartun di televisyen. Peserta A tertarik dengan planet-planet dan mula berminat menjadi



angkasan yang popular di dunia. Peserta B pula menyatakan dirinya mula berminat dengan kerjaya jurutera melalui pemberitahuan ibunya tentang pekerjaan ayah iaitu seorang bekas jurutera kapal terbang. Dari situ peserta B mula berminat dan bermotivasi menjadi seorang jurutera kapal terbang. Peserta C juga turut menyatakan mula meminati bidang perubatan daripada ibunya yang pernah bekerja sebagai jururawat. Ibunya turut mengajar serba sedikit mengenai perubatan dan dunia seorang doktor. Peserta C juga gemar melihat rancangan muzik di televisyen menyebabkan timbul minat dalam muzik kerana muzik memberi ketenangan dan dapat mengurangkan tekanan.

Peserta D menjelaskan dirinya berfikir tentang minat kerjaya bermula sejak tingkatan satu apabila ditanya oleh seseorang tentang cita-cita kerana terfikir diri masih tidak ada cita-cita. Peserta D mula berfikir tentang masa depan yang penuh





dengan teknologi. Selepas itu peserta D mula berminat untuk menjadi seorang jurutera dalam bidang elektronik dan komputer. Peserta E menyatakan minat kerjayanya bermula melalui dorongan ibu bapa dan bapa saudaranya yang merupakan bekas juruterbang MAS. Keluarganya turut memberi motivasi dan merasakan dirinya ada potensi menjadi seorang juruterbang. Peserta juga gemar membuat kajian tentang kes kehilangan pesawat MH370.

Seterusnya peserta F pula menyatakan sejak kecil dirinya memang meminati robotik dan ibu bapa turut membelikan permainan elektronik. Peserta F akan membuka permainan yang rosak dan tertarik dengan komponen elektronik berkaitan robotik. Bapanya mendorong dengan membelikan satu set robotik dan pernah membuat kajian tentang masa depan dan memilih untuk menjadi seorang jurutera robotik. Berdasarkan jawapan daripada setiap peserta kajian, penyelidik dapat

membina kategori peserta kajian mula mengenal pasti minat kerjaya sejak kecil melalui tontonan televisyen dan pemerhatian terhadap kerjaya ibu bapa. Ibu bapa juga turut berkongsi pengalaman menarik tentang kerjaya serta pertanyaan daripada orang lain tentang cita-cita dan mula berfikir tentang cita-cita dan dunia masa depan. Dorongan ibu bapa terhadap minat dengan membelikan alat permainan berkaitan kerjaya mebaham lagi minat kerjaya peserta kajian sehingga membuat kajian tentang kerjaya yang diminati. Oleh itu, tema yang dapat dihasilkan ialah faktor kecenderungan sendiri, mengenal potensi diri, membina matlamat dan merancang, pengaruh dan galakan keluarga serta persekitaran, media massa dan kemajuan teknologi.





Penyelidik meneruskan lagi penerokaan dengan bertanyakan soalan mengenai kefahaman peserta kajian mengenai kepentingan perkaitan antara personaliti diri dengan minat terhadap kerjaya. Peserta A menyatakan seseorang perlu berdisiplin dan minat terhadap kerjaya yang ingin diceburi kerana jika personaliti tidak menyukai bidang elektronik maka dirinya tidak boleh bekerja dalam bidang itu. Jadi peserta A menyatakan dengan jelas seseorang perlu ada personaliti yang berkaitan dengan bidang yang diminati. Peserta B pula menyatakan secara ringkas sekiranya seseorang tiada minat terhadap sesuatu kerjaya, maka tidak perlu memilih kerjaya tersebut kerana minat dan personaliti perlu sama terhadap sesuatu kerjaya. Peserta C memberikan pandangan yang agak padat iaitu jika seseorang remaja minat terhadap sesuatu kerjaya, tetapi ibu bapa tidak menyokong maka masalah akan timbul. Peserta C menyatakan personaliti berhubung kait dengan minat contohnya personaliti seorang



doktor perlulah ada rasa tanggungjawab yang kuat terhadap tahap kesihatan pesakit.

Peserta D pula menjelaskan ada banyak personaliti dan banyak kerjaya berdasarkan personaliti. Peserta D memberikan contoh seseorang yang sayangkan haiwan akan menjadi doktor haiwan atau penjaga zoo dan seseorang yang penyabar boleh menjadi seorang doktor manakala seseorang yang berani akan menjadi bomba atau polis. Peserta E menyatakan jika tiada personaliti yang berkaitan dengan minat, kita tidak akan dapat mencapai kerjaya yang diinginkan. Contohnya seseorang juruterbang perlu ada pandangan mata yang tajam dan tidak buat kesilapan kecil serta perlu sentiasa fokus dan yakin. Berbeza dengan peserta F yang menyatakan personaliti dan minat kerjaya tidak begitu penting kerana jika ada personaliti tapi tiada minat seseorang tidak akan memilih sesuatu kerjaya itu.



Berdasarkan jawapan daripada enam peserta kajian ini, penyelidik dan menyimpulkan dengan menghasilkan kategori iaitu individu perlu mempunyai personaliti yang sesuai dalam kerjaya yang diminati. Personaliti dan minat yang sama akan membuatkan individu lebih berdedikasi dalam kerjaya. Jika personaliti dan minat berbeza, kerjaya tidak akan dapat dicapai. Dalam hal yang sama, personaliti dan minat tiada perkaitan penting jika individu ada personaliti tetapi tiada minat terhadap kerjaya itu. Oleh hal yang demikian, penyelidik dapat menghasilkan tema yang tepat tentang perkaitan antara personaliti diri dan minat kerjaya iaitu kesesuaian personaliti dan minat.

Penerokaan seterusnya ialah berdasarkan soalan keempat yang diajukan oleh penyelidik kepada peserta kajian iaitu faktor yang mempengaruhi peserta kajian memilih kerjaya. Peserta menyatakan faktor yang mempengaruhi dirinya ingin menjadi angkasawan adalah kerana ingin menjadi seorang yang popular selain dapat memperoleh ilmu pengetahuan yang banyak. Peserta A berpendapat sekiranya tiada faktor yang mempengaruhi maka seseorang tidak akan tahu matlamat pekerjaannya. Peserta B pula menyatakan faktor yang mempengaruhi minat kerjayanya ialah melalui penceritaan ibu tentang perkerjaan ayahnya seorang bekas jurutera kapal terbang dan turut melihat isu semasa mengenai nahas pesawat MH370 dan MH17. Peserta B merasakan dirinya perlu menjadi jurutera untuk membina kapal terbang yang berkualiti selain ingin membalas jasa ibu bapa.

Peserta C pula menyatakan dirinya gemar melihat isu tentang penyakit berbahaya dan ingin membantu merawat pesakit yang mempunyai penyakit berbahaya. Peserta C menyatakan dirinya boleh membantu orang yang bercakap



gagal berdasarkan pengalaman diri sendiri selain ingin membalas jasa ibu bapa dan berrharap dapat menyumbang kebaikan kepada masyarakat. Peserta D pula menyatakan dirinya sering memikirkan fenomena akan datang yang penuh dengan teknologi canggih dan berazam untuk menjaga keindahan alam sekitar. Peserta D sangat meminati permainan video dan ingin mencipta permainan video sendiri menyebabkan dirinya mempunyai pengaruh yang kuat untuk menjadi seorang jurutera elektronik dan komputer.

Peserta E pula menjelaskan faktor yang mempengaruhi dirinya meminati kerjaya ialah hasil dorongan ibu bapa sejak kecil lagi iaitu seawal lima tahun, motivasi daripada bapa saudara yang pernah menjadi juruterbang, hasil kajian sendiri tentang kapal-kapal yang terhempas menguatkan lagi minatnya untuk menjadi juruterbang.

Peserta F pula menyatakan dirinya suka memikirkan masa depan yang penuh dengan teknologi dan ingin memajukan negara dalam bidang robotik seperti negara Jepun selain ingin menjaga alam sekitar dengan baik. Hasil jawapan peserta kajian penyelidik dapat membina satu kategori iaitu faktor yang mempengaruhi seseorang meminati kerjaya adalah kerana ingin menjadi terkenal dan mempunyai banyak ilmu pengetahuan, melihat pengalaman ibu bapa yang bekerja pemerhatian terhadap fenomena yang berlaku berkaitan bidang kerjaya, mempunyai kesedaran untuk membalas jasa ibu bapa masyarakat dan negara serta tidak lupa dorongan dan motivasi daripada keluarga. Oleh itu, penyelidik menghasilkan tema yang lebih tepat untuk menjawab soalan kajian iaitu faktor pengalaman dan dorongan keluarga serta potensi diri yang mempengaruhi peserta kajian memilih kerjaya.





4.3.2 Soalan Kajian 2 : Bagaimanakah tanggapan murid terhadap kerjaya?

Jadual 4.1

Analisis Dapatan Soalan Kajian 2

Soalan Temu Bual	Kategori	Tema
i. Bagaimanakah tanggapan anda terhadap sesuatu kerjaya?	<ul style="list-style-type: none"> - Kerjaya yang baik menjamin kehidupan yang selesa. - Perlu merancang kerjaya bermula daripada alam persekolahan. - Kerjaya memberikan pendapatan untuk menampung kehidupan dan menyumbang kepada ekonomi negara. - Kerjaya seseorang memberikan kemudahan kepada manusia lain. - Pelajaran penting untuk mendapatkan kerjaya yang bagus. - Setiap individu yang memiliki kerjaya merupakan individu yang berjaya. 	Proses merancang kehidupan.
ii. Bagaimanakah pendapat anda tentang hubungan antara pencapaian akademik dan kerjaya?	<ul style="list-style-type: none"> - Pencapaian akademik penting untuk menjamin kerjaya yang baik. - Individu yang tidak memiliki akademik yang baik akan sukar mendapatkan pekerjaan yang bagus dan bergaji lumayan. - Bergantung kepada diri sendiri sama ada percaya dengan pencapaian akademik yang baik menjamin pekerjaan yang bagus atau bergantung kepada usaha sendiri. - Individu yang tidak mempunyai akademik yang baik perlu berusaha lebih banyak lagi berbanding individu yang memiliki pencapaian akademik yang baik. 	Akademik menjamin kerjaya.
iii. Bagaimanakah tanggapan anda terhadap kerjaya ibu bapa anda?	<ul style="list-style-type: none"> - Membandingkan kerjaya ibu dan bapa dari aspek masa, pendapatan dan cabaran kerja. - Bersimpati dengan ibu yang bekerja keras - Bangga dengan sikap ibu yang berdedikasi dalam pekerjaan - Bertanggungjawab dan minat mendalam terhadap kerja. - Mendapat kesedaran untuk belajar dengan bersungguh-sungguh supaya memiliki pekerjaan yang bagus. 	Panduan merancang kerjaya.

Berdasarkan soalan kajian berkaitan dengan tanggapan atau persepsi murid terhadap kerjaya, penyelidik mengajukan soalan kepada peserta kajian untuk mengetahui bagaimanakah tanggapan peserta kajian terhadap kerjaya. Peserta A menyatakan





kerjaya amat penting kepada manusia hidup dan akan menjadi tidak bermakna jika tiada kerjaya. Setiap orang perlu belajar untuk mendapat peluang kerja yang baik dan selesa. Peserta A juga berpendapat negara yang semakin maju memerlukan kita menceburi kerjaya yang baik seperti jurutera, ahli sains, doktor atau peguam. Kerjaya juga membantu seseorang berjaya dalam hidup murid perlu berfikir tentang kerjaya bermula pada peringkat sekolah lagi. Peserta B pula menyatakan kerjaya amat penting dan perlu berfikir tentang kerjaya bermula daripada sekarang.

Hal ini adalah kerana zaman sekarang makin sukar dan ramai manusia yang memerlukan pekerjaan dan ramai juga yang menganggur. Setiap orang perlu memikirkan tentang pekerjaan supaya tidak hidup dalam sia-sia bermula pada peringkat sekolah supaya boleh belajar bersungguh-sungguh. Peserta C menjelaskan bahawa kerjaya penting untuk diri sendiri dan keluarga kerana hasil pendapatan daripada sesuatu kerjaya boleh digunakan untuk membiayai persekolahan anak-anak. Setiap kerjaya membawa kebaikan dan memberi sumbangan yang banyak kepada negara dari segi ekonomi.

Peserta D berpendapat bahawa kerjaya penting untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat, negara dan kewujudan manusia. Kerjaya seperti peladang, petani atau pemburu memberikan makanan sebagai keperluan asas manusia untuk hidup dengan selesa. Peserta E juga beranggapan bahawa kerjaya penting. Peserta E melihat berdasarkan pengalaman ayah yang tidak bagus dalam pelajaran dan sukar mendapatkan kerja. Oleh itu, pekerjaan yang kurang baik membuatkan rutin hidup tidak seperti biasa kerana perlu bangun awal pagi dan sering dimarahi majikan. Jadi, peserta E mendapat kesedaran supaya berajar dengan bersungguh-sungguh supaya





dapat menjamin masa depan yang baik. Peserta F menyatakan tanggapannya terhadap kerjaya merupakan langkah atau proses perjalanan individu untuk mencapai kejayaan.

Kerjaya bermula daripada peringkat belum sekolah sehingga tamat universiti. Setiap individu perlu meneroka dunia kerjaya. Kerjaya juga sesuatu perkara yang kita minat dan kita akan lakukan. Semua orang harus mempunyai kerjaya untuk menjamin masa depan yang baik. Berdasarkan semua tanggapan daripada peserta kajian terhadap kerjaya, penyelidik dapat menganalisisnya ke dalam sistem kategori menjadikan tanggapan peserta kajian ialah kerjaya yang baik menjamin kehidupan yang selesa. Setiap orang perlu merancang kerjaya bermula daripada alam persekolahan. Kerjaya juga memberikan pendapatan untuk menampung kehidupan dan menyumbang kepada ekonomi negara selain memberikan kemudahan kepada manusia lain. Selain itu, pelajaran penting untuk mendapatkan kerjaya yang bagus dan setiap individu yang memiliki kerjaya merupakan individu yang berjaya. Oleh itu, tema yang lebih jitu dan tepat dapat dihasilkan iaitu tanggapan peserta kajian terhadap kerjaya ialah proses merancang kehidupan.

Seterusnya penyelidik meneroka tanggapan kerjaya peserta kajian dengan bertanyakan pendapat mengenai hubungan antara pencapaian akademik dengan kerjaya. Peserta A menyatakan pencapaian akademik penting untuk kerjaya seseorang kerana boleh menjamin pendapatan lumayan. Jika tiada pencapaian akademik yang baik, individu masih boleh mendapat pendapatan lumayan tetapi hidup tak selesa kerana rutin harian tiada masa untuk keluarga dan diri sendiri. Peserta A menegaskan lagi bahawa akademik sangat penting kerana jika tiada akademik, individu masih boleh kerja tetapi tidak akan menikmati hidup dengan seronok. Peserta B pula





berpendapat akademik penting dan bergantung kepada pilihan sendiri. Individu yang mempunyai pencapaian akademik yang baik tetapi tidak berdedikasi dalam pekerjaan boleh menjadi penganggur dan terjebak dengan aktiviti tidak berfaedah. Hal ini bermaksud pencapaian akademik dan kerjaya bergantung kepada diri sendiri sama ada mahu pekerjaan yang baik atau tidak.

Peserta C menjelaskan dengan ringkas bahawa pencapaian akademik penting kerana penilaian awal untuk temu duga kerja adalah berdasarkan kelayakan akademik. Akademik yang baik akan menjamin kerja yang baik. Peserta D berpendapat bahawa pencapaian akademik penting untuk diri sendiri dan generasi akan datang. Individu yang berjaya dalam pekerjaan tanpa memerlukan akademik yang baik boleh mempengaruhi generasi akan datang supaya tidak perlu pencapaian akademik yang baik kerana masih boleh berjaya dan boleh memberi kesan buruk kepada masa depan sekiranya berfikiran sedemikian. Peserta E juga berpendapat pencapaian akademik yang baik akan menjamin kerjaya yang baik juga dan sebaliknya, pencapaian akademik yang tidak baik akan memberi kerjaya yang tidak bagus. Peserta F juga masih berpendapat pencapaian akademik dan kerjaya amat penting. Seseorang yang tidak mempunyai akademik yang baik tetapi masih boleh berjaya, sebenarnya individu tersebut mempunyai satu bakat dalam diri. Bakat tidak semua individu ada, tapi semua individu boleh berusaha untuk mendapatkan akademik yang cemerlang. Orang yang akademik tidak cemerlang sebenarnya memerlukan usaha yang sangat banyak untuk berjaya berbanding individu yang cemerlang akademik.





Berdasarkan dapatan bagi persoalan ini, penyelidik menghasilkan kategori iaitu pencapaian akademik penting untuk menjamin kerjaya yang baik. Individu yang tidak memiliki akademik yang baik akan sukar mendapatkan pekerjaan yang bagus dan bergaji lumayan. Walau bagaimanapun, perkara ini bergantung kepada diri sendiri sama ada percaya dengan pencapaian akademik yang baik menjamin pekerjaan yang bagus atau bergantung kepada usaha sendiri. Individu yang tidak mempunyai akademik yang baik perlu berusaha lebih banyak lagi berbanding individu yang memiliki pencapaian akademik yang baik. Oleh itu, tema yang lebih tepat dan dibina iaitu akademik menjamin kerjaya.

Penyelidik meneruskan lagi soalan ketiga untuk mengetahui tanggapan peserta kajian terhadap kerjaya berdasarkan soalan kajian bagaimanakah tanggapan mereka terhadap kerjaya ibu bapa. Peserta A menyatakan tanggapannya terhadap kerjaya ibu bapanya yang sangat berbeza iaitu ibu sebagai peguam dan bapa sebagai engineer. Peserta A menyatakan sewaktu kecil dirinya berminat dengan kerjaya ibu kerana minat untuk berdebat. Peserta A beranggapan kerjaya ayah agak mudah tetapi tidak mempunyai masa bersama keluarga berbeza dengan ibu yang mempunyai banyak masa dengan keluarga. Peserta A menyimpulkan bahawa individu perlu pandai memilih kerjaya dan mempertimbangkan jumlah masa bekerja dan jumlah masa untuk keluarga. Peserta B pula mempunyai tanggapan yang dirinya kasihan dengan kerjaya ibu sebagai peniaga di pasar kerana rutin hidup ibu yang berbeza iaitu bangun jam 2 pagi dan kerja jam 4 pagi. peserta B menyatakan ibunya tidak cemerlang dalam pelajaran menyebabkan terpaksa bekerja keras dan merasakan bahawa dirinya perlu belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kerjaya yang baik.





Peserta C pula menyatakan bahawa disebabkan ibunya tidak bekerja kerana masalah kesihatan, ayah sudah meninggal dan datuk yang bekerja menyara keluarga, dia menyedari bahawa perlu belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat kerja yang baik supaya dapat membalas jasa ibu dan datuk. Peserta D pula mempunyai tanggapan ringkas terhadap kerjaya bapanya kerana ayahnya sendiri memperkenalkan kerja sebagai jurutera dan berminat dan melayari internet untuk meneroka kerjaya jurutera. Peserta E memberitahu ayahnya bekerja sebagai bomba dan ibu sebagai suri rumah pada awalnya tetapi mula berniaga untuk membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Peserta menambah lagi bahawa ayahnya bekerja susah dan selalu dimarahi majikan. Oleh itu dia beranggapan bahawa dirinya perlu belajar dengan bersungguh-sungguh supaya mendapat pekerjaan yang lebih baik daripada ayah. Peserta F pula menjelaskan pekerjaan ibunya sebagai guru tuisyen yang sangat berdedikasi manakala ayahnya ialah pegawai polis di Singapura. Peserta F melihat ibu dan ayah sangat bekerja keras untuk menyara keluarga dan merasakan dirinya juga ingin mendapat pekerjaan yang mempunyai pendapatan lumayan.

Tambahan lagi, peserta F inginkan pekerjaan yang menyeronokkan kerana sering melihat ibunya yang seronok dengan kerja sebagai guru tuisyen, berpendapat bahawa kita perlu minat dengan kerjaya kita supaya kita akan seronok dan berdedikasi untuk bekerja. Hasil dapatan ini, penyelidik membina kategori iaitu peserta kajian membandingkan kerjaya ibu dan bapa dari aspek masa, pendapatan dan cabaran kerja. Terdapat juga peserta kajian yang bersimpati dengan ibu yang bekerja keras dan bangga dengan sikap ibu yang berdedikasi dalam pekerjaan kerana bersikap bertanggungjawab dan minat mendalam terhadap kerja. Kesemua peserta kajian mendapat kesedaran untuk belajar dengan bersungguh-sungguh supaya memiliki





pekerjaan yang bagus berdasarkan pengalaman ibu bapa mereka. Tema yang lebih jitu dapat dihasilkan berdasarkan soalan tanggapan terhadap kerjaya ibu bapa iaitu panduan merancang kerjaya.

4.3.3 Soalan Kajian 3 : Bagaimanakah kematangan kerjaya pelajar?

Jadual 4.2

Analisis Dapatan Soalan Kajian 3

Soalan Temu Bual	Kategori	Tema
i. Bagaimanakah anda melihat kepentingan tentang maklumat kerjaya dan bagaimanakah anda mendapatkan maklumat tentang kerjaya?	<ul style="list-style-type: none"> - Langkah awal dan persediaan memilih kerjaya yang betul mengikut kelayakan. - Maklumat kerjaya memudahkan individu memilih kerjaya yang diinginkan. - Dapat mengetahui sesuatu kerjaya dengan jelas. - Dapat mengetahui kelayakan akademik berkaitan kerjaya. - Mendapatkan maklumat kerjaya daripada internet, buku dan pengalaman keluarga. 	Rujukan memilih kerjaya.
ii. Bagaimanakah perasaan anda setelah mengetahui tentang sesuatu kerjaya?	<ul style="list-style-type: none"> - Bersedia dan yakin. - Bersemangat dan ingin berusaha mencapai kerjaya. - Seronok dan ingin mencuba kerjaya yang mencabar. 	Bermotivasi.

Berdasarkan soalan kajian untuk melihat bagaimanakah kematangan kerjaya pelajar, penyelidik meneroka kematangan kerjaya peserta kajian dengan bertanyakan soalan bagaimana peserta kajian melihat kepentingan tentang maklumat kerjaya dan cara mendapatkan maklumat tentang kerjaya. Peserta A menyatakan maklumat kerjaya penting supaya dapat membuat pilihan tentang kerjaya yang diinginkan. Maklumat kerjaya penting pada peringkat sekolah untuk persediaan kerjaya apabila dewasa. Peserta A mendapatkan maklumat kerjaya melalui internet dan buku serta bertanya





kepada ibu bapa tentang sesuatu kerjaya. Peserta A juga menambah jika seseorang tidak tahu tentang maklumat kerjaya ia akan menyukarkan kita menceburi dunia pekerjaan.

Peserta B pula menyatakan dengan ringkas bahawa maklumat kerjaya penting untuk memilih sesuatu kerjaya. Individu perlu memilih bidang yang betul mengikut kelayakan dalam kerjaya tertentu dan peserta B mendapat maklumat kerjaya daripada pengalaman ayahnya sendiri. Peserta C pula memberitahu bahawa setiap individu perlu menyediakan maklumat kerjaya supaya dapat mengetahui sesuatu kerjaya dengan jelas. Maklumat kerjaya penting supaya dapat melakukan kerja dengan lebih baik dan peserta C mendapatkan maklumat melalui ibu dan buku.



Peserta D menjelaskan maklumat penting supaya tidak tersilap memilih kerjaya kerana kesilapan memilih kerjaya menyebabkan individu tidak berdedikasi untuk bekerja. Peserta D mendapatkan maklumat kerjaya dengan sering bertanya kepada ayah, melalui internet dan membaca buku. Peserta E turut menyatakan kepentingan maklumat kerjaya dan mengetahui maklumat kerjaya daripada bapa saudara yang bekerja sebagai juruterbang dan pembacaan di internet. Peserta F juga memberitahu bahawa maklumat kerjaya penting untuk mengetahui perjalanan hidup. Setiap individu perlu tahu kelayakan akademik yang berkaitan dengan kerjaya yang kita inginkan. Peserta menambah lagi maklumat kerjaya penting sebagai langkah awal untuk merancang kerjaya.





Peserta F mendapat maklumat kerjaya melalui kajian di internet untuk mengetahui kelayakan dalam akademik dan pendapatan yang ditawarkan. Hasil jawapan daripada peserta kajian penyelidikan dapat membina kategori berdasarkan soalan kajian ini iaitu maklumat kerjaya penting sebagai langkah awal dan persediaan memilih kerjaya yang betul mengikut kelayakan. Maklumat kerjaya juga memudahkan individu memilih kerjaya yang diinginkan dan dapat mengetahui sesuatu kerjaya dengan jelas serta mengetahui kelayakan akademik berkaitan kerjaya. Secara keseluruhannya, peserta kajian mendapatkan maklumat kerjaya daripada internet, buku dan pengalaman keluarga. Setelah itu, satu tema yang lebih tepat dapat dihasilkan iaitu maklumat kerjaya penting sebagai rujukan memilih kerjaya.

Penyelidik membuat penerokaan seterusnya dengan bertanyakan perasaan peserta kajian setelah mengetahui maklumat tentang sesuatu kerjaya. Peserta A menyatakan bahawa dirinya lebih bersedia untuk bekerja tanpa bergantung kepada orang lain dan yakin dengan kerjaya yang diceburi. Peserta B pula menngambarkan perasaan gembira dan tercabar kerana mula mengetahui kerjaya jurutera diminati ramai. Walau bagaimanapun, peserta B bersemangat untuk berusaha supaya dapat bersaing secara sihat. Peserta C menyatakan dirinya perlu lebih fokus untuk mencapai kerjaya yang diminati. Peserta D memberitahu bahawa dirinya telah menyedari kini sudah mempunyai matlamat masa depan dan perasaan seronok dan ingin mencuba sangat tinggi dengan kerjaya yang mencabar.

Peserta E pula menyatakan dirinya sudah tahu kerjaya masa depan dan berasa terharu kerana kerjaya juruterbang merupakan satu kerjaya yang mempunyai tanggungjawab yang besar. Oleh itu, peserta E perlu sentiasa berfikiran positif, relaks



dan yakin. Peserta E juga menggambarkan perasaan teruja dan suka akan cabaran baru dalam bidang *robotic engineering* dan sangat gembira kerana kerjaya yang dipilih seronok dan tidak memberi tekanan. Berdasarkan perasaan peserta kajian setelah mengetahui maklumat kerjaya, penyelidik memberikan kategori iaitu kesemua peserta kajian bersedia dan yakin dengan kerjaya yang diceburi, bersemangat dan ingin berusaha mencapai kerjaya serta seronok dan ingin mencuba kerjaya yang mencabar. Oleh itu tema yang lebih jitu dan tepat dapat dibina untuk mengetahui perasaan peserta kajian setelah mengetahui maklumat kerjaya iaitu sebagai motivasi.

4.3.4 Soalan Kajian 4 : Bagaimanakah murid membuat keputusan terhadap kerjaya?

Jadual 4.3

Analisis Dapatan Soalan Kajian 4

Soalan Temu Bual	Kategori	Tema
i. Bagaimanakah perancangan anda untuk memilih kerjaya?	<ul style="list-style-type: none"> - Belajar dengan bersungguh-sungguh - Mendapatkan keputusan peperiksaan yang cemerlang. - Mendapatkan biasiswa dan bekerja sambil bagi mendapat kewangan untuk sambung pelajaran. - Masuk ke universiti dan memilih kursus yang berkaitan bidang kerjaya. 	Kepentingan pendidikan
ii. Apakah perkara yang mempengaruhi anda membuat keputusan kerjaya?	<ul style="list-style-type: none"> - Menjadikan individu berjaya sebagai idola. - Sokongan dan dorongan daripada ibu bapa. - Minat yang mendalam terhadap kerjaya. - Melihat masalah dan keperluan semasa yang berkaitan kerjaya. 	Faktor persekitaran dan diri sendiri.

(Bersambung)

Jadual 4.3 (Sambungan)

Soalan Temu Bual	Kategori	Tema
iii. Bagaimanakah anda memastikan bahawa anda telah memilih kerjaya yang tepat?	<ul style="list-style-type: none"> - Sangat berminat dengan kerjaya yang dipilih sejak kecil hingga dewasa. - Yakin dan disokong oleh ibu bapa. - Personaliti sesuai dengan kerjaya. - Tidak mudah merubah keputusan. - Telah membuat kajian - Mempunyai ilmu dalam kerjaya yang dipilih. 	Kendiri unggul

Berdasarkan soalan kajian ini, penyelidik terlebih dahulu bertanyakan tentang perancangan peserta kajian untuk memilih kerjaya. Peserta A memberitahu perancangannya perlu belajar bersungguh-sungguh dan cemerlang dalam peperiksaan.

Peserta A ingin belajar di luar negara dalam bidang angkasa lepas dan mendapatkan biasiswa melanjutkan pelajaran. Peserta B juga ingin mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan di samping perlu bekerja sambil untuk mengumpul duit supaya dapat sambung pelajaran. Peserta B merancang untuk mengambil jurusan sains kejuruteraan yang berkaitan dengan kerjaya.

Peserta C masih lagi menyatakan ingin belajar bersungguh-sungguh dan mendapatkan keputusan yang cemerlang serta ingin belajar di luar negara dan bekerja di negara sendiri. Peserta D menyatakan perancangannya secara ringkas iaitu akan masuk ke universiti dan mengambil jurusan kejuruteraan dan teknologi. Peserta E turut memastikan mendapat keputusan cemerlang dalam setiap peperiksaan, masuk ke universiti dalam bidang yang dipilih sehingga mencapai PhD untuk mendapat jawatan tinggi dalam pekerjaan. Peserta F pula menjelaskan bahawa dirinya ingin belajar



bersungguh-sungguh dan melibatkan diri dalam banyak aktiviti berkaitan robotik. Walaupun begitu, peserta F tidak mengabaikan pelajaran walaupun aktif dengan pelbagai aktiviti dan bercita-cita ingin memajukan negara.

Oleh hal yang demikian, penyelidik dapat membina kategori yang mudah hasil daripada dapatan peserta kajian yang mempunyai persamaan yang tinggi iaitu ingin belajar dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan peperiksaan yang cemerlang sehingga ke luar negara. Selain itu, peserta kajian ingin mendapatkan biasiswa dan bekerja sambil bagi mendapat kewangan untuk sambung pelajaran serta masuk ke universiti dan memilih kursus yang berkaitan bidang kerjaya. Tema yang lebih tepat juga dapat dibina untuk memahami perancangan kerjaya peserta kajian iaitu kepentingan pendidikan.



Penyelidik membuat penerokaan seterusnya dengan bertanyakan soalan tentang perkara yang mempengaruhi peserta kajian untuk membuat keputusan kerjaya. Peserta menyatakan perkara yang mempengaruhinya membuat keputusan kerjaya ialah dengan menjadikan angkasawan negara sebagai idola dan pendorong. Peserta B pula menyatakan pekerjaan bapanya yang mempengaruhi minatnya untuk menjadi jurutera. Peserta C menyatakan keadaan keluarga telah mempengaruhinya menjadi doktor dan memikirkan tentang keadaan masa depan mengenai tahap kesihatan manusia supaya dapat berbakti kepada keluarga dan rakan. Seterusnya, peserta D memberitahu bahawa minat diri sendiri yang mempengaruhinya memilih kerjaya ditambah lagi dengan semangat daripada bapa dan seorang pensyarah yang memberikan ceramah tentang cita-cita.





Peserta E menjelaskan bahawa dorongan ibu bapa sejak kecil, motivasi daripada bapa saudara, kajian yang dilakukan sendiri tentang kerjaya juruterbang dan menjadikan Kapten Mohamad Amir Adam Shah sebagai idola telah mempengaruhi dirinya membuat keputusan kerjaya. Peserta F pula memberitahu bahawa perkara yang mempengaruhinya membuat keputusan kerjaya ialah bermula dengan minat sendiri serta ibu bapa yang mendorong serta sentiasa memberikan kata-kata semangat. Daripada dapatan ini, penyelidik membina kategori yang lebih ringkas dan mudah iaitu faktor yang mempengaruhi peserta kajian membuat keputusan kerjaya adalah dengan menjadikan individu berjaya sebagai idola, sokongan dan dorongan daripada ibu bapa, minat yang mendalam terhadap kerjaya dan melihat masalah dan keperluan semasa yang berkaitan kerjaya. Oleh itu, tema yang lebih tepat dapat dihasilkan iaitu perkara yang mempengaruhi seseorang membuat keputusan kerjaya ialah faktor persekitaran dan diri sendiri,



Penerokaan diteruskan lagi oleh penyelidik untuk mengetahui tentang bagaimana peserta kajian sudah memastikan bahawa kerjaya yang dipilih adalah tepat. Peserta A menyatakan bahawa dirinya telah melakukan kajian terhadap kerjaya yang dipilih dan sangat berminat dari kecil dan tidak pernah berubah minat ke arah kerjaya lain. Peserta B pula menyatakan bahawa dirinya yakin dengan kerjaya jurutera yang memberi banyak kebaikan kepada masyarakat selain mendapat dorongan daripada ibu bapa dan yakin kerjaya yang dipilih berguna pada masa hadapan. Peserta C pula menyatakan dirinya mempunyai sifat peribadi yang penyayang dan sabar sesuai dengan kerjaya sebagai doktor manakala peserta D memberitahu bahawa dirinya melihat fenomena sekarang yang memerlukan teknologi canggih dan sangat berminat dan yakin mencipta sesuatu yang baru untuk negara. Peserta C turut menjelaskan




bahawa dirinya mempunyai sikap yang sukar untuk merubah keputusan, mempunyai ilmu pengetahuan dalam kerjaya yang ingin diceburi dan yakin dengan keputusan yang memberi masa depan yang baik.

Peserta F menyatakan dengan ringkas bahawa dirinya sudah pasti memilih kerjaya yang tepat kerana telah membuat kajian dan yakin kerjaya yang dipilih sesuai dengan minat sendiri. Oleh itu, kategori yang lebih murni dapat dihasilkan oleh penyelidik bagi jawapan kepada soalan ini iaitu peserta kajian sangat berminat dengan kerjaya yang dipilih sejak kecil hingga dewasa dan yakin dengan pemilihan dan disokong oleh ibu bapa. Selain itu, peserta kajian juga mempunyai personaliti yang sesuai dengan kerjaya, tidak mudah merubah keputusan tentang minat kerjaya dan telah membuat kajian dan mempunyai ilmu dalam kerjaya yang dipilih. Jadi tema yang lebih tepat dapat dihasilkan untuk memberi kefahaman yang lebih jelas lagi tentang bagaimana peserta kajian telah pasti dengan pilihan kerjaya iaitu mempunyai sendiri yang unggul.

4.4 Hasil Dapatan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini iaitu untuk meneroka dengan lebih mendalam kesedaran kerjaya murid menengah rendah, matlamat akhir penyelidik adalah untuk menghasilkan satu model kesedaran kerjaya supaya dapat dimanfaatkan untuk kajian akan datang. Penyelidik telah mendapatkan analisis data dan pemahaman yang mendalam terhadap dapatan kajian membolehkan satu model kesedaran kerjaya dibina. Oleh itu, dapat dihasilkan melalui kajian ini ialah satu model kesedaran

kerjaya yang mewakili keseluruhan dapatan untuk menerangkan dengan terperinci dan khusus bagaimana kesedaran kerjaya murid menengah rendah dapat diteroka. Rajah berikut merupakan Model Kesedaran Kerjaya yang dapat dibina hasil daripada dapatan kajian ini :



Rajah 4.1. Model Kesedaran Kerjaya

Rajah di atas menunjukkan satu model kesedaran kerjaya yang dibina hasil daripada dapatan kajian kesedaran kerjaya dalam kalangan muridmenengah rendah di

salah sebuah sekolah menengah di Daerah Johor Bahru. Model Kesedaran Kerjaya tersebut merangkumi beberapa komponen penting yang melihat secara keseluruhan bagaimana kesedaran kerjaya murid dapat diteroka dan difahami dengan lebih mendalam. Model Kesedaran Kerjaya ini juga dapat memberikan inisiatif kepada penyelidik untuk memfokuskan kepada elemen yang dinyatakan bagi meneroka kesedaran kerjaya murid dalam kajian yang akan datang.

Pertama sekali, hasil penerokaan yang mendalam terhadap peserta kajian ini, penyelidik memahami bahawa kesedaran kerjaya individu terbentuk melalui faktor dalaman dan luaran. Kesedaran kerjaya akan bermula daripada faktor persekitaran yang akan mempengaruhi tingkah laku, perasaan dan pemikiran individu terhadap sesuatu perkara. Persekitaran sama ada positif atau negatif akan memberikan pengalaman kepada pemikiran individu dan tanggapannya terhadap peristiwa yang berlaku. Perkara ini merupakan satu proses pembelajaran pada peringkat awal yang berlaku secara tidak langsung kerana individu mendapat pengalamannya daripada persekitaran tanpa disengajakan. Pengaruh awal daripada persekitaran ini akan memberikan pengalaman kepada individu melalui pemerhatian secara langsung dan tidak langsung seterusnya akan membina konsep sendiri yang baharu.

Daripada peristiwa yang berlaku di persekitaran, individu akan menerima peristiwa itu melalui pemerhatian dan menjadikannya sebagai satu pengalaman. Jadi, dapat kita fahami di sini bahawa pengaruh persekitaran akan menggalakkan individu melalui proses pemerhatian dan mendapatkan pengalaman yang baharu. Contoh yang jelas dapat diberikan iaitu pekerjaan ibu bapa merupakan faktor persekitaran yang diterima oleh ana-anak melalui pemerhatian dan seterusnya memberikannya



pengalaman tentang pekerjaan ibu bapa. Fenomena ini berlalu secara tidak langsung dan telah memberikan kesan kepada anak-anak untuk menimbulkan minat dan kecenderungannya terhadap sesuatu perkara.

Faktor dalaman yang mempengaruhi kesedaran kerjaya individu pula akan timbul setelah faktor persekitaran diproses melalui pengalaman dan pemerhatiannya. Individu akan mula membina konsep sendiri dengan melihat kepada potensi yang ada dalam diri. Keyakinan individu terhadap potensi diri ini seterusnya akan membina motivasi dan sendiri unggul untuk memastikan minat terhadap kerjaya dapat direalisasikan dengan jayanya. Potensi diri ini merangkumi kecenderungan dan kebolehan diri melakukan sesuatu perkara yang diminati bermula pada peringkat awal. Keyakinan individu terhadap potensi diri yang ada akan menimbulkan motivasi yang



membolahkan individu berusaha merancang dan membina matlamat kerjaya masa depan. Motivasi akan menggerakkan individu melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh. Contohnya murid yang bermotivasi untuk mencapai cita-cita akan bersemangat untuk belajar dengan tekun supaya mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang.

Kendiri unggul pula terbina setelah individu mengetahui potensi diri dan mempunyai motivasi ke arah kejayaan. Kendiri unggul bermaksud individu mampu membina pemikiran positif terhadap potensi diri untuk membuat keputusan kerjaya dan mencapainya. Dapatan menunjukkan bahawa kendiri unggul merangkumi fikiran yang positif terhadap minat, mempunyai ilmu tentang pekerjaan yang diminati, keyakinan yang tinggi, personaliti yang sesuai dengan minat kerjaya dan tekad dengan keputusan. Elemen-elemen ini mampu membentuk kendiri peribadi yang unggul untuk





memastikan individu membina matlamat kerjaya dan berkeyakinan untuk mencapainya.

Melalui faktor dalaman dan luaran ini, individu masih lagi memerlukan sokongan keluarga secara fizikal dan mental sebagai dorongan untuk mencapai kerjaya masa depan. Sokongan keluarga penting supaya konflik antara minat anak-anak dan kehendak ibu bapa tidak akan berlaku. Sokongan ibu bapa menunjukkan bahawa mereka memahami keperluan dan keinginan anak-anak mendapatkan keseronokan melalui perkara yang diminati. Oleh itu, sokongan dari segi perkongsian pengalaman, menyediakan kelengkapan asas anak-anak dan menerima serta melayani minat anak-anak penting sebagai sumber motivasi luaran mencapai kejayaan.



4.5 Rumusan

Kesimpulannya, keputusan kajian kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menengah rendah telah diperoleh berdasarkan kaedah temu bual yang dijalankan sendiri oleh penyelidik bersama peserta kajian. Kajian ini telah menjawab empat soalan kajian yang berkaitan dengan kesedaran kerjaya iaitu minat terhadap kerjaya, tanggapan terhadap kerjaya, kematangan kerjaya murid dan keputusan murid terhadap kerjaya.

Hasil analisis data yang terperinci menggunakan kaedah kajian kualitatif, minat kerjaya murid menengah rendah dapat difahami oleh penyelidik bahawa murid mula meminati kerjaya hasil daripada pemerhatian dan tarikan terhadap pengalaman orang sekeliling yang berkerja. Hasil analisis juga mendapati bahawa murid





menyedari kerjaya memerlukan perancangan pada peringkat awal untuk menjamin masa depan yang baik. Dorongan daripada ibu bapa terhadap minat anak-anak sejak kecil juga amat penting untuk memastikan tiada konflik antara minat anak-anak dengan kehendak ibu bapa.

Tanggapan peserta kajian terhadap kerjaya pula mendapati bahawa kerjaya amat penting bermula daripada peringkat sekolah lagi supaya individu berjaya menceburi bidang kerjaya yang diminati. Tambahan lagi, dapatan kajian menunjukkan bahawa murid memahami tentang hubungan antara pencapaian akademik dan kerjaya iaitu pencapaian akademik yang baik akan menjamin kerjaya yang bagus dan selesa. Murid juga memberikan tanggapan yang baik terhadap pekerjaan ibu bapa sebagai pengajaran dan persediaan untuk diri sendiri memasuki dunia pekerjaan apabila



mencapai peringkat umur dewasa.

Kematangan kerjaya murid dapat dilihat melalui kesedaran murid untuk mendapatkan maklumat kerjaya. Hal ini menunjukkan bahawa murid yang mempunyai kesedaran kerjaya akan melihat maklumat kerjaya itu suatu perkara yang amat penting dan berguna kepada mereka sebagai salah satu proses memilih kerjaya. Pengetahuan awal tentang maklumat kerjaya juga membolehkan murid merancang kerjaya bermula pada peringkat sekolah untuk memastikan pencapaian akademik yang cemerlang selain dapat memberi keyakinan dan motivasi kepada diri sendiri.

Akhir sekali, dapatan juga menunjukkan bahawa murid telah memiliki kesedaran kerjaya hasil daripada motivasi diri yang ingin memastikan kecemerlangan dalam akademik pada peringkat sekolah supaya dapat menceburi bidang kerjaya yang





bagus. Keyakinan murid terhadap keputusan memilih kerjaya yang diminati juga dapat menetapkan keinginan murid agar tidak berubah minat ke arah kerjaya yang lain.

Melalui Model Kesedaran Kerjaya yang dibina berdasarkan dapatan kajian ini, penyelidik memahami bahawa kesedaran kerjaya bermula daripada faktor luaran dan dalaman yang memberikan proses pembelajaran kepada individu untuk mengenali dunia pekerjaan. Konsep sendiri individu yang terbina akan membentuk potensi diri, motivasi dan sendiri unggul sebagai sumber kekuatan dalaman individu merancang dan membina matlamat demi merealisasikan kerjaya yang diimpikan pada masa hadapan.





BAB 5

PERBINCANGAN



5.1 Pengenalan

Bab ini akan mengemukakan masalah atau isu kajian dan perbincangan. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menengah rendah. Secara keseluruhannya, seramai enam orang peserta kajian terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada murid menengah rendah berumur 14 tahun. Dalam perbincangan ini juga terdapat beberapa isu yang timbul, cadangan penambahbaikan dan cadangan untuk kajian akan datang.





5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan yang diperoleh melalui kaedah temu bual antara penyelidik dan peserta kajian, penyelidik telah menganalisis data berdasarkan soalan kajian yang telah dibina berdasarkan empat aspek utama iaitu minat kerjaya, tanggapan atau persepsi kerjaya, kematangan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya. Secara keseluruhannya, hasil analisis melalui pengekodan, sistem kategori dan tema, penyelidik mendapati murid mempunyai kefahaman mengenai kerjaya, mengetahui minat kerjaya mereka, berusaha mendapatkan maklumat kerjaya dan boleh merancang serta membina matlamat untuk kerjaya yang diminati pada masa depan. Kajian ini membuktikan wujudnya kesedaran kerjaya murid pada tahap menengah rendah sebagai langkah awal untuk memastikan proses kehidupan berjalan dengan lancar, memberi kepuasan dan seterusnya membentuk peribadi yang baik untuk bertanggungjawab kepada diri sendiri dan orang lain.

5.3 Perbincangan

Penyelidik memfokuskan kepada empat soalan kajian yang utama untuk dibincangkan dalam dapatan kajian ini iaitu cara peserta kajian mengenali minat kerjaya mereka, tanggapan peserta kajian terhadap kerjaya, kematangan kerjaya dan cara membuat keputusan kerjaya. Hasil dapatan kajian dibincangkan dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas yang pernah dijalankan berkaitan dengan kesedaran kerjaya murid yang merangkumi empat aspek utama dalam kajian ini. Hasil kajian melalui penerokaan





secara mendalam telah memberikan jawapan yang tepat kepada soalan kajian untuk memahami kesedaran kerjaya murid menengah rendah.

5.3.1 Cara Murid Mengenali Minat Kerjaya

Penyelidik meneroka peserta kajian dengan mengetahui kefahaman peserta kajian sendiri terhadap definisi kerjaya. Jadi, daripada kajian ini, peserta kajian yang terdiri daripada murid menengah rendah memahami bahawa kerjaya itu ialah satu proses kehidupan. Pemahaman murid terhadap kerjaya menunjukkan bahawa mereka dapat memahami konsep kerjaya yang juga disokong oleh Super (1957) yang mendefinisikan kerjaya sebagai satu siri keadaan yang berlaku secara berturutan dalam kehidupan seseorang yang berkaitan pemilihan kerjaya. Kajian yang dijalankan oleh Noraimuni (2016) menunjukkan bahawa kesedaran kerjaya murid menengah rendah berada pada tahap yang tinggi yang membolehkan mereka memahami konsep kerjaya dengan baik. Salhana (2008) juga turut menyatakan kesedaran kerjaya perlu berlaku pada peringkat awal pendidikan lagi sebagai proses awal individu merancang perjalanan kehidupan sebelum memasuki dunia pekerjaan sebenar. Rohani (2003) juga menegaskan kanak-kanak seawal umur 4 tahun lagi telah mula menyedari tentang aktiviti yang dilakukan oleh persekitaran mereka. Pada peringkat ini, kanak-kanak akan menfantasikan diri dalam pekerjaan tertentu dan mencuba aktiviti sama ada yang disukai atau tidak disukai.

Dapatan juga menunjukkan bahawa murid mula mengenali minat kerjaya mereka berdasarkan faktor kecenderungan diri sendiri, mengenal potensi diri,





membina dan merancang matlamat, pengaruh dan galakan keluarga serta persekitaran, media massa dan kemajuan teknologi. Tambahan lagi, murid memahami bahawa pentingnya kesesuaian antara personaliti diri dan minat terhadap kerjaya. Holland (1973) ada menyatakan bahawa personaliti murid akan mempengaruhi kerjaya yang dipilih. Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Rozelan Yunos, Syed Najmuddin, Amir Aris & Rusnani (2010) mendapati murid telah memilih jurusan pengurusan yang tidak sesuai dengan personaliti mereka. Hal ini akan menimbulkan masalah dengan kurus pengajian di universiti dan menyebabkan individu mengalami kesukaran mengenali bidang kerjaya yang bersesuaian dengan personaliti mereka.

Kajian juga menunjukkan faktor yang mempengaruhi murid memilih kerjaya ialah pengalaman dan dorongan keluarga serta potensi diri. Frank Parson yang memperkenalkan teori trait dan faktor menegaskan bahawa setiap individu memiliki peribadi individu yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, setiap individu akan mengenal potensi dan bakat serta minat diri untuk melakukan pemilihan kerjaya. Tambahan lagi, mengenali potensi diri dapat membantu individu menilai kekuatan dan kelemahan diri untuk memilih bidang kerjaya yang sesuai agar dapat memberikan komitmen dalam dunia pekerjaan. Carnevale (2013) dalam kajiannya mendapati kemahiran yang berkaitan kerjaya pada abad ke-21 kini merupakan kecekapan kognitif yang merangkumi pengetahuan mendalam dalam sesuatu bidang, kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan serta kemampuan mengekalkan sifat-sifat peribadi berkaitan dengan kerjaya. Hal ini menegaskan dapatan kajian yang diperolehi bahawa potensi diri individu akan meningkatkan keyakinan diri dalam dunia pekerjaan.





5.3.2 Tanggapan atau Persepsi Terhadap Kerjaya

Dapatan kajian menunjukkan murid menganggap bahawa kerjaya itu merupakan satu proses merancang kehidupan yang memerlukan perancangan awal bermula dari peringkat sekolah lagi. Selain itu, kajian mendapati murid memahami kepentingan akademik yang cemerlang akan menjamin kerjaya masa depan yang baik. Parson (1908, dalam Sidek, 2006) menjelaskan bahawa terdapat strategi sistematik atau proses yang perlu ditekankan dalam proses pemilihan kerjaya iaitu menganalisis keperluan pekerjaan. Analisis perlu dijalankan untuk mengenal pasti syarat akademik yang layak untuk sesuatu pekerjaan itu. Perkara ini menegaskan bahawa pencapaian akademik penting untuk individu itu membuat perancangan kerjaya dengan lebih efektif. Seperti yang telah dinyatakan oleh Gysbers (2013), kesediaan kerjaya merujuk kepada individu yang mengetahui kepentingan kejayaan atau pencapaian yang baik semasa berada di sekolah. Kefahaman ini akan membukakan minda mereka untuk meneroka diri dan peluang-peluang pasaran kerja program kerjaya yang diikuti.

Penerokaan penyelidikan mengenai tanggapan murid terhadap kerjaya ibu bapa menunjukkan mereka menjadikan pengalaman kerjaya ibu bapa sebagai panduan untuk memilih dan merancang kerjaya pada masa depan. Zainab (2012) turut menyatakan dalam kajiannya bahawa kesedaran kerjaya murid dipengaruhi oleh pekerjaan ibu bapa. Dapatan ini diperkukuhkan lagi melalui kajian yang dijalankan oleh Raman (2000) iaitu faktor pekerjaan bapa akan mempengaruhi secara positif kesedaran kerjaya pelajar. Dengan ini bapa sebagai individu yang signifikan dengan anak secara tidak langsung menjadi role model kepada anak-anak sebagai satu penggerak dan memberi kecenderungan tentang minat terhadap sesuatu pekerjaan.





5.3.3 Kematangan Kerjaya Murid

Kematangan kerjaya murid dapat dilihat melalui penerokaan terhadap sikap murid memanfaatkan dan mengetahui kepentingan maklumat kerjaya. Kajian menunjukkan murid menjadikan maklumat kerjaya sebagai satu rujukan untuk memilih kerjaya yang diminati. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Noraimuni (2016) yang menyatakan bahawa kesedaran kerjaya murid berada pada tahap yang tinggi disebabkan oleh keberkesanan pendedahan maklumat kerjaya oleh kaunselor sekolah. Sidek (2002) turut menyatakan bahawa maklumat kerjaya mengandungi maklumat yang teratur yang dapat membantu mereka mengembangkan kefahaman diri, mempelajari dunia pekerjaan seterusnya membuat keputusan kerjaya. Oleh hal yang demikian, maklumat kerjaya penting sebagai rujukan dan panduan murid membina dan menetapkan matlamat kerjaya masa depan.

Kajian ini menunjukkan murid mendapatkan maklumat kerjaya daripada internet, pembacaan buku dan perkongsian pengalaman keluarga yang bekerja. Noraimuni (2016) dalam kajiannya membuktikan bahawa kecenderungan membaca merupakan faktor yang dapat meningkatkan kesedaran kerjaya pelajar. Oleh hal yang demikian, maklumat kerjaya bukan sahaja boleh diperolehi daripada persekitaran tetapi daripada tindakan diri sendiri yang berusaha mendapatkan maklumat kerjaya. Bimbingan kerjaya yang efektif juga amat penting untuk membantu murid meningkatkan kesedaran kerjaya mereka. Dalam kajian yang dilakukan oleh Fr Racho, Pascal, Aloka dan Pamela (2014), penglibatan guru bimbingan dan kaunseling dalam memberikan maklumat dan bimbingan kerjaya kepada murid amat penting sebagai persediaan murid membuat keputusan kerjaya yang betul. Oleh itu, murid





juga memerlukan sokongan daripada luar sebagai salah satu proses pembelajaran dalam merancang kerjaya masa depan.

Hasil kajian juga dapat meneroka perasaan murid setelah mengetahui maklumat kerjaya iaitu murid lebih bermotivasi untuk menceburi bidang kerjaya yang diminati. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa murid perlu mengetahui tentang ciri sesuatu pekerjaan sebagai penentu kepada motivasi, kepuasan kerja, pencapaian, produktiviti dan stabiliti dalam kerjaya, Parson (1908, dalam Sidek 2006).

5.3.4 Membuat Keputusan Kerjaya

Kajian ini juga meneroka tentang cara murid membuat keputusan kerjaya. Hasil penerokaan tentang perancangan murid dalam pemilihan kerjaya, kepentingan pendidikan lebih diberikan keutamaan oleh murid sebagai langkah awal untuk menceburi bidang kerjaya yang diminati. Kajian yang dijalankan oleh Hartini (2014) mengenai ciri-ciri personaliti dalam pemilihan kerjaya dan hubungannya dengan pencapaian akademik menunjukkan bahawa murid yang mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang cenderung untuk membuat keputusan kerjaya dalam bidang profesional. Hal ini menyokong dapatan kajian ini melalui penerokaan penyelidikan tentang keputusan kerjaya murid di mana mereka cenderung memilih kerjaya yang memerlukan kelayakan akademik seperti doktor, jurutera dan juruterbang. Selain daripada itu, Lombardi, Conley, Seburn, dan Downs, (2012) telah mentakrifkan kesediaan kerjaya sebagai pengetahuan, kemahiran dan strategi pembelajaran dalam



konteks permulaan belajar yang menunjukkan bahawa pentingnya konteks pendidikan dalam diri individu untuk merancang kerjaya masa depan.

Faktor yang mempengaruhi murid membuat keputusan kerjaya pula ialah datang daripada faktor persekitaran dan diri sendiri. Perkara ini selaras dengan teori yang telah dikemukakan oleh Holland (1973) tentang pemilihan kerjaya yang menyatakan manusia yang inginkan kerjaya akan melakukan segala usaha termasuklah menyesuaikan kemahiran dan kecekapan diri, menampilkan sikap dan nilainya serta sanggup menghadapi pelbagai cabaran. Tambahan lagi, pengaruh konsep sendiri terhadap kerjaya individu adalah sebagai tujuan menyesuaikan sesuatu pekerjaan dengan diri sendiri. Super (1952, dalam Zunker 2012) juga telah membuat perkaitan konsep sendiri individu dalam mempengaruhi pemilihan dan kepuasan

kerjaya. Konsep sendiri yang dimaksudkan datang daripada diri sendiri, diri moral, keluarga, individu yang signifikan, sosial serta kepuasan diri. Nur Hidayah (2013) turut menegaskan elemen dalam konsep sendiri ini terbentuk melalui pertumbuhan fizikal dan mental serta pemerhatian terhadap persekitaran dan pekerjaan.

Apabila penyelidik meneroka tentang kepastian murid membuat keputusan kerjaya, dapatan menunjukkan murid mempunyai pemikiran positif terhadap kerjaya yang diminati. Kajian ini diperkukuhkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Rohani dan Lin (2013) yang menyatakan murid yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi dan pandangan yang lebih positif mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang lebih tinggi. Azura Ishak et.al (2014) dalam kajiannya mendapati keselarasan personaliti dan pemilihan program di universiti adalah rendah. Oleh hal yang demikian,



pemilihan program perlu dibuat berdasarkan pilihan dan minat mereka sendiri diikuti dengan faktor-faktor lain seperti persekitaran, ganjaran dan keluarga. Dapatan ini diperkukuhkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Bullock-Yowell, Chason, Sampson, Lenz, dan Reardon (2013) yang menyatakan kesediaan kerjaya merupakan satu strategi kognitif individu yang memiliki kebolehan membuat interpretasi, menyelesaikan masalah dan berupaya membuat keputusan.

5.4 Implikasi Kajian

Murid Menengah Rendah telah mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang tinggi walaupun masih belum melanjutkan murid ke institusi pengajian tinggi atau dunia pekerjaan. Pada peringkat umur empat belas tahun, mereka masih lagi perlu menguasai maklumat kerjaya dengan lebih banyak dan tepat untuk memenuhi kebolehan, kecenderungan, motivasi dan emosi, minat dan bakat diri. Kebijaksanaan merancang dalam usaha untuk membuat pemilihan kerjaya boleh menjadi penentu dan alternatif kepada kesediaan dan persiapan selepas tamat persekolahan untuk memilih bidang pengkhususan di universiti seterusnya menceburi dunia pekerjaan sebenar.

Berdasarkan dapat kajian ini, penyelidik mendapati, selain daripada guru akademik dan guru kaunseling, ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting untuk membuka peluang dan membina kesedaran kerjaya murid sekolah peringkat menengah rendah. Hal ini demikian kerana, hubungan ibu bapa dan murid sangat baik dan tiada sempadan. Tambahan lagi, kajian mendapati murid mempunyai persepsi yang baik terhadap kerjaya ibu bapa masing-masing yang menunjukkan keyakinan





dan kepercayaan mereka kepada fungsi ibu bapa. Bagi memastikan ibu bapa dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam meningkatkan kesedaran kerjaya pelajar, ibu bapa perlu melengkap diri dengan pengetahuan, maklumat dan kemahiran yang membolehkan mereka memahami pemikiran remaja dalam perkembangan kerjaya mereka. Hala tuju pendidikan dan laluan kerjaya murid sekolah menengah wajar diperbaiki dengan cara ibu bapa juga perlu diberi didikan dan bimbingan kerjaya supaya mereka boleh mengenal pasti perkembangan dunia pekerjaan dari semasa ke semasa demi masa depan anak-anak.

Selain itu, fungsi ibu bapa yang mempunyai pekerjaan berstatus tinggi dan profesional serta tahap akademik yang lebih tinggi pasti menyedari peranannya penting dalam meneguhkan perkembangan kerjaya anak-anak. Hal ini menjelaskan

peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang dipimpin oleh golongan ibu bapa dalam menyebarkan maklumat yang berkaitan dengan hala tuju laluan kerjaya akan menjadi semakin penting untuk menyalurkan maklumat dan hala tuju kerjaya. Saluran ini perlu supaya ibu bapa yang mempunyai tahap akademik rendah dapat memperoleh maklumat hala tuju dan laluan kerjaya yang lebih baik dan terkini untuk memperbaiki tahap kesedaran kerjaya murid supaya tidak ditenggelami arus kemodenan masa kini.

Dalam aspek pendidikan guru di sekolah pula, guru akademik dan guru kaunseling perlu mengikis tanggapan yang tidak benar mengenai murid yang memperoleh keputusan akademik yang lebih baik pasti mempunyai tahap kesedaran kerjaya yang lebih tinggi. Tambahan lagi, tanggapan pendidik dan ibu bapa bahawa sesuatu kerjaya atau pekerjaan hanya sesuai untuk sesuatu jantina atau kaum perlu juga dikikis. Hal ini demikian kerana, Kementerian telah menitikberatkan perpaduan





kaum dalam kalangan murid sekolah melalui program-program perpaduan seperti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Program kesedaran kerjaya boleh dilaksanakan kepada semua murid dari pelbagai kaum untuk meningkatkan dan memberi perangsang kepada semua murid supaya menitikberatkan pendidikan kerjaya demi masa depan mereka.

Secara keseluruhannya, dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran kerjaya pelajar, semua pihak merangkumi ibu bapa, guru akademik, guru bimbingan dan kaunseling serta rakan sebaya perlu bersama-sama berganding bahu menjadi fasilitator untuk memastikan kesedaran kerjaya dapat dikukuhkan dalam sanubari murid sekolah. Hal ini menjelaskan ibu bapa dan guru-guru harus meluangkan masa dan menguasai maklumat terkini untuk mengetahui perkembangan terbaru mengenai dunia pekerjaan semasa agar persepsi dan tahap penguasaan murid dalam dunia kerjaya menjadi pendorong untuk mereka melalui satu proses kehidupan yang baik.

5.5 Cadangan

Hasil daripada kajian yang dijalankan, penyelidik dapat memahami dengan jelas kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menengah rendah. Oleh itu, kajian ini dapat mengesyorkan cadangan yang bertujuan memberikan pembaharuan dan penambahbaikan kepada pendidikan kerjaya di Malaysia. Model kesedaran kerjaya yang dapat dihasilkan melalui kajian ini juga dapat diaplikasikan kepada penyelidik-penyelidik lain untuk meneroka dan memahami dengan lebih mendalam kesedaran kerjaya dalam kalangan murid sekolah menengah.





5.5.1 Kementerian Pelajaran Malaysia

Di Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menggalakkan pendidikan kerjaya dipertingkatkan di semua sekolah agar golongan pendidik tidak hanya menumpukan kepada pencapaian akademik dan kokurikulum sahaja. Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang sedang dilaksanakan melalui gelombang Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) amat sesuai dengan penerapan elemen kerjaya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Pendekatan ini dapat membuka minda dan kebolehan murid mengenal pasti minat kerjaya sekaligus dapat merancang kerjaya masa depan pada peringkat persekolahan lagi. Oleh hal yang demikian, murid dapat membina matlamat dengan mengatur strategi untuk memastikan kecemerlangan akademik menjamin kerjaya yang bagus pada masa



5.5.2 Peranan Guru

Guru merupakan individu terpenting dan menjadi role model kepada murid dalam persekitaran pendidikan di sekolah. Guru yang bersikap kreatif dan inovatif mampu melahirkan modal insan negara yang cemerlang secara keseluruhannya. Hal ini bertepatan dengan falsafah pendidikan kebangsaan yang bertujuan untuk memperkembangkan potensi diri individu secara holistik dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial. Oleh itu, guru perlu mempertingkatkan ilmu pengetahuan mengenai konsep kerjaya dari pelbagai sudut untuk memberi pendedahan menggunakan strategi yang menarik





minat murid tentang kepentingan kerjaya dalam kehidupan. Usaha ini sudah mampu dapat melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Selain itu, guru juga perlu mewujudkan hubungan yang baik dengan murid agar guru dapat meneroka kesukaan atau minat dan potensi diri yang ada pada setiap pelajar. Penglibatan dalam aktiviti separa akademik seperti kelab dan persatuan dapat menyumbang kepada pemahaman guru terhadap potensi dan minat pelajar. Hal ini adalah kerana, murid akan lebih menonjol dalam aktiviti yang menimbulkan keseronokan dan minat dalam dirinya seterusnya akan memastikan dirinya menjalankan tanggungjawab dengan dedikasi dan memberikan komitmen yang sepenuhnya. Oleh itu, peranan guru bukan hanya memfokuskan kepada akademik murid semata-mata, tetapi perlu mengetahui potensi diri murid melalui aktiviti-aktiviti tambahan yang dilaksanakan di sekolah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa inisiatif daripada guru itu sendiri memainkan peranan yang penting untuk memastikan murid melalui proses kehidupan yang seimbang dari pelbagai aspek.

5.6 Cadangan untuk Kajian akan Datang

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik mengenai kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menengah rendah, penyelidik mengharapkan agar penyelidik seterusnya dapat meneroka kesedaran kerjaya murid berdasarkan empat elemen yang difokuskan dalam kajian ini. Hal ini dapat memberikan penegasan dan pengukuhan





kepada kajian sedia ada terutama dalam kajian kualitatif kerana kaedah ini dapat memberikan dapatan baru mengikut peredaran masa. Penyelidik percaya bahawa tahap pemikiran murid terhadap kerjaya akan berubah dari semasa ke semasa berdasarkan peredaran zaman yang semakin menuju kepada kemajuan teknologi. Penyelidik sendiri menerima respon yang baik dan di luar jangkaan penyelidik berdasarkan tahap kematangan murid berfikir tentang dunia pekerjaan.

Seterusnya, penyelidik mencadangkan agar fokus kajian diperluaskan lagi dari segi jumlah sampel kajian. Penambahbaikan boleh dilakukan dengan memfokuskan kepada sampel yang lebih besar melibatkan dua kumpulan berfokus agar penyelidik dapat membuat perbandingan tentang kesedaran kerjaya murid dalam kumpulan yang berlainan. Perbandingan ini kemungkinan dapat memberikan hasil yang lebih baik agar penyelidik dapat memahami masalah yang timbul sekiranya sampel tidak menjawab soalan kajian dengan tepat. Oleh itu, pemilihan sampel yang lebih tepat dan sistematik dapat dilakukan agar tiada isu yang timbul yang boleh menjejaskan kajian.

Selain itu, penyelidik juga mencadangkan agar kesedaran kerjaya murid diteroka mengikut populasi jantina dan kaum. Kajian seperti ini akan dapat memberikan hasil kajian yang lebih terperinci dan berfokus agar penyelidik dapat membandingkan kesedaran kerjaya murid mengikut jantina dan kaum. Kaedah ini akan mempertingkatkan kesedaran kerjaya murid mengikut kaum dan jantina dengan lebih khusus supaya murid dapat bersama-sama memahami minat kerjaya masing-masing tanpa ada persilangan budaya.





5.7 Rumusan

Secara keseluruhannya, penyelidik telah membincangkan keseluruhan kajian merangkumi dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan penambahbaikan dan cadangan untuk kajian akan datang. Masalah yang timbul semasa menjalankan kajian juga dapat diatasi oleh penyelidik secara langsung tanpa menjejaskan dapatan kajian. Oleh hal yang demikian, pengkaji berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat dan rujukan kepada penyelidik-penyelidik yang melihat kepentingan kajian berkaitan kesedaran kerjaya dalam melengkapkan proses kehidupan manusia.





RUJUKAN

Abdul Wahab, Ramlan, Rajuddin & Muhd Rashid (2008). *Usaha-usaha Pemilihan Kerjaya di Kalangan Remaja Melayu Di Felda Daerah Jerantut, pahang*. Bachelor's thesis, Universiti Teknologi Malaysia.

Abdullah, Azliani Jabor & Mohd Khata (2012). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Di kalangan Murid Automotif Di Institut Kemahiran Belia Negara (ikbn) Di Pantai Timur*. Bachelor's thesis, Universiti Teknologi Malaysia.

Abu Talib, Jasmi dan Hj Salleh, Amla and Amat, & Salleh (2014). *Kesan Modul kembara kerjaya ke atas kebolehan merancang kerjaya, efikasi sendiri kerjaya dan kematangan kerjaya murid Kolej Komuniti*. PhD thesis, UKM.

Ahmad Rozelan, Yunus and Syed Najmuddin, Syed Hassan and Amir, Aris and Rusnani, Abdul Kadir (2010). *Keselarasan Personaliti dengan Persekitaran Pengajian : Satu Tinjauan Perbandingan di kalangan Murid Jurusan Pengurusan Dua Buah IPTA*. In: SPKS 2010 Seminar Psikologi Kebangsaan , 28-29 Pktober 2010, Kota Kinabalu, Malaysia.

Ahmad Yunus Kasim & AB, Halim Tamuri (2010). *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah : Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2), 2010,13-30

Ayranci, E., & Oge, E. (2011). *A study of the relationship between students' views toward A career management class and their future careers*. *International Business Research*, (1), 198-207. Retrieved from <http://search.proquest.com/docview/822030176?accountid=1315>
<http://search.proquest.com/docview/1732934231?accountid=13155>

Azura Ishak, Masura Rahmat, Shahrina Shahrani, Noor Faridatul Ainun Zainal & Rohizah Abd Rahman (2014). *Keselarasan Personaliti dengan pemilihan Program Sains Komputer dan teknologi Maklumat*. Selangor : UKM

Bullock-Yowell, E., Chason, A. K., Sampson, J. P., Lenz, J. G., & Reardon, R. C. (2013). Relationships among career thoughts, career interests, and career decision state. *The Canadian Journal of Career Development/Revue Canadienne de Développement de Carrière*, 12(1).

Byrne, M., & Willis, P. (2005). *Irish secondary students' perceptions of the work of an accountant and the accounting profession*. *Accounting Education: an international journal*, 14(4), 367-381.





Cardoso, P., & Moreira, J. M. (2009). *Self-efficacy beliefs and the relation between career planning and perception of barriers*. *International Journal for Educational and Vocational Guidance*, 9(3), 177.

Carnevale, A. P. (2013). *21st Century competencies for college and career readiness*. *Career Development Quarterly*, 5–9. Diakses dari www.ncda.org/nhttps://georgetown.app.box.com/s/bx78k2iqtvof4gd7gz.

Che Amat, Che Nor Aznonmiza Selamat & Kandar (2006). *Persepsi Murid Aliran Vokasional Terhadap Kaunseling kerjaya Di Sekolah Menengah Teknik Melaka Tengah, Melaka*. Bachelor's thesis, Universiti Teknologi Malaysia.

Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Coon, K. L. (2008). *Predicting career decision -making difficulties among undergraduate students: The role of career decision making self efficacy, career optimism, and coping* (Order No. 3383544). Available from ProQuest Dissertations & Theses Global. (304464748). Retrieved from <http://search.proquest.com/docview/304464748?accountid=13155>



Creswell J. W. (2008). *Research Design : Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approachs*. United Kingdom : Sage Publications

Fr Racho Ibrahim, Pascal Wambiya, Peter J.O. Aloka & Pamela Raburu (2014). *The Status of Career Awareness among Selected Kenyan Public Secondary School Students*. *Journal of Educational and Social Research*, September. Vol. 4. Pgs. 301-311.

Gysbers, N. C. (2013). Career-ready students : A goal of comprehensive school counseling programs. *The Career Development Quarterly*, 61(September), 283–289. doi:10.1002/J.2161.

Hartini Md Ariff (2014). *Ciri-ciri Personaliti dalam Pemilihan Kerjaya dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik : Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) Perak*. Kedah : KUIN

Ibrahim, F. R., Wambiya, P., Aloka, P. J., & Raburu, P. (2014). The status of career awareness among selected Kenyan public secondary school students. *Journal of Educational and Social Research*, 4(6), 301.

Janeiro, I. N. & Marques, J. F. (2010). Career coping styles: Differences in career attitudes among secondary school students. *International Journal for Educational and Vocational Guidance*, 10 (1), 35-48.





Kamarul Azmi Jasmi (2012). *Kesahan dan kebolehppercayaan dalam kajian kualitatif. Johor* : UTM

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2012). Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Lombardi, A. R., Conley, D. T., Seburn, M. A., & Downs, A. M. (2012). College and career readiness assessment: Validation of the key cognitive strategies framework. *Assessment for Effective Intervention*, 38(3), 163–171. doi:10.1177/1534508412448668.

Marzita Puteh & Sadiyah Baharom (2011). *Penulisan tugas dan tesis*. UPSI : Perak
Mastura Mohd Yusoff (2014). *Kesedaran Kerjaya dalam kalangan Murid Tingkatan Satu dan Dua di Sekolah Menengah*. Perak : UPSI

Mazirah Saidi (2009). *Tahap kesedaran kerjaya di kalangan murid tingkatan 2 di salah sebuah sekolah menengah kebangsaan di Melaka*. Perak : UPSI

Mazlan Ahmad & Mohammad Nasir Bistamam (2009) *Kesan Kelompok Bimbingan Kerjaya Terhadap Kematangan Kerjaya Dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat*. ["eprint_fieldopt_thesis_type_Masters" not defined] thesis, upsi.

Merriam, S. B. (2001). *Qualitative Research in Practice Example for Discussion and Analysis*. San Francisco : Jossey Bass.

Mohamad Faizel Ali (2009). *Perbandingan kesedaran kerjaya dalam kalangan murid berbilang kaum*. Perak : UPSI

Mohd Ali Jamaat (2010). *Mengaplikasi Teori Erikson, Piaget dan Super dalam Pembinaan Modul Kesedaran Kerjaya untuk Murid Sekolah Menengah Rendah di Malaysia*. Selangor : UPM

Mohd Sahid, Mohd Fami, Mustafa, dan Mohamed Sharif (2009). *Persepsi Mahasiswa Terhadap Pusat Kaunseling & Kerjaya universiti Teknologi Malaysia, skudai, Johor*. Masters thesis, Universiti Teknologi Malaysia.

Moreland N. (2006). *Enterpreneurship and Higher Education Employability Perspective Learning and Employability Series*. United Kingdom : The Higher Education Academy.



Noraimuni Abu Bakar (2016). *Kesedaran kerjaya dalam kalangan murid menengah rendah di salah sebuah sekolah*. Perak : UPSI

Norasmah Othman (2012). *Impak Globalisasi dan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Murid Universiti*. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII) Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju. Ipoh, Perak.

Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun (2010). *Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Murid Institut Pengajian Awam*. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1)(2010): 11-17

Norhaiyati (2009). *Kesan program bimbingan kerjaya terhadap kesedaran kerjaya dan motivasi pencapaian dalam kalangan murid bekerja secara sambilan*. Perak : UPSI

Nur Hidayah Zulkiffee (2013). *Tahap kesedaran kerjaya murid-murid di sebuah sekolah rendah di Johor*. Perak : UPSI.

Nurinahafiza Mansor (2012). *Keberkesanan Perkhidmatan Unit Psikologi, Kaunseling dan Kerjaya dalam Membantu Kerjaya Murid Politeknik*. Johor : UTHM

Nurul Ain Mohd Daud (2011). *School Counseling in Malaysia : Narrative Ethnograph*

Nurul Akma Deraman (2009). *Kesedaran pemilihan kerjaya : satu kajian kes dalam kalangan murid orang asli di sebuah sekolah menengah daerah Maran, Pahang*. Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Othman Lebar (2014). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak : UPSI

Perry, N. & Vanzandt, Z. (2006). *Exploring Future Options : A Career Development Curriculum for Middle School Students*. *G-References, Information and Interdisciplinary Subjects Series*. USA : IDEA.

Raman Annamalai (2000). *Tahap Kesedaran Kerjaya Murid India di Dua Buah Sekolah Menengah di Pelabuhan Klang*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Rohani Nasir (2003). *Isu-isu Kaunseling dan Perkembangan Kerjaya*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Rohani Nasir, & Lin, L. S. (2013). *The relationship between self-concept and career awareness amongst students*. *Asian Social Science*, 9(1), 193-197. Retrieved from <http://search.proquest.com/docview/1345426795?accountid=13155>

Ryan, C. W., & Tomlin, J. H. (2010). Infusing Systems Thinking Into Career Counseling. *Journal Of Employment Counseling*, 47(2), 79-85

Salhana (2008). *Kesedaran kerjaya dalam kalangan murid tingkatan 4*. Perak : UPSI.

Sidek Mohd Noah (2002). *Perkembangan Kerjaya Teori & Praktis*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Sidek Mohd Noah (2006). *Perkembangan Kerjaya Teori & Praktis*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Siti Noorjannah Abd Gani & Yusfaiza Yussoff (2013). *Keselarasan antara Personaliti dan Pemilihan Kerjaya : Satu Kajian di Sekolah Tunas Bakti (STB) Teluk Air Tawar*. Diperoleh pada Oktober 12 di www.academia.edu

Siti Suhila Abdul Rahman (2010). *Kesedaran kerjaya dalam kalangan murid Orang Asli di Daerah Cameron Highlands, Pahang Darul Makmur*. Perak : UPSI

Suhaimi, Siti Zanariah & Ramli Jamaluddin (2011). *Hubungan Faktor Kesedaran Kerjaya Dengan kematangan Kerjaya Dalam Kalangan mahasiswa Tahun Satu Universiti Teknologi Malaysia*. Masters thesis, Universiti Teknologi Malaysia.

Sultan A. Alsuwaidi. (2006). *Examining Middle School Student's Awareness of Their Career Paths*. PhD Thesis. The Pennsylvania State University.

Super, D. E. (1957). *The Psychology Career : An Introduction to Vocational Development*. New York : Harper & Row, publishers.

Super, D.E.(1975). *The Psychology of Career*. New York: Harper and Row Publisher Co.

Tan Tai (2014). *Tahap Kesedaran Kerjaya MuridTingkatan Enam Di Daerah Kluang Dalam Pemilihan Kerjaya*. Johor : UTM.

Taskinen, P. H., Schütte, K., & Prenzel, M. (2013). *Adolescents' motivation to select an academic science-related career: the role of school factors, individual interest, and science self-concept*. *Educational research and evaluation*, 19(8), 717-733.



Uloma, D. O., Sunday O. J., & Ngozi C., U. (2013). *Awareness and use of career information sources among secondary school students in selected schools in Ikenne Local Government Area of Ogun State, Nigeria. Research on Humanities and Social Sciences.* 3 (9).

Zainab Minikutty (2012). *Kajian Tentang Kesedaran Kerjaya Dalam Kalangan Sekolah Menengah Di Kawasan Luar Bandar.* Masters Thesis, Universiti Teknologi Malaysia.

Zalzaliana Zainal (2012). *Kecenderungan minat kerjaya dan pencapaian akademik murid luar Bandar.* Perak : UPSI

Zeenat, A. Khan. (2014). *A Study of Professional Career Awareness of Class X Students.* International Journal For Research Education.

Zunker V. G. 8th Edition (2012). *Career Counseling a Holistic Approach.* Texas State University : Thomson.



Lampiran A :

Surat Kebenaran Menjalankan Kajian



Ruj. Kami : KPMS.P.600-3/2/3 Jld 40 (F1)

Tarikh : 28 Mac 2017

Nur Hafizah binti Ibrahim
K.P.:890330015166No.50, Kampung Parit Sauh
Mukim 4
83000 Batu Pahat
Johor

Tuan,

KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH, INSTITUT PENDIDIKAN GURU, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI DAN BAHAGIAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti di bawah telah diluluskan.

"Kesedaran Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Menengah Rendah di Salah Sebuah Sekolah di Daerah Johor Bahru"

3. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada kertas cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang dikemukakan oleh tuan kepada Bahagian ini. Walau bagaimanapun kelulusan ini bergantung kepada kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua / Guru Besar yang berkenaan.

4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari **28 Mac 2017 hingga 31 Ogos 2017**.

5. Tuan juga mesti menyerahkan senaskhah laporan akhir kajian dalam bentuk *hardcopy* bersama salinan *softcopy* berformat Pdf di dalam CD kepada Bahagian ini. Tuan diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak dibentangkan di mana-mana forum, seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR. SHAMSUDIN BIN MOHAMAD)

Ketua Unit

Sektor Penyelidikan dan Penilaian

b.p. Pengarah

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Kementerian Pendidikan Malaysia



Lampiran B :

Surat Kebenaran Peserta Kajian

SURAT KEBENARAN PESERTA KAJIAN


Saya, YUVERAJO A/L KALIDASAN, bersetuju untuk menyertai kajian yang dikendalikan oleh Cik Nur Hafizah Bte Ibrahim untuk memenuhi keperluan penyelidikannya yang bertajuk 'Kesedaran Kerjaya dalam kalangan Pelajar Menengah Rendah' di peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk meneroka secara mendalam dan memahami kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar.

Untuk tujuan kajian di atas, saya sedia maklum bahawa penyelidik akan menjalankan temu bual kepada saya serta menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan topik kajian yang dijalankan. Saya juga sedia maklum bahawa sesi temu bual yang dilakukan terhadap saya akan dirakamkan serta percaya dengan etika kerahsiaan yang dipegang oleh penyelidik. Di samping itu, saya juga bersetuju untuk membenarkan penyelidik melihat laporan-laporan yang berkaitan dengan pelaksanaan bimbingan atau kaunseling kerjaya bersama kaunselor di sekolah.

Dalam penulisan laporan penyelidikan ini, nama sebenar saya tidak akan digunakan dan dirahsiakan. Saya membenarkan hasil penyelidikan dilaporkan untuk penilaian pensyarah. Segala maklumat yang dikumpul dan ditulis akan saya baca dan saya mempunyai hak untuk menambah, mengubah dan membuang apa sahaja yang saya fikir tidak benar. Saya juga berhak untuk menarik diri daripada menyertai kajian ini pada bila-bila masa. Sekiranya saya mempunyai apa-apa soalan, saya akan menghubungi Cik Nur Hafizah Bte Ibrahim di Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, UPSI di talian 017-2446605.

Tandatangan

Tarikh: 6 : 12 : 2016



BAHAGIAN A

Arahan: Sila jawab dengan menulis atau membulatkan nombor yang berkaitan

Maklumat Diri

1. Nama : YUWEKAJ A/L KALIDAN Aliran : _____
 2. Jantina : ① Lelaki
 2. Perempuan
 3. Umur : 14 tahun

4. Pegetahuan umum pelajar tentang kerjaya :

i. Apa pekerjaan yang anda tahu?

Jurateraka, Ahli sains, Doktor dan lain-lain

ii. Mengapakah individu perlu bekerja?

Untuk mendapat duit dan hidup dengan selesa

iii. Bagaimana pekerjaan diperoleh?

Dengan kelayakan bagi pekerjaan atau bidang tersebut.

iv. Bilakah seseorang itu boleh bekerja?

Apabila seseorang itu sudah dewasa

v. Di mana pekerjaan boleh diperoleh?

Di mana-mana syarikat atau pihak kerajaan

vi. Bolehlah pekerjaan seseorang berubah-ubah? – Jika boleh apa yang sepatutnya dilakukan.

Boleh. Jika dia mempunyai sebab yang boleh diterima.

vii. Apakah perancangan kerjaya anda?

Belajar sehingga PhD dan bekerja di NASA seterusnya.

viii. Apakah yang akan anda lakukan atau persediaan anda menghadapi alam pekerjaan?

Belajar bersungguh-sungguh

ix. Adakah anda mempunyai matlamat pekerjaan?

Ya.

x. Kalau ada apakah perancangan anda untuk mencapainya?

Belajar bersungguh-sungguh. Fokus dalam kelas.

Cuba mendapatkan grad yang paling tinggi di tahap universiti. Bekerja di NASA dan mempunyai jawatan yang paling tinggi.

SURAT KEBENARAN PESERTA KAJIAN

Saya, Zuhuddeen Bin Abdul Kadir, bersetuju untuk menyertai kajian yang dikendalikan oleh Cik Nur Hafizah Bte Ibrahim untuk memenuhi keperluan penyelidikannya yang bertajuk 'Kesedaran Kerjaya dalam kalangan Pelajar Menengah Rendah' di peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk meneroka secara mendalam dan memahami kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar.

Untuk tujuan kajian di atas, saya sedia maklum bahawa penyelidik akan menjalankan temu bual kepada saya serta menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan topik kajian yang dijalankan. Saya juga sedia maklum bahawa sesi temu bual yang dilakukan terhadap saya akan dirakamkan serta percaya dengan etika kerahsiaan yang dipegang oleh penyelidik. Di samping itu, saya juga bersetuju untuk membenarkan penyelidik melihat laporan-laporan yang berkaitan dengan pelaksanaan bimbingan atau kaunseling kerjaya bersama kaunselor di sekolah.

Dalam penulisan laporan penyelidikan ini, nama sebenar saya tidak akan digunakan dan dirahsiakan. Saya membenarkan hasil penyelidikan dilaporkan untuk penilaian pensyarah. Segala maklumat yang dikumpul dan ditulis akan saya baca dan saya mempunyai hak untuk menambah, mengubah dan membuang apa sahaja yang saya fikir tidak benar. Saya juga berhak untuk menarik diri daripada menyertai kajian ini pada bila-bila masa. Sekiranya saya mempunyai apa-apa soalan, saya akan menghubungi Cik Nur Hafizah Bte Ibrahim di Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, UPSI di talian 017-2446605.

Tandatangan

Tarikh:

6.12.2016



ZUHUDEEN BIN ABDUL KADIR

BAHAGIAN A

Arahan: Sila jawab dengan menulis atau membulatkan nombor yang berkaitan

Maklumat Diri

- 1. Nama : Zuhuddeen ^{Ak} bin Abdul Karim Aliran : _____
- 2. Jantina : 1. Lelaki
 2. Perempuan
- 3. Umur : 14 tahun
- 4. Pegetahuan umum pelajar tentang kerjaya :

i. Apa pekerjaan yang anda tahu?

Juru tera, Guru, Polis, Bomba

ii. Mengapakah individu perlu bekerja?

Supaya dapat berbakti kepada masyarakat.

iii. Bagaimana pekerjaan diperoleh?

Ke dengan temuduga

iv. Bilakah seseorang itu boleh bekerja?

Apabila mencapai umur 18 tahun.

v. Di mana pekerjaan boleh diperoleh?

Di tempat yang memerlukan bantuan.

vi. Bolehlah pekerjaan seseorang berubah-ubah? – Jika boleh apa yang sepatutnya dilakukan.

Seseorang itu boleh memilih kerjaya yang beresuaian dengan dirinya.

vii. Apakah perancangan kerjaya anda?

Saya akan memilih jurusan yang beresuaian dengan pekerjaan impian saya.

viii. Apakah yang akan anda lakukan atau persediaan anda menghadapi alam pekerjaan?

Saya akan meminta nasihat daripada orang yang lebih berpengalaman.

ix. Adakah anda mempunyai matlamat pekerjaan?

Ya

x. Kalau ada apakah perancangan anda untuk mencapainya?

Saya akan berusaha bersungguh-mencapai dalam pelajaran.


SURAT KEBENARAN PESERTA KAJIAN

Saya, Fok Jia Chung, bersetuju untuk menyertai kajian yang dikendalikan oleh Cik Nur Hafizah Bte Ibrahim untuk memenuhi keperluan penyelidikannya yang bertajuk 'Kesedaran Kerjaya dalam kalangan Pelajar Menengah Rendah' di peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk meneroka secara mendalam dan memahami kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar.

Untuk tujuan kajian di atas, saya sedia maklum bahawa penyelidik akan menjalankan temu bual kepada saya serta menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan topik kajian yang dijalankan. Saya juga sedia maklum bahawa sesi temu bual yang dilakukan terhadap saya akan dirakamkan serta percaya dengan etika kerahsiaan yang dipegang oleh penyelidik. Di samping itu, saya juga bersetuju untuk membenarkan penyelidik melihat laporan-laporan yang berkaitan dengan pelaksanaan bimbingan atau kaunseling kerjaya bersama kaunselor di sekolah.

Dalam penulisan laporan penyelidikan ini, nama sebenar saya tidak akan digunakan dan dirahsiakan. Saya membenarkan hasil penyelidikan dilaporkan untuk penilaian pensyarah. Segala maklumat yang dikumpul dan ditulis akan saya baca dan saya mempunyai hak untuk menambah, mengubah dan membuang apa sahaja yang saya fikir tidak benar. Saya juga berhak untuk menarik diri daripada menyertai kajian ini pada bila-bila masa. Sekiranya saya mempunyai apa-apa soalan, saya akan menghubungi Cik Nur Hafizah Bte Ibrahim di Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, UPSI di talian 017-2446605.

Tandatangan



Tarikh:

6/12/16

BAHAGIAN A

Arahan: Sila jawab dengan menulis atau membulatkan nombor yang berkaitan

Maklumat Diri

- 1. Nama : Fok Jia Chung Aliran : _____
- 2. Jantina : 1. Lelaki
 2. Perempuan
- 3. Umur : 14 tahun
- 4. Pegetahuan umum pelajar tentang kerjaya :

- i. Apa pekerjaan yang anda tahu?
Doktor, Guru, Saintis, Arkitek, Jurutera
- ii. Mengapakah individu perlu bekerja?
Mendapat pendapatan kehidupan, Menyara keluarga
- iii. Bagaimana pekerjaan diperoleh?

- iv. Bilakah seseorang itu boleh bekerja?
Biasanya seseorang yang berusia 18 tahun dan lebih
- v. Di mana pekerjaan boleh diperoleh?
Pejabat
- vi. Bolehlah pekerjaan seseorang berubah-ubah? – Jika boleh apa yang sepatutnya dilakukan.
~~Boleh tetapi tidak digalakkan~~ Tidak boleh
- vii. Apakah perancangan kerjaya anda?
Fokus dalam bidang perubatan
- viii. Apakah yang akan anda lakukan atau persediaan anda menghadapi alam pekerjaan?
Menyediakan maklumat yang relevan untuk pekerjaan
- ix. Adakah anda mempunyai matlamat pekerjaan?
Ada.
- x. Kalau ada apakah perancangan anda untuk mencapainya?
Menjaga sikap yang baik dan maruah diri

SURAT KEBENARAN PESERTA KAJIAN

Saya, Akma Hakeem bin Azlan Kameel, bersetuju untuk menyertai kajian yang dikendalikan oleh Cik Nur Hafizah Bte Ibrahim untuk memenuhi keperluan penyelidikannya yang bertajuk 'Kesedaran Kerjaya dalam kalangan Pelajar Menengah Rendah' di peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk meneroka secara mendalam dan memahami kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar.

Untuk tujuan kajian di atas, saya sedia maklum bahawa penyelidik akan menjalankan temu bual kepada saya serta menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan topik kajian yang dijalankan. Saya juga sedia maklum bahawa sesi temu bual yang dilakukan terhadap saya akan dirakamkan serta percaya dengan etika kerahsiaan yang dipegang oleh penyelidik. Di samping itu, saya juga bersetuju untuk membenarkan penyelidik melihat laporan-laporan yang berkaitan dengan pelaksanaan bimbingan atau kaunseling kerjaya bersama kaunselor di sekolah.

Dalam penulisan laporan penyelidikan ini, nama sebenar saya tidak akan digunakan dan dirahsiakan. Saya membenarkan hasil penyelidikan dilaporkan untuk penilaian pensyarah. Segala maklumat yang dikumpul dan ditulis akan saya baca dan saya mempunyai hak untuk menambah, mengubah dan membuang apa sahaja yang saya fikir tidak benar. Saya juga berhak untuk menarik diri daripada menyertai kajian ini pada bila-bila masa. Sekiranya saya mempunyai apa-apa soalan, saya akan menghubungi Cik Nur Hafizah Bte Ibrahim di Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, UPSI di talian 017-2446605.

Tandatangan

Tarikh: 6/12/2016

A.

BAHAGIAN A

Arahan: Sila jawab dengan menulis atau membulatkan nombor yang berkaitan

Maklumat Diri

- 1. Nama : Alma Hakeem bin Azlan Kameel Aliran : _____
- 2. Jantina : 1. Lelaki
 2. Perempuan
- 3. Umur : 14 tahun

4. Pegetahuan umum pelajar tentang kerjaya :

- i. Apa pekerjaan yang anda tahu?
Jurutera, Pakar komputer, doktor, manager dan banyak lagi.
- ii. Mengapakah individu perlu bekerja?
untuk mendapatkan duit untuk membeli keperluan asas seperti makan minum, pakaian dan tempat tinggal
- iii. Bagaimana pekerjaan diperoleh?
Untuk memperoleh pekerjaan yang bagus, kita perlulah berusaha daripada sekolah supaya dapat sahaja di universiti yang membenarkan kita untuk bekerja.
- iv. Bilakah seseorang itu boleh bekerja?
Biasanya selepas umur 20 tahun
- v. Di mana pekerjaan boleh diperoleh?
Di mana-mana sahaja
- vi. Bolehlah pekerjaan seseorang berubah-ubah? – Jika boleh apa yang sepatutnya dilakukan.
Boleh berubah dan jika kita boleh ambil kerja yang gajinya lagi bagus daripada gaji pekerjaan yang sebelum itu.
- vii. Apakah perancangan kerjaya anda?
Untuk menjadi jurutera dan bidang elektrik dan komputer
- viii. Apakah yang akan anda lakukan atau persediaan anda menghadapi alam pekerjaan?
Dengan mengulangkeaji pasal elektronik dan komputer drpd sekolah lagi dengan menggunakan internet.
- ix. Adakah anda mempunyai matlamat pekerjaan?
Ya. iaitu untuk menjadi jurutera yang akan memajukan Malaysia
- x. Kalau ada apakah perancangan anda untuk mencapainya?
Dengan berusaha keras dan bersungguh-sungguh.

SURAT KEBENARAN PESERTA KAJIAN

Saya, Emmanuel Paul s/o Richard Paul, bersetuju untuk menyertai kajian yang dikendalikan oleh Cik Nur Hafizah Bte Ibrahim untuk memenuhi keperluan penyelidikannya yang bertajuk 'Kesedaran Kerjaya dalam kalangan Pelajar Menengah Rendah' di peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk meneroka secara mendalam dan memahami kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar.

Untuk tujuan kajian di atas, saya sedia maklum bahawa penyelidik akan menjalankan temu bual kepada saya serta menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan topik kajian yang dijalankan. Saya juga sedia maklum bahawa sesi temu bual yang dilakukan terhadap saya akan dirakamkan serta percaya dengan etika kerahsiaan yang dipegang oleh penyelidik. Di samping itu, saya juga bersetuju untuk membenarkan penyelidik melihat laporan-laporan yang berkaitan dengan pelaksanaan bimbingan atau kaunseling kerjaya bersama kaunselor di sekolah.

Dalam penulisan laporan penyelidikan ini, nama sebenar saya tidak akan digunakan dan dirahsiakan. Saya membenarkan hasil penyelidikan dilaporkan untuk penilaian pensyarah. Segala maklumat yang dikumpul dan ditulis akan saya baca dan saya mempunyai hak untuk menambah, mengubah dan membuang apa sahaja yang saya fikir tidak benar. Saya juga berhak untuk menarik diri daripada menyertai kajian ini pada bila-bila masa. Sekiranya saya mempunyai apa-apa soalan, saya akan menghubungi Cik Nur Hafizah Bte Ibrahim di Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, UPSI di talian 017-2446605.

Tandatangan

Tarikh: 6/12/2016

Emmar

BAHAGIAN A

Arahan: Sila jawab dengan menulis atau membulatkan nombor yang berkaitan

Maklumat Diri

- 1. Nama : Emmanuel Paul Slo Richard Paul Aliran : _____
- 2. Jantina : 1. Lelaki
 2. Perempuan
- 3. Umur : 14 tahun
- 4. Pegetahuan umum pelajar tentang kerjaya :

- i. Apa pekerjaan yang anda tahu?
Juruterbang, doktor, saintis
- ii. Mengapakah individu perlu bekerja?
Untuk menyara keluarga pada masa depan.
- iii. Bagaimana pekerjaan diperoleh?

- iv. Bilakah seseorang itu boleh bekerja?
Daripada hasil sesi temu duga
Apabila mendapat kebenaran daripada majikan.
- v. Di mana pekerjaan boleh diperoleh?
Daripada syarikat ~~syarikat~~ yang mendapat
- vi. Bolehlah pekerjaan seseorang berubah-ubah? – Jika boleh apa yang sepatutnya dilakukan?
Boleh. Untuk mengelakkan pekerjaan seseorang berubah-ubah, sesuatu individu itu mestilah taat pada arahan majikan.
- vii. Apakah perancangan kerjaya anda?
Selepas SPM, melanjutkan pelajaran di universiti sampai mendapat Ph.D.
- viii. Apakah yang akan anda lakukan atau persediaan anda menghadapi alam pekerjaan?
Persediaan saya adalah mengalami suasana pekerjaan. Selepas itu, saya boleh bekerja seperti biasa.
- ix. Adakah anda mempunyai matlamat pekerjaan?
Ya.

- x. Kalau ada apakah perancangan anda untuk mencapainya?
Matlamat Perancangan saya untuk mencapai matlamat pekerjaan saya adalah gigih berusaha apabila bekerja. Dan saya akan bekerja sampai anak-anak saya melanjutkan ~~pekerjaan~~ ke universiti. iajaran


SURAT KEBENARAN PESERTA KAJIAN

Saya, Raahull A/L Kumaresan, bersetuju untuk menyertai kajian yang dikendalikan oleh Cik Nur Hafizah Bte Ibrahim untuk memenuhi keperluan penyelidikannya yang bertajuk 'Kesedaran Kerjaya dalam kalangan Pelajar Menengah Rendah' di peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk meneroka secara mendalam dan memahami kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar.

Untuk tujuan kajian di atas, saya sedia maklum bahawa penyelidik akan menjalankan temu bual kepada saya serta menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan dengan topik kajian yang dijalankan. Saya juga sedia maklum bahawa sesi temu bual yang dilakukan terhadap saya akan dirakamkan serta percaya dengan etika kerahsiaan yang dipegang oleh penyelidik. Di samping itu, saya juga bersetuju untuk membenarkan penyelidik melihat laporan-laporan yang berkaitan dengan pelaksanaan bimbingan atau kaunseling kerjaya bersama kaunselor di sekolah.

Dalam penulisan laporan penyelidikan ini, nama sebenar saya tidak akan digunakan dan dirahsiakan. Saya membenarkan hasil penyelidikan dilaporkan untuk penilaian pensyarah. Segala maklumat yang dikumpul dan ditulis akan saya baca dan saya mempunyai hak untuk menambah, mengubah dan membuang apa sahaja yang saya fikir tidak benar. Saya juga berhak untuk menarik diri daripada menyertai kajian ini pada bila-bila masa. Sekiranya saya mempunyai apa-apa soalan, saya akan menghubungi Cik Nur Hafizah Bte Ibrahim di Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, UPSI di talian 017-2446605.

Tandatangan



Tarikh:

6/12/2016

BAHAGIAN A

Arahan: Sila jawab dengan menulis atau membulatkan nombor yang berkaitan

Maklumat Diri

1. Nama : Rahull A/c Kumaresan Aliran : _____
2. Jantina : 1. Lelaki
 2. Perempuan
3. Umur : 14 tahun

4. Pegetahuan umum pelajar tentang kerjaya :

i. Apa pekerjaan yang anda tahu?
Doktor, saintis, juruterbang, guru, dan sebagainya.

ii. Mengapakah individu perlu bekerja?
Untuk mendapat duit dan menyara keluarga

iii. Bagaimana pekerjaan diperoleh?

Dengan mendapat keputusan yang baik

iv. Bilakah seseorang itu boleh bekerja?

Apabila sudah sampai ke usia dan menghadiri temu duga.

v. Di mana pekerjaan boleh diperoleh?

Di universiti.

vi. Bolehlah pekerjaan seseorang berubah-ubah? – Jika boleh apa yang sepatutnya dilakukan.

Jika dipecat, ^{dan} harus cuba lagi.

vii. Apakah perancangan kerjaya anda?

Mendapat keputusan yang cemerlang

viii. Apakah yang akan anda lakukan atau persediaan anda menghadapi alam pekerjaan?

Membuat kajian

ix. Adakah anda mempunyai matlamat pekerjaan?

Ya

x. Kalau ada apakah perancangan anda untuk mencapainya?

Bekerja dengan keras dan berjaya dalam kerjaya.

Lampiran C :

Protokol Temu Bual

PROTOKOL TEMU BUAL

Temu bual dimulakan dengan soalan-soalan umum mengenai pengetahuan kerjaya pelajar iaitu :

Apa pekerjaan yang anda tahu?

Mengapakah individu perlu bekerja?

Bagaimana pekerjaan diperoleh?

Bilakah seseorang itu boleh bekerja?

Di mana pekerjaan boleh diperoleh?

Bolehlah pekerjaan seseorang berubah-ubah? – Jika boleh apa yang sepatutnya dilakukan.

SOALAN KAJIAN	SOALAN TEMU BUAL
1. Bagaimanakah minat kerjaya murid?	i. Apakah yang anda faham tentang sesuatu kerjaya? ii. Bagaimanakah anda mengenal pasti minat anda terhadap sesuatu kerjaya? iii. Bagaimanakah pentingnya perkaitan antara personaliti diri dan minat anda terhadap sesuatu kerjaya? iv. Apakah faktor yang mempengaruhi anda memilih kerjaya?
2. Bagaimanakah tanggapan murid terhadap kerjaya?	i. Bagaimanakah tanggapan anda terhadap sesuatu kerjaya? ii. Bagaimanakah pendapat anda tentang hubungan antara pencapaian akademik dan kerjaya? iii. Bagaimanakah tanggapan anda terhadap kerjaya ibu bapa anda?
3. Bagaimanakah kematangan kerjaya murid?	i. Bagaimanakah anda melihat kepentingan tentang maklumat kerjaya dan bagaimanakah anda mendapatkan maklumat tentang kerjaya? ii. Bagaimanakah perasaan anda setelah mengetahui tentang sesuatu kerjaya?
4. Bagaimanakah murid membuat keputusan terhadap kerjaya?	i. Bagaimanakah perancangan anda untuk memilih kerjaya? ii. Apakah perkara yang mempengaruhi anda membuat keputusan kerjaya? iii. Bagaimanakah anda memastikan bahawa anda telah memilih kerjaya yang tepat?

Lampiran D :

Transkripsi Temu Bual

TRANSKRIPSI TEMU BUAL

TRANSKRIP		INITIAL KODING
Penyelidik	<p style="text-align: center;">***</p> <p>Pertama kali saya nak ucapkan terima kasih kepada anda semua kerana bersedia dan berminat untuk menyertai dan menjadi salah seorang peserta kajian kesedaran kerjaya dalam kalangan pelajar menengah rendah. Tadi anda telah mengisi borang persetujuan peserta kajian di mana salah satu perkara penting ialah temuduga ini akan dirakam dan saya akan rahsiakan serta saya akan analisis untuk melengkapkan kajian saya. Oleh itu, boleh saya mulakan dengan soalan yang pertama?</p>	
Peserta	Boleh	
Penyelidik	Ok, jadi saya akan mulakan soalan dengan peserta pertama. Untuk soalan pertama, apa yang anda faham tentang sesuatu kerjaya?	
Peserta A	Kerjaya ialah sebuah pekerjaan yang semua orang di dunia ini akan buat apabila dia sudah dewasa dan cukup matang. Itu saja.	Pekerjaan yang semua orang akan buat apabila sudah dewasa dan matang.
Penyelidik	Ok. Maksudnya semua orang akan menyertai dan menceburi sesuatu kerja pada masa akan datang?	
Peserta A	Ya.	
Penyelidik	Ok untuk peserta kedua pula. Apa yang anda faham tentang sesuatu kerjaya?	
Peserta B	Pada pendapat saya, kerjaya ialah suatu kerja atau khidmat yang kita boleh berikan kepada masyarakat atau negara.	Pekerjaan atau perkhidmatan yang boleh diberikan kepada masyarakat dan negara.
Penyelidik	Maksudnya kerja itu bukan untuk diri sendiri tapi boleh beri manfaat kepada orang lain dan kepada negara.	
Peserta B	Ya.	
Penyelidik	Itu pendapat anda tentang sesuatu kerjaya?	

Peserta B	Ya.	
Penyelidik	Ok. Beralih kepada peserta ketiga pula. Apa yang anda faham tentang sesuatu kerjaya?	
Peserta C	Pada pendapat saya, kerjaya mungkin satu kerja yang kita lakukan atau kita buat untuk satu untuk bina kita punya masa hadapan yang baik.	Satu pekerjaan yang kita lakukan untuk membina masa hadapan yang baik.
Penyelidik	Ok. Maksudnya sesuatu kerjaya itu amat penting untuk masa depan awak supaya masa depan cerah.	
Peserta C	Ya.	
Penyelidik	Ok. Peserta keempat pula, apa yang awak faham tentang sesuatu kerjaya?	
Peserta D	Pada pendapat saya, kerjaya ialah satu benda yang dipandang oleh murid-murid supaya mereka akan berusaha untuk mencapai kerja yang diinginkan oleh mereka. dan tidak menggunakan masa mereka semasa di sekolah untuk melakukan benda yang tidak berfaedah.	Perkara penting yang dilihat oleh pelajar untuk berusaha agar mendapat pekerjaan Tidak membuang masa semasa alam persekolahan.
Penyelidik	Ok. Maksudnya kerjaya itu satu matlamat supaya zaman sekolah awak tidak main-main dan menjadi salah satu motivasi untuk awak berjaya. Betul?	
Peserta D	Ya, betul.	
Penyelidik	Ok. Peserta kelima, pula. Apa yang anda faham tentang sesuatu kerjaya?	
Peserta E	Pada pendapat saya, kerjaya itu adalah perancangan awal pekerjaan kita pada masa depan. Apabila kita buat perancangan, so kita boleh mendapat idea untuk pekerjaan apa yang kita buat.	Perancangan awal untuk bekerja pada masa depan.
Penyelidik	Maksudnya perancangan awal untuk awak plan kerjaya masa depan awak apa.	
Peserta E	Ahh ya.	
Penyelidik	Ok. Peserta keenam pula. Apa yang awak faham tentang sesuatu kerjaya?	
Peserta F	Pada pendapat saya, kerjaya tu macam seseorang tu menceburi pekerjaan yang dia minat dan juga berdedikasi untuk membuat pekerjaan itu pada masa akan datang.	Seseorang menceburi pekerjaan yang diminati. Berdedikasi dalam pekerjaan.

Penyelidik	Maksudnya, sesuatu minat kita ke arah sesuatu kerja yang kita nak buat.	
Peserta F	Ya, dan juga kita berdedikasi kepada pekerjaan itu.	
Penyelidik	Harus buat kerja dengan berdedikasi.	
Peserta F	Ya.	
Penyelidik	Ok. Tadi anda ada sebut tentang minat. Minat kita terhadap sesuatu kerja. Ok. Untuk soalan seterusnya berbalik kepada peserta pertama. Macam mana awak mengenal pasti minat awak terhadap sesuatu kerjaya?	
Peserta A	Dari kecil lagi saya berminat untuk bekerja di NASA. Saya suka tengok angkasa lepas.	Sejak kecil lagi seawal 5 tahun Suka melihat angkasa lepas
Penyelidik	Dari kecil tu sejak umur awak berapa?	
Peserta A	Umur 5 atau 6 macam tu.	
Penyelidik	Umur 5 tahun awak dah minat ke arah NASA?	
Peserta A	Ya, sebab saya tengok kartun, dan kita dapat menceburi planet yang baru. So saya minat kerjaya itu. So saya pun nak bekerja sebagai seorang angkasawan yang popular di dunia ini. So dari situlah minat saya bermula.	Suka melihat kartun. Melihat planet yang baru. Mula berminat menjadi angkasawan yang popular di dunia.
Penyelidik	Daripada minat awak melihat kartunlah sebenarnya?	
Peserta A	Ya.	
Penyelidik	Awak suka explore planet-planet untuk awak jadi angkasawan?	
Peserta A	Ya.	
Penyelidik	Ok, peserta kedua pula. Bagaimana awak mengenal pasti minat awak terhadap sesuatu kerjaya?	
Peserta B	Saya mula mengenal pasti minat saya selepas ibu saya bagitahu saya tentang pekerjaan ayah saya yang dahulu. Dia merupakan seorang bekas jurutera dalam bidang kapal terbang. Jadi saya mula rasa untuk motivasi untuk menjadi seorang jurutera.	Pemberitahuan ibu tentang pekerjaan ayah. Ayah merupakan seorang bekas jurutera kapal terbang

			Mula berminat dan bermotivasi menjadi seorang jurutera kapal terbang.
Penyelidik	So bermula daripada penceritaan mak terhadap ayah awak punya kerjaya. Ok, peserta ketiga pula, macam mana awak mengenal pasti minat terhadap sesuatu kerjaya?		
Peserta C	Dulu saya amat gemar dalam bidang perubahan dan muzik sebab saya pernah belajar sikit daripada mak yang pernah jadi seorang jururawat. Lepastu mak saya ajar pasal perubahan atau apa saja sebagai seorang doktor. Jadi saya minat akan perubahan dan saya harap saya akan jadi seorang doktor. Kalau bidang muzik pula, saya nampak macam opera muzik kat rancangan tv. So saya amat minat dalam bidang muzik sebab muzik ini memang baik untuk saya. Memang akan kurangkan saya punya tekanan.		Meminati bidang perubahan daripada emak yang pernah bekerja sebagai jururawat. Emak mengajar serba sedikit mengenai perubahan dan dunia seorang doktor. Melihat rancangan muzik di televisyen. Meminati muzik kerana muzik memberi ketenangan dan mengurangkan tekanan.
Penyelidik	Maksudnya awak seperti ada dua bidang kerjaya iaitu perubahan dan muzik. Perubahan tu awak lihat daripada mak yang pernah bekerja sebagai jururawat dan muzik awak minat sebab boleh menenangkan hati awak.		
Peserta C	Ahha ya.		
Penyelidik	Ok. Peserta keempat pula. Bagaimana awak mengenal pasti minat awak terhadap sesuatu kerjaya?		
Peserta D	Minat saya, saya peroleh semasa tingkatan satu sebab masa tu saya ada fikir, saya ni tak ada cita-cita lagi. Saya macam hairan kenapa saya tiada cita-cita lagi. Saya dah masuk sekolah EC dah. So saya pun berfikir luas tentang masa depan ni ada apa. Saya dapat fikir masa depan ialah masa depan yang berteknologi. So saya pilih untuk mendapatkan kerjaya yang menjadi jurutera dalam bidang elektronik		Bermula sejak tingkatan satu apabila ditanya oleh seseorang tentang cita-cita kerana terfikir diri masih tidak ada cita-cita.

	dan komputer.	Mula berfikir tentang masa depan. Berpikir masa akan datang oenuh dengan teknologi. Mula berminat untuk menjadi seorang jurutera dalam bidang elektronik dan komputer.
Penyelidik	So, kesedaran awak tu macam mana, tiba-tiba timbul atau sebab ada orang tanya awak cita-cita nak jadi apa.	
Peserta D	Ya ada orang tanya, start dari situ saya pun jawab macam saya pun tak tahu.	
Penyelidik	So daripada persoalan orang lain tentang kerjaya awak, awak timbul kesedaran kenapa awak tak ada cita-cita. So lepastu awak explore yang masa depan ni kebanyakannya menggunakan teknologi.	
Peserta D	Ya.	
Penyelidik	Ok jadi macam tulah minat dari awak terhadap jurutera dalam bidang komputer dan elektronik.	
Peserta D	Ahha.	
Penyelidik	Ok. Peserta kelima pula, macam mana awak mengenal pasti minat terhadap sesuatu kerjaya?	
Peserta E	Saya mengenal pasti minat saya daripada dorongan ibu bapa saya dan motivasi pakcik saya yang salah seorang bekas juruteraan syarikat MAS Airline. So saya rasa pada umur saya lima tahun, mereka memberi motivasi kepada saya supaya saya pun ada potensi untuk menjadi juruteraan.	Dorongan ibu bapa dan pakcik yang merupakan bekas juruteraan MAS. Keluarga memberi motivasi. Merasakan diri ada potensi menjadi seorang juruteraan.
Penyelidik	Seawal lima tahun?	
Peserta E	Ya. Mereka bagi motivasi dan pada umur 12 tahun saya pun ada minat dalam bidang penerbangan ni dan tanpa pengetahuan saya, saya mula membuat kajian	Mula membuat kajian tentang kes kehilangan pesawat MH370.

	tentang kes kehilangan MH370.	
Penyelidik	Maksudnya minat tu mula timbul berdasarkan motivasi daripada pakcik dan ibu bapa awak?	
Peserta E	Ya.	
Penyelidik	Ok peserta keenam pula, macam mana awak mula mengenal pasti minat terhadap sesuatu kerjaya?	
Peserta F	Sejak kecil lagi saya amat berminat dalam bidang robotic. Selalu mak ayah saya akan belikan saya permainan elektronik. Lama-kelamaan lepas permainan tu rosak, so saya akan bukak permainan tu, saya akan tengok ada apa semua lepas tu saya macam lagi minat dengan semua komponen elektronik dan juga yang berkaitan robotic. Lepastu baru-baru ini pun ayah saya mendorong saya dengan membelikan saya satu set robotik untuk bina apa-apa dengan robotik guna set tu. So saya pun ada buat kajian tentang masa depan untuk belajar apa. So saya nak jadi seorang robotik engineer.	Sejak kecil memang meminati robotik. Ibu bapa membelikan permainan elektronik. Akan membuka permainan yang rosak dan tertarik dengan komponen elektronik berkaitan robotik. Bapa mendorong dengan membelikan satu set robotik untuk kegunaan saya, Pernah membuat kajian tentang masa depan dan memilih untuk menjadi seorang robotik engineer.
Penyelidik	Jadi seorang robotik engineer. Awak pun berdasarkan sokongan daripada ibu bapa. Saya lihat awak pun minat terhadap robotic tu.	
Peserta F	Ya saya sangat berminat.	
Penyelidik	Ok. Untuk soalan seterusnya, berbalik kepada peserta pertama, macam mana pendapat awak tentang pentingnya kaitan antara personaliti seseorang dengan minat terhadap kerjaya?	
Peserta A	Personaliti seseorang kena berdisiplin atau berminat terhadap sesuatu kerjaya	Seseorang perlu berdisiplin dan

	<p>untuk mencapai pekerjaan itu. Kalau saya tak minat dalam bidang elektronik, personality saya tak suka nak buat benda berkaitan elektronik atau saya tak suka buat kerja guna tangan, so saya tak boleh kerja dalam bidang tu. So kita perlu mengadakan personality yang berkaitan dengan bidang yang kita berminat.</p>	<p>minat terhadap kerjaya yang ingin diceburi. Kalau personality tidak menyukai bidang elektronik maka saya tidak boleh bekerja dalam bidang itu. Perlu ada personaliti yang berkaitan dengan bidang yang diminati.</p>
Penyelidik	<p>Emmm maksudnya personality awak tu mempengaruhi kita punya kemahiran juga terhadap sesuatu kerjaya. Kalau personality kita tu tak ada kemahiran dalam bidang elektronik so minat kita ke arah bidang itu pun tiada.</p>	
Peserta A	<p>Ya.</p>	
Penyelidik	<p>Ok, peserta kedua pula, pada pendapat awak, macam mana pentingnya kaitan anantara personaliti diri dengan minat terhadap kerjaya?</p>	
Peserta A	<p>Pada pendapat saya, saya juga menyokong pendapat peserta A sebab sekiranya tiada minat buat apa kita memilih kerjaya tersebut. Jadi seseorang itu perlulah menunjukkan rasa minat berdasarkan personality diri yang boleh digunakan terhadap kerjaya tersebut.</p>	<p>Sekiranya tiada minat, tidak perlu memilih sesuatu kerjaya itu. Minat dan personality perlu sama terhadap sesuatu kerjaya.</p>
Penyelidik	<p>Maksudnya pentinglah antara personality dengan minat?</p>	
Peserta B	<p>Ya, sebab ia berkait antara satu sama lain.</p>	
Penyelidik	<p>Ok. Ia mempunyai perkaitan yang kuat. Ok, peserta ketiga pula, macam mana pentingnya kaitan antara personaliti diri seseorang dengan minat terhadap sesuatu kerjaya?</p>	
Peserta C	<p>Saya sokong kepada pendapat daripada peserta A dan B sebab kalau kita nampak satu isu keluarga, kalau seorang remaja macam kita, kita memang minat dengan sesuatu contohnya robotic, tapi mak atau ayah paksa kita belajar yang kita tak suka</p>	<p>Kalau seseorang remaja minat terhadap sesuatu kerjaya, tetapi ibu bapa tidak menyokong maka</p>



	<p>memang ada masalah yang akan berlaku. Jadi memang personality seseorang amat berhubung kait dengan minat sebab kita kena cari satu kerjaya berdasarkan minat kita. Contohnya macam saya yang minat dalam bidang perubatan, so saya kena cari kerjaya yang macam doktor atau jururawat ke.</p>	<p>masalah akan timbul. Personality berhubung kait dengan minat.</p>
Penyelidik	<p>Macam mana kalau dengan personality awak sendiri? Personality awak dengan minat awak.</p>	
Peserta C	<p>Personaliti sebagai seorang doktor, kalau dia kena bertanggungjawab menjaga seseorang pesakit, jadi dia kena bertanggungjawab dengan kesihatan seseorang pesakit. Yang tu personality kalau jadi seorang doktor, dia kena ada rasa tanggungjawab terhadap perkara tu. Minat tu ialah apa yang seseorang doktor akan mula nak belajar.</p>	<p>Personality doktor perlu aada rasa tanggungjawab yang kuat terhadap tahap kesihatan pesakit.</p>
Penyelidik	<p>Maksudnya minat dengan personality masih lagi ada kaitan. Ok, peserta keempat pula, macam mana pentingnya perkaitan antara personality dengan minat terhadap kerjaya?</p>	
Peserta D	<p>Ada banyak personality yang boleh buat apa kerjaya yang anda akan ambil. Contohnya jika personality kita seorang yang sayangkan haiwan, so dia akan jadi macam penjaga zoo ataupun doktor haiwan. Kalau seseorang tu macam sabar, dia boleh jadi doktor sebab dia tak mudah stress. Kalau seseorang tu personalitinya berani, dia boleh jadi bomba atau polis. So itulah pendapat saya tentang hubungan kait antara personality dengan kerjaya.</p>	<p>Ada banyak personality dan banyak kerjaya berdasarkan personality. Seseorang yang sayangkan haiwan akan menjadi doktor haiwan atau penjaga zoo. Seseorang yang penyabar boleh menjadi seorang doktor. Seseorang yang berani akan menjadi bomba atau polis.</p>
Penyelidik	<p>Maksud awak di sini, personality tu macam sikap diri kita ni macam mana. Kalau kita ni seorang yang penyabar dan suka tolong orang, so kerjaya kita mungkin sesuai jadi seorang guru atau doktor. Kalau awak seorang yang berani apa pekerjaan yang sesuai dengan diri awak. Ok itu hubungan antara personality</p>	



	denagn minat terhadap sesuatu kerjaya. Ok macam mana pula dengan pandangan daripada peserta kelima?	
Peserta E	Ok pada pendapat saya tanpa personality yang berkaitan dengan minat maksud saya kita tak ada personality yang berkaitan dengan minat, so kita tidak boleh mencapai minat kita. Maksud saya, kalau saya minat saya dalam bidang penerbangan so pandangan mata saya haruslah tajam. Supaya untuk apabila saya memandu kapal terbang, so saya tidaklah membuat kesilapan kecil.	Jika tiada personality yang berkaitan dengan minat, kita tidak akan dapat mencapai kerjaya yang diingini. Seorang juruteraan perlu ada pandangan mata yang tajam dan tidak buat kesilapan kecil.
Penyelidik	So awak kena ada satu personality yang boleh fokus dengan kerjaya awak sebagai seorang juruteraan.	
Peserta E	Ya saya perlu fokus dan juga berani dengan yakin ketika nak memandu kapal terbang.	Juruteraan perlu sentiasa fokus dan yakin.
Penyelidik	Ok. Peserta keenam pula, macam mana pendapat awak tentang pentingnya kaitan antara personality dengan minat terhadap kerjaya?	
Peserta F	Pada pendapat saya, saya rasa tidak begitu penting kerana jika personality kita macam kita berani tapi kita juga memilih menjadi doktor kerana kita minat, kalau minat kita nak jadi seorang tentera tak kira apa personality kita, kita pun boleh jadi tentera untuk menjadi tentera. Tapi kalau tiada minat walaupun ada personality tak boleh jadi juga.	Tidak begitu penting. Jika ada personality tapi tiada minat seseorang tidak akan pilih kerjaya itu.
Penyelidik	Maksudnya bila kita minat nak jadi doktor tapi kita tiada personality seorang yang berani dan sabar	
Peserta F	Ya tapi masih lagi boleh jadi doktor. Tapi kalau minat pun dah takda tapi personality ada, tapi takda minat nak jadi tentera, memang tak boleh nak jadi tentera.	
Penyelidik	Ok jadi personaliti dengan minat tu pun kadang kala ada sedikit percanggahan. Ok untuk soalan seterusnya berbalik kepada peserta pertama, apakah faktor yang	

	boleh mempengaruhi awak untuk memilih kerjaya?	
Peserta A	Emm faktor-faktor yang mempengaruhi saya untuk memilih kerjaya ialah jika kita menceburi planet atau pergi ke angkasa lepas, kita boleh menjadi popular dan kita boleh dapat knowledge yang banyak. Kita boleh meningkatkan ilmu pengetahuan kita tentang masa lepas sebagai angkasawan ni. So kalau sesorang itu takda faktor untuk mempengaruhi yang dia minat dalam kerjaya itu, dia tak boleh buat kerja itu. Dia taka da minat, dia takda apa yang dia tak tahu matlamat dia, kenapa dia kerja sebagai ni, so dia takda faktor yang kenapa dia buat kerja ni, dia pun macam biasa jelah dia buat kerja ni sebab dia diberi kerja ni. So kita kena ada faktor yang mempengaruhi kita dalam kerjaya itu. So faktor yang mempengaruhi kerjaya saya ialah saya suka menceburi planet sebab kita boleh jadi famous selepas itu.	Boleh menjadi seorang yang popular. Dapat memperoleh ilmu pengetahuan yang banyak. Kalau tiada faktor yang mempengaruhi maka seseorang tidak akan tahu matlamat pekerjaannya.
Penyelidik	Maksudnya faktor tu awak lihat daripada luar, maksudnya awak suka macam menaikkan diri awak, so bila awak explore sesuatu planet itu, awak berjaya mengangkat nama awak sebagai seorang angkasawan yang berkaya. Jadi itu faktor yang menyebabkan awak mempengaruhi awak pilih dalam bidang angkasawan.	
Peserta A	Ya. Betul	
Penyelidik	Ok, kalau peserta kedua pula, apa yang mempengaruhi awak untuk memilih sesuatu kerjaya?	
Peserta B	Faktor saya yang pertama sekali lepas ibu saya bagitahu tentang kerjaya ayah saya. Faktor kedua pula ialah selepas berita tentang MH370 dan MH17. Saya merasakan yang saya patut jadi seorang jurutera supaya dapat membina kapal terbang yang lebih baik lagi daripada yang sekarang.	Penceritaan ibu tentang perkerjaan ayah. Melihat isu semasa mengenai nahas pesawat MH370 dan MH17. Merasakan diri perlu menjadi jurutera untuk membina kapal terbang yang berkualiti.
Penyelidik	Maksudnya faktor awak dapat tu faktor dorongan daripada ibu dan awak melihat faktor luar iaitu denomena yang berlaku terhadap negara.	
Peserta B	Ya, itu semestinya.	

Penyelidik	Ada lagi faktor lain?	
Peserta B	Ahaa, sebab saya pun nak balas jasa ibu bapa saya.	Ingin membalas jasa ibu bapa.
Penyelidik	Ohho untuk menjadi seorang yang berjaya. Ok peserta ketiga pula apa, apa faktor yang mempengaruhi awak untuk memilih kerjaya?	
Peserta C	Sebabnya kita dah tahu sekarang ini penyakit yang amat bahaya, jadi saya harap dan saya nak jadi seorang doktor yang boleh membantu merawat pesakit yang dijangkiti penyakit. Ataupun kalau saya tak mampu mungkin saya boleh bantu macam seorang yang agak bermasalah dengan bercakap. Contoh yang cakap gagap macam saya, saya boleh bantu dia untuk bertutur atau bercakap dengan lancar. Lepastu faktor pula ialah saya boleh balas jasa mak dengan ayah sebab ibu bapa saya memang harap saya jadi seorang doktor yang amat menyumbang kepada society.	Melihat kepada isu tentang penyakit berbahaya. Ingin membantu merawat pesakit yang mempunyai penyakit berbahaya. Boleh bantu orang yang bercakap gagap berdasarkan pengalaman diri sendiri. Boleh membalas jasa ibu bapa. Berharap dapat menyumbang kepada masyarakat.
Penyelidik	Maksudnya faktor ibu bapa juga mendorong awak untuk memberikan sesuatu kebaikan kepada masyarakat, bukan untuk diri sendiri sahaja. Ok, peserta keempat pula, apa faktor yang mempengaruhi awak untuk memilih kerjaya?	
Peserta D	Faktor pertama ialah apabila saya memikirkan tentang masa depan saya tahu masa depan akan penuh dengan macam teknologi dan elektronik seperti kereta api tak beroda. Yang kedua saya nak jadi jurutera bukan sebab itu saja sebab ada jurutera yang lupa akan alam sekitar, ada jurutera yang macam membuat benda yang akan mencemarkan alam sekitar. So saya akan jadi jurutera yang tidak mencemarkan alam sekitar. Ketiga sebab saya ada minat dengan permainan video. Apabila saya masuk dalam bidang jurutera elektronik dan komputer saya boleh buat permainan video saya sendiri pada masa lapang saya.	Memikirkan tentang fenomena akan datang yang oenuh dengan teknologi canggih. Ingin menjaga keindahan alam sekitar. Sangat meminati permainan video. Berpeluang mencipta permainan video sendiri.
Penyelidik	Maksudnya faktor daripada awka juga berdasarkan fenomena sekarang yang berlaku dan minat awak. Saya juga merasakan yang awak ada kemahiran dalam bidang perkomputeran. Awak ada minat dan kemahiran.	
Peserta D	Yaa.	,

Penyelidik	Jadi awak lebih cenderung terhadap kerjaya yang berkaitan dengan teknologi dan elektronik.	
Peserta D	Betul cikgu.	
Penyelidik	Ok, peserta kelima pula apa faktor yang mempengaruhi awak untuk memilih kerjaya?	
Peserta E	Faktor pertama adalah daripada dorongan ibu bapa yang memberikan dorongan untuk menjadi seorang juruteraan yang berkemahiran sejak lima tahun. Faktor kedua adalah daripada motivasi uncle saya yang pernah jadi juruteraan di syarikat MAS. So saya pun nak ikut jejak langkah dia. Faktor ketiga pula daripada hasil kajian pada umur saya 12 tahun. Saya ada buat tiga kajian yang pertama kapal yang hilang dan kapal yang terhempas. Yang tiga faktor ni memberikan kesan yang positif untuk menguatkan minat saya menjadi juruteraan.	Dorongan ibu bapa sejak kecil lagi iaitu seawall lima tahun. Motivasi daripada pakcik yang pernah jadi juruteraan. Hasil kajian sendiri tentang kapal-kapal yang terhempas. Menguatkan lagi minat menjadi juruteraan.
Penyelidik	Ok. Maksudnya terdapat faktor dorongan daripada keluarga sendiri terutamanya.	
Peserta E	Ya	
Penyelidik	Ok, macam mana dengan peserta keenam pula, apa faktor yang mempengaruhi awak untuk memilih kerjaya?	
Peserta F	Yang pertama seperti peserta keempat cakat tadi, saya fikir pada masa depan penuh dengan teknologi, sebab tu saya fikir saya nak jadi robotic engineer untuk memajukan negara ni dari segi robotic. Sebab asa depan penuh dengan teknologi. Sekarang ni pun dah ada contohnya negara Jepun dah banyak sangat teknologi. So saya nak jadikan negara kita ni pun negara yang maju dengan teknologi. Selain itu, alam sekitar juga perlu dijaga dan bukan dicemarkan atau apa-apa.	Memikirkan masa depan yang penuh dengan teknologi. Berfikir nak memajukan negara dalam bidang robotik. Menjadikan negara maju dengan teknologi seperti negara Jepun. Ingin menjaga alam sekitar dengan baik.
Penyelidik	Ok jadi awak juga melihat kepada faktor persekitaran dan masa depan di mana kita sangat memerlukan kepakaran dalam bidang teknologi jadi awak pun ingin menjadi salah seorang yang menyumbang kepada kemodenan teknologi kepada negara kita.	
Peserta F	Ya betul cikgu.	
Penyelidik	Ok untuk soalan seterusnya, kepada peserta pertama ya. Boleh teruskan lagi	

	dengan soalan? Ya cikgu.	
Peserta A Penyelidik	Ok, apa awak punya tanggapan awak terhadap sesuatu kejaya, atau persepsi awak terhadap kejaya? Adakah kejaya ini penting atau bagaimana? Taupun apda umur awak ni masih lagi tidak perlu meimikirkan pasal kejaya. Macam mana pendapat awak?	
Peserta A	So kejaya ialah sesuatu perkara yang sangat penting kepada kita, sebab kalau kita tak bekerja, kita dah dewasa, kita dah cukup matang, kita dah habis belajar tapi kalau kita takda kerja, takda maksud. Macam mana kita nak hidup? Takda duit nak hidup. So kalau kita kerja, kita belajar pun untuk mendapatkan peluang kerja yang baik dan nak hidup dengan selesa. So dalam 10 atau 20 tahun lagi Malaysia akan menjadi semakin maju lagi, so kita tak boleh nak belajar sampai SPM je. Atau hanya kerja biasa pun dah cukup. Macam boleh tapi kalau boleh kalau nak kerja, kerja sebagai ahli sains, jurutera, doktor, penguam. So kalau kejaya ni tak penting kepada seseorang maka dia tak boleh berjaya dalam hidup dia. So walaupun kita masih di peringkat sekolah, kita masih boleh berfikir tentang kejaya kita pada masa hadapan. Kita macam takpelah kita kalau dah dewasa taknak kerja. Kalau besar baru fikir anak jadi apa, tu tak akan bagi peluang untuk kita dapat kerja lagi baik sebab banyak orang murid lain akan berfikir tentang masa depan mereka dan mereka akan dapat peluang kerja yang lagi baik, kejaya yan lebih berjaya dan kita pula akan masih lagi tidak berjaya. Kejaya amat penting.	Kerjaya amat penting kepada manusia. Hidup tak bermakna jika tiada kerjaya. Perlu belajar untuk mendapat peluang kerja yang baik dan selesa. Negara yang semakin maju memerlukan kita menceburi kerjaya yang baik seperti jurutera, ahli sains, doktor aaru penguam. Kerjaya membantu seseorang berkaya dalam hidup. Bertfikir tentang kejaya bermula pada peringkat sekolah lagi.
Penyelidik	Maksudnya persepsi awak terhadap kejaya amat penting menjamin masa depan yang baik bermula daripada peringkat sekolah.	
Peserta A	Ya.	
Penyelidik	Ok, peserta kedua pula, apa tanggapan awak terhadap sesuatu kejaya?	
Peserta B	Pada pendapat saya pula saya perlu berfikir dari peringkat sekarang tentang kejaya sebab zaman sekarang pun sudah semakin sukar dan ramai yang akan akan mencari pekerjaan dan ramai yang akan jadi penganggur. Oleh itu, sekiranya tidak mahu hidup ini tiada tujuan kita perlulah berfikir tentang pekerjaan apa yang kita	Amat penting. Perlu berfikir tentang kejaya bermula daripada sekarang. Zaman sekaarng makin sukar.

	akan lakukan supaya apa yang kita lakukan sewaktu kita bersekolah ini takkan jadi satu perkara yang sia-sia.	Makin ramai yang memperlakn pekerjaan dan makin ramai yang menganggur. Perlu memikirkan tentang pekerjaan supaya tidak hidup dalam sia-sia.
Penyelidik	Ok, selain itu apa lagi tanggapan awak terhadap kerjaya?	Perlu fikir kerjaya sejak dari sekolah supaya boleh belajar bersungguh-sungguh.
Peserta B	Itu, sahaja, kerjaya ni penting dan kita kena fikir dari peringkat sekolah lagi supaya boleh belajar bersungguh-sungguh.	
Penyelidik	Ok, kita pergi kepada peserta ketiga. Bagaimana tanggapan atau persepsi awak terhadap sesuatu kerjaya?	
Peserta C	Kerjaya memang penting sebab untuk diri sendiri dan keluarga. Jadi kalau seseorang anak ada macam hadapi masalah dalam pelajaran, ibu bapa boleh beri sedikit wang hasil daripada pendapatannya daripada sesuatu kerjaya untuk selesaikan masalah seperti bayaran tuisyen atau-aktiviti penting untuk sekolah. Kedua saya fikir sendiri tentang kerjaya contoh macam jurutera, kalau takda kerja sebagai jurutera. Mana ada wujudnya bangunan hari ini. Kalau doktor macam mana seseorang pesakit tu nak dirawat. Kalau macam pencipta robotic atau teknologi macam mana teknologi sekarang nak dimajukan. Jadi kerjaya memang memberi sumbangan yang banyak kepada negara juga untuk ekonomi Malaysia.	Kerjaya penting untuk diri sendiri dan keluarga. Hasil pendapatan daripada sesuatu kerjaya boleh digunakan untuk membiayai persekolahan anak-anak. Kepentingan setiap kerjaya membawa kebaikan kepada banyak perkara. Kerjaya memberi sumbangan yang banyak kepada negara dari segi ekonomi.
Penyelidik	Maksudnya setiap kerjaya yang berbeza menyumbang kepada perkara tertentu. Juruterbang ada sumbangan tertentu, doktor juga ada sumbangan tersendiri. Jadi awak melihat kepentingan kerjaya ini secara khusus di mana setiap kerjaya itu dia ada kentinggan yang tersendiri.	
Peserta C	Ya..	
Penyelidik	Ok peserta keempat pula, macam mana persepsi awak terhadap sesuatu kerjaya?	
Peserta D	Kerjaya ni penting bukan hanya untuk diri sendiri, bukan untuk sahaja keluarga,	Kerjaya penting untuk diri

	<p>bukan hanya untuk masyarakat bukan hanya untuk negara, tapi untuk kewujudan manusia sendiri. Kalau.. zaman dulu pun ada kerjaya juga. Kalau macam peladang ke, kalau petani atau pemburu, kalau takda orang ambil kerjaya tu, macam mana nak dapatkan makanan, macam mana nak hidup dalam suasana selesa. Setiap hari kena cari makanan sendiri, bukannya dapat beli makan dekat supermarket tapi kita kena buru sendiri dekat hutan. Kena masak sendiri guna api sendiri. So itulah pentingnya kerjaya.</p>	<p>sendiri, keluarga, masyarakat, negara dan kewujudan manusia. Kerjaya seperti peladang, petani atau pemburu memberikan makanan sebagai keperluan asas manusia untuk hidup dengan selesa.</p>
Penyelidik	<p>So untuk meneruskan kewujudan manusia. Ok, peserta kelima pula, bagaimana pula persepsi awak terhadap sesuatu kerjaya?</p>	
Peserta E	<p>Persepsi saya terhadap sesuatu kerjaya ialah kerjaya itu memang penting dan saya mendapat tahu kerjaya ini penting melalui pengalaman ayah saya yang tidak membuat dan mendapat keputusan SPM yang bagus. So yang tu memang membuatkan ayah saya sukar mencari kerja. So akhirnya dia dapat juga menjadi bomba di Singapura. So selalu saya tengok dia selalu bangun pukul 4 dan mandi makan dan terus pergi ke Singapura dengan cepat-cepat. Kalau tak ayah saya nanti didenda oleh majikan di sana. So daripada pengalaman ayah saya ni saya mendapat tahu kerjaya ni memang penting daripada sekarang. So daripada sekarang saya perlu membuat peperiksaan dengan mendapat result yang bagus untuk menjamin masa depan saya.</p>	<p>Kerjaya penting. Melihat berdasarkan pengalaman ayah yang tidak bagus dalam pelajaran dan sukar mendapatkan kerja. Mendapat kerja yang kurang baik membuatkan rutin hidup tidak seperti biasa kerana perlu bangun awal pagi dan sering dimarahi majikan. Mendapat kesedaran supaya belajar dengan bersungguh-sungguh supaya dapat menjamin masa depan yang baik.</p>
Penyelidik	<p>Ok maksudnya kerjaya tu awak dah melihat penting start daripada pengalaman ayah awak sendiri.</p>	
Peserta E	<p>Ya.</p>	
Penyelidik	<p>Ok peserta keenam, apa pula persepsi awak terhadap sesuatu kerjaya?</p>	
Peserta F	<p>Pada pendapat saya, kerjaya macam satu lagi langkah dan proses perjalanan kita untuk mencapai ke arah kejayaan. Mula-mula kita masuk tadika, tapi sebelum</p>	<p>Kerjaya ialah langkah atau proses perjalanan individu untuk</p>

	<p>masuk tadika kita tak pergi mana-mana. Kita duduk rumah dan kita explore lepastu tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, universiti atau kolej lepastu kita akan masuk dalam kerjaya. Kerjaya juga satu dunia yang kita kena explore. So pada saya kerjaya ni kita akan buat sesuatu yang kita minat dan yang kita dah belajar sebelum ni. So memang saya tengok semua orang harus ada kerjaya untuk masa depan dan menjamin masa depan yang berjaya.</p>	<p>mencapai kejayaan. Kerjaya bermula daripada peringkat belum sekolah sehingga tamat universiti. Individu perlu meneroka dunia kerjaya. Kerjaya ialah sesuatu yang kita minat dan kita akan lakukan. Semua orang harus mempunyai kerjaya untuk menjamin masa depan yang baik.</p>
Penyelidik	Maksudnya kerjaya ni penting....	
Peserta F	Ya sebagai satu proses dan langkah untuk berjaya pada masa depan.	
Penyelidik	Maksudnya kerjaya ni merupakan satu proses seseorang untuk berjaya	
Peserta F	Ya sebab lepas university atau kolej kita perlu apply kerjaya kita.	
Penyelidik	Ok, untuk soalan seterusnya berbalik kepada peserta pertama, pada pendapat awak, macam mana pentingnya hubungan antara pencapaian akademik dengan kerjaya?	
Peserta A	Ok, pencapaian akademik seseorang adalah sangat penting untuk mencapai kerjaya dia. Ada orang yang tak belajar betul-betul sampai university contohnya Bilged, dia cipta robot dari university, dia dapat berjaya, itu bukan sebab dia tak belajar dia cipta sesuatu yang berguna kepada masyarakat dan manusia di dunia ini sebab itu dia dapat berjaya. Akademik ialah sesuatu yang amat penting untuk kerjaya seseorang. Kalau tidak dapat pencapaian yang cemerlang di akademik, kita boleh mendapat gaji yang tinggi juga, kita boleh hidup selesa dengan dapat gaji 10 ribu atau 12 ribu kalau bekerja di Singapura. Kalau dia orang Malaysia. tapi hidup kita tak akan berapa selesa. Keluarga kita akan hidup dengan selesa tapi kita sendiri akan bangun pukul 4 pagi macam peserta kelima cakap kita kena bangun awal pagi untuk kerja di Singapura, kita susah payah nak kerja sebab , tapi gaji dapat banyak tapi kita tak boleh rehat dan menikmati dan nak enjoy hidup. Tapi kalau kita dapat pencapaian yang cemerlang dalam akademik, kita boleh kerja di	<p>Pencapaian akademik penting untuk kerjaya seseorang. Pencapaian akademik cemerlang boleh menjamin pendapatan lumayan. Kalau tiada pencapaian akademik yang baik, masih boleh mendapat pendapatan lumayan tetapi hidup tak selesa kerana rutin harian tiada masa untuk keluarga dan diri sendiri. Akademik sangat penting. Tiada akademik masih boleh</p>

	<p>negara kita sendiri dan boleh dapat gaji yang tinggi juga. Kita tak perlu nak susah payah kerja sangat, kita boleh duduk dekat rumah pun boleh kerja. So akademik tu sangat pening, takda akademik pun boleh kerja tapi tak boleh nikmati atau enjoy.</p> <p>Ok maksudnya kalau kita takda akademik yang baik kita still boleh kerja tapi agak susah dan ada sesuatu yang kita kena korbankan.</p> <p>Ya kita kena korban masa dengan keluarga.</p> <p>Ok baiklah. Peserta kedua pula, apa pendapat awak hubungan antara pencapaian akademik dan kerjaya?</p> <p>Pada pendapat saya penting atau tidak ia bergantung kepada pilihan kita sendiri. Sekiranya seseorang itu dapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan atau semasa persekolahan atau di university, sekiranya kita tiada minat atau malas untuk bekerja, jadi kita akan boleh jadi seorang penganggur. Dan kemungkinan dia akan membuang masa dan buat satu perkara yang tidak berfaedah seperti mengambil dadah. Oleh itu pentingnya atau tidak ia bergantung kepada pilihan kita sendiri sama ada mahu atau tidak.</p>	<p>kerja tetapi individu tidak akan menikmati hidup dengan seronok.</p>
Penyelidik		
Peserta A		
Penyelidik		
Peserta B		<p>Akademik penting dan bergantung kepada pilihan sendiri.</p> <p>Individu yang mempunyai pencapaian akademik yang baik tetapi tidak berdedikasi dalam pekerjaan boleh menjadi penganggur dan terjebak dengan aktiviti tidak berfaedah.</p> <p>Bergantung kepada diri sendiri sama ada mahu pekerjaan yang baik atau tidak.</p>
Penyelidik	<p>Ok, maksudnya ia bergantung kepada kita sendiri sama ada pencapaian akademik kita tinggi atau rendah terulang kepada kita</p>	
Peserta B	<p>Ya, sama ada kita mahu ataupun tidak.</p>	
Penyelidik	<p>Ok sama ada kita nak kerja bersungguh atau tidak. Ok seterusnya peserta ketiga, apa pendapat awak tentang hubungan antara pencapaian akademik dengan kerjaya?</p>	
Peserta C	<p>Ok pada pendapat saya pencapaian akademik amat penting dengan kerjaya sebab kalau kita pergi temu duga, orang yang temu duga tu akan tengok kita punya kelayakan. Contoh kalau kata mana kita graduate atau macam mana dengan pelajaran kita. Contoh kalau seseorang yang baru habis SPM dia nak pergi cari</p>	<p>Pencapaian akademik penting kerana penilaian awal untuk temu duga kerja adalah berdasarkan kelayakan</p>

	<p>kerja, dia kena bagi keputusan SPM. Kalau baik dia akan mendapat kerja yang baik. Kalau tak dia memang susah nak dapat kerja yang baik. So pada pendapat saya kita kena belajar bersungguh-sungguh untuk cari kerja yang baik dan sesuai.</p> <p>Maksudnya kalau kita nak ceburi bidang kerjaya yang professional yang menggunakan ilmu pengetahuan yang tinggi, so kita kena pastikan pencapaian akademik kita baik. Tapi kalau setakat nak pilih kerja sebagai operator kilang, atau pekerja di kedai makan, maksudnya tak perlu mempunyai pencapaian akademik yang tinggi. Ok itu berkaitan yang awak maksudkan?</p>	<p>akademik. Akademik yang baik akan menjamin kerja yang baik.</p>
Penyelidik		
Peserta C	<p>Ahha ya cikgu.</p>	
Penyelidik	<p>Ok macam mana pendapat peserta keempat pula berkaitan antara pencapaian akademik dengan kejaya?</p>	
Peserta D	<p>Sangat penting bukan sahaja untuk diri sendiri tapi untuk generasi akan datang. Contoh yang buruknya ialah Bilged walaupun dia kaya raya dan buat apa semua tu, dia kan tak habiskan sekolah menengah, saya ada berjumpa dengan beberapa orang kawan saya. Mereka jenis yang tak rajin belajar dan mata pelajaran pun tak bagus, lepastu saya tanya lah kenapa tak belajar bersungguh-sungguh ni lepastu ni akan dapat kerja tak bagus, lepastu mereka cakap boleh je dapat bagus sebab Bilged dapat bagus. So mereka macam taknak belajar. So pada pendapat saya Bilged tu dia bertuah jela tapi dia dah bagi contoh yang buruk kepada generasi akan datang. So generasi yang sekarang ni ada yang cuba ikut jejak langkah Bilged dengan tinggalkan akademik. Jadi pada masa depan mereka mungkin ada yang tak dapat kerja dan kalau ada yang dapat pun kerja mereka tak beberapa baik.</p>	<p>Penting untuk diri sendiri dan generasi akan datang. Individu yang berjaya dalam pekerjaan tanpa memerlukan akademik yang baik boleh mempengaruhi generasi akan datang supaya tidak perlu pencapaian akademik yang baik kerana masih boleh berjaya. Memberikan kesan buruk kepada masa depan sekiranya berfikiran macam tu.</p>
Penyelidik	<p>Maksudnya dia memberi kesan pada pendapat awak sama ada baik ataupun tak baik ia memberi kesan kepada kerjaya apa yang awak akan dapat nanti. Ok peserta kelima pula macam mana pendapat awak tentang pencapaian akademik dengan kerjaya?</p>	
Peserta E	<p>Pencapaian akademik dengan kerjaya sangat penting. Apabila pencapaian akademik kita bagus, so kerjaya kita pun akan bagus juga. Apabila kita mendapat keputusan SPM yang bagus, kita akan mendapat kerja sebagai CEO atau pegawai kanan, so kita boleh goyang kaki je sebab kita ada kerja yang bagus so kita boleh banyak masa dengan to spent with the family. Apabila pencapaian akademik kita</p>	<p>Pencapaian akademik yang baik akan menjamin kerjaya yang baik juga. Pencapaian akademik yang tidak baik akan memberi kerjaya yang</p>

	<p>teruk, maka kerjaya kita pun teruk juga. Seperti apabila SPM tak bagus, kerja kita sebagai cuci pinggan dan sebagainya. Apabila pencapaian akademik kita bagus, so masa depan kita akan cerah. Seperti yang Bilget cakap if you born poor, it is not you mistake.</p>	<p>tidak bagus.</p>
Penyelidik	<p>Maksudnya awak sendiri dah dapat kesedaran bahawa pencapaian akademik sangat penting untuk mempengaruhi kerjaya awak pada masa depan. Ok, peserta keenam pula bagaimana pendapat awak tentang hubungan antara pencapaian akademik dengan kerjaya.</p>	
Peserta F	<p>Pada pendapat saya memang sangat penting, dan cakap pasal Bilged ni tadi peserta keempat cakap Bilged bagi pandangan yang salah pada generasi sekarang. Tapi sebenarnya generasi sekarang yang pandang Bilged salah kerana Bilged dia macam ada satu talent yang dia ada. Yang tu macam bukan semua manusia, dia hanya sesetengah manusia je yang ada. Itu seperti talent untuk mencipta sesuatu. Tapi kalau yang semua manusia boleh buat ialah dalam akademik. So memang penting untuk semua orang untuk mendapat kerjaya yang bagus, mestilah perlu ada pencapaian akademik yang bagus supaya peluang untuk mendapat sangat tinggi dan semua orang tengok ke arah Bilged oh dia berjaya sebab dia tak belajar tapi ti tak betul sebab memang Bilged dah drop out, tapi lepas dia drop out dia berusaha lagi susah dari orang yang pergi ke sekolah menengah....</p>	<p>Pencapaian akademik dan kerjaya amat penting. Seseorang yang tidak mempunyai akademik yang baik tetapi masih boleh berjaya, sebenarnya individu tersebut mempunyai satu bakat dalam diri. Bakat tidak semua individu ada, tapi semua individu boleh berusaha untuk mendapatkan akademik yang cemerlang. Orang yang akademiknya tidak cemerlang sebenarnya memerlukan usaha yang sangat banyak untuk berjaya berbanding individu yang cemerlang akademik.</p>
Penyelidik	<p>Orang yang melanjutkan pelajaran laa..</p>	
Peserta F	<p>Ya dan dia berusaha lagi untu dapat keeselesaian pada hari ini.</p>	
Penyelidik	<p>Maksudnya jika seseorang itu takda pencapaian akademik yang baik dia memang boleh berjaya tapi agak sukar...</p>	
Peserta F	<p>Ya dia perlu kena ada usaha dua kali ganda dan lebih lagi.</p>	

<p>Penyelidik</p>	<p>Ok. Saya faham maksud awak. Ok untuk soalan seterusnya kepada peserta pertama, macam mana awak punya persepsi terhadap kerjaya ibu bapa awak? Ibu saya bekerja sebagai peguam dan ayah saya bekerja sebagai oil and gas engineer. So dua bidang yang lain yang tidak sama langsung. So saya dulu nak ikut jejak ibu juga nak jadi sebagai peguam sebab nak cakap nak berbicara semua saya suka debate. So saya dari kecil macam umur 4 tahun saya tengok mak berbicara dekat mahkamah, so saya berminat nak jadi peguam juga. So lepas tu baru saya tengok kartun, so sebelum tu saya tengok kerja ayah saya senang dia belajar betul-betul dia dapat kerja yang baik dan senang tapi kerja dia yelah 6 bulan dia kerja dan 6 bulan dia tak kerja. Walaupun dia belajar dengan betul, dia tak dapat enjoy atau spent time dengan family sebab 6 bulan dia outstation dekat laut, dekat kapal.</p>	<p>Kerjaya ibu bapa yang sangat berbeza iaitu ibu sebagai peguam dan bapa sebagai engineer. Waktu kecil berminat dengan kerjaya ibu dan diri sendiri juga berminat untuk berdebat. Kerjaya ayah agak senang tetapi tidak mempunyai masa bersama keluarga. Kerjaya ibu mempunyai banyak masa dengan keluarga.</p>
<p>Penyelidik</p> <p>Peserta A</p>	<p>Maksudnya 6 bulan awak jumpa 6 bulan awak tak jumpa. Ya dan 6 bulan tu pun tak pasti sebab ada yang dia panggil sebab dia nak engineer yang buat kerja tu. So ibu saya yang selalu ada dekat rumah dengan saya. So saya ingat kalau kita belajar betul-betul pun kita dapat gaji yang banyak juga tapi kita tak dapat enjoy dengan family. Kita tak dapat enjoy. Kita enjoy kat sana kita duduk kat kapal tapi kita rindu dekat keluarga kita. Tapi kerja mak saya pula, kerja dia senang gaji dia pun tinggi dan dia tak perlu 24 jam ke 6 bulan ke 8 bulan tak dapat dengan kita. Dia selalu dengan kita. So saya ingat kita belajar dan kita kena pandai pilih apa kerjaya yang kita nak.</p>	<p>Individu perlu pandai memilih kerjaya dan mempertimbangkan jumlah masa bekerja dan jumlah masa untuk keluarga.</p>
<p>Penyelidik</p>	<p>Maksudnya berdasarkan pemerhatian awak terhadap kerjaya mak dan ayah berbeza. Awak lebih suka kerja yang lebih relax, banyak masa dengan family. Ok peserta kedua pula, apa persepsi awak terhadap kerjaya ibu bapa awak.</p>	
<p>Peserta B</p>	<p>Haa persepsi saya terhadap kerjaya ibu saya ialah sebenarnya ibu saya seorang peniaga di pasar pagi. Dia menjual ayam. Saya melihat saya agak kesian dengan dia sebab waktu dulu keluarga dia merupakan seorang yang susah. Jadi dia tidak dapat habiskan pelajaran dia. walaupun begitu dia terpaksa berusaha lagi keras supaya dapat duduk senang seperti sekarang. Dia terpaksa bangun pukul 2 pagi dan pergi kerja lepas pukul 4 pergi kerja. Saya pun kesian kat dia, Lepas tu dia</p>	<p>Kasihannya dengan kerjaya ibu sebagai peniaga di pasar. Rutin hidup ibu yang berbeza kerana bangun jam 2 pagi dan kerja jam 4 pagi. Ibu tidak cemerlang dalam</p>

	<p>balik saya akan picit kaki dia. Jadi saya dapat rasakan sekiranya saya belajar dengan bersungguh-sungguh dan habiskan pelajaran saya mungkin mendapat kerja yang lebih senang daripada ibu bapa saya.</p>	<p>pelajaran menyebabkan terpaksa bekerja keras. Merasakan bahawa diri perlu belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kerjaya yang baik.</p>
Penyelidik	<p>Jadi awak melihat rutin hidup mak awak agak berbeza daripada orang lain, pukul 2 pagi dah bangun waktu orang berehat tidur mak awak dah bangun untuk kerja. Dan sebagai seorang anak awak ni seorang yang prihatin dengan menolong mak picit kaki supaya dapat mengurangkan keletihan.</p>	
Peserta B	<p>Ya dan kurangkan sakit kaki mak saya.</p>	
Penyelidik	<p>Ya.. ok peserta ketiga pula, macam mana persepsi awak terhadap kerjaya ibu bapa awak.</p>	
Peserta C	<p>Sebenarnya sekarang ni mak tak bekerja dan ayah pun dah meninggal, jadi saya memang sorang je yang bekerja iaitu atok saya. Atok yang bekerja sebagai manager tapi dah tua dan bila-bila masa juga akan bersara. Jadi saya harap saya pun kesian pada atok yang sangat tua ni pun masih bekerja. Mak pun ada sikit masalah kesihatan, ayah pun dah meninggal, lepastu mak pun kena sebok dalam jaga adik kerana asik saya ada masalah dalam pembelajaran. Jadi dia takda masa nak bekerja so saya memang nak plan masa depan kalau ada peluang kalau dapat kerjaya yang bagus untuk menyara keluarga untuk balas jasa mak dan atok. Dan saya kena buat baik-baik untuk ayah sebab ayah pun dah kat syurga.</p>	<p>Ibu tidak bekerja kerana masalah kesihatan dan ayah sudah meninggal. Datuk yang bekerja menyara keluarga. Menyedari bahawa perlu belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat kerja yang baik. Ingin membalas jasa ibu dan datuk.</p>
Penyelidik	<p>Ok maksudnya pandangan awak terhadap penjaga awak sekarang ni iaitu atok dan mak. Dia boleh mempengaruhi awak untuk mendapat kerjaya yang baik pada masa akan datang. Ok peserta keempat pula, macam mana persepsi awak terhadap kerjaya ibu bapa?</p>	
Peserta D	<p>Ayah saya bekerja sebagai jurutera. Dia pun memperkenalkan saya kepada jurutera, dan saya pun berminat lah saya baca sendiri dalam internet dan saya sudah mula berminat. Itu saja.</p>	<p>Ayah sendiri memperkenalkan kerja sebagai jurutera. Berminat dan melayari internet untuk meneroka kerjaya jurutera.</p>
Penyelidik	<p>Adakah itu saja pandangan awak terhadap kerjaya bapa awak? Macam mana awak</p>	

	tengok cara ayah awak bekerja?	
Peserta D	Kerja dia saya tak tahu macam mana ayah saya bekerja sebab tempat dia bekerja tu dia tak pernah benarkan sesiapa amsuk ke tempat kerja dia so saya tak tahu dan tak pernah tanya.	
Penyelidik	So kalau kerjaya mak awak pula?	
Peserta D	Mak saya tak bekerja.	
penyelidik	Oh jadi mak awak ialah suri rumah sepenuh masa.	
Peserta D	Ya.	
Penyelidik	Ok peserta kelima macam mana persepsi awak pula terhadap kerjaya ibu bapa awak?	
Peserta E	Ayah saya kerja sebagai bomba di Singapura dan mak saya mula berniaga dalam bidang fesyen yang dia buat rantai buatan sendiri..	Ayah bekerja sebagai bomba. Ibu sebagai suri rumah pada awalnya tetapi mula berniaga untuk membantu meningkatkan pendapatan keluarga.
Penyelidik	Aksesori lah?	
Peserta E	Ah ya, sebelum ni mak saya sebagai suri rumah. Apabila mak saya sebagai suri rumah keluarga kita sedikit susah.	
Penyelidik	So nak menambah pendapatan?	
Peserta E	Ah ya, ayah saya agak susah sebab apabila dia kerja 24 jam tu kita berada sendiri je. Lagipun kadang-kadang ayah saya kena marah atau kena maki dengan majikan so kadang-kadang saya pun berasa sedih. So untuk mengelakkan, pengalaman ayah saya sebagai bomba, saya kena belajar daripada sekarang.	Ayah bekerja susah dan selalu dimarahi majikan. Mendapat kesedaran untuk belajar dengan bersungguh-sungguh supaya mendapat pekerjaan yang lebih baik daripada ayah.
Penyelidik	Maksudnya awak melihat kerjaya ibu bapa ini sebenarnya agak sukar nak meneruskan hidup kena berkerja kena tahan makian daripada majikan dan secara tak langsung sebenarnya memberi motivasi kepada awak untuk belajar bersungguh-sungguh supaya dapat kerja yang lebih baik. Ok peserta keenam pula, macam mana pendapat awak tentang kerjaya ibu bapa awak?	

<p>Peserta F</p>	<p>Ayah saya seorang pegawai polis di Singapura, manakala mak saya seorang guru tuisyen di rumah. So kalau saya tengok mak saya, mak saya memang berdedikasi terhadap kerja dia sebab dia bukan saja kerja ketika 2 3 jam di ajar, lepas 2 3 jam tu pun dia sambung buat kerja dia tanda buku, macam cikgu kat sekolah tu, saya tengok dia memang sangat berdedikasi. So kadang kala saya pun tengok mak saya dia akan berkerja keras untuk mengajar murid ni. Manakala ayah saya pula dia kena bangun awal pagi sebab kena pergi singapura, tapi ayah saya lambat sikit, ayah saya 12 jam kena kerja. Dia bangun pukul 7 dan kena sampai singapura pukul 9 habis kerja 9 malam dan sampai rumah 11 malam. So macam tu saya tengok dua-dua ibu bapa saya memang bekerja keras untuk mendapat wang untuk pendapatan so saya rasa saya pun nak perkerjaan yang boleh mendapat gaji yang besar dan juga bukan terlalu stress untuk saya. Bukan saya terpaksa nak buat tapi saya kena minat saya kena enjoy dengan kerja saya. Macam mak saya dia memang enjoy dia bukan paksa, dia memang suka mengajar sebab tu dia buka tuisyen dan dia sangat patient semasa mengajar. Sebab tu saya pun saya suka robotic sebab saya nak buat robotic pada masa depan.</p>	<p>Ibu sebagai guru tuisyen yang sangat berdedikasi. Ayah ialah pegawai polis di Singapura. Melihat ibu dan ayah sangat bekerja keras untuk menyara keluarga. Merasakan diri juga ingin mendapat pekerjaan yang mempunyai pendapatan lumayan. Inginkan pekerjaan yang menyeronokkan. Melihat ibu yang seronok dengan kerja sebagai guru tuisyen, berpendapat bahawa kita perlu minat dengan kerjaya kita supaya kita akan seronok dan berdedikasi untuk bekerja.</p>
<p>Penyelidik</p>	<p>Ok. Untuk soalan seterusnya kepada peserta pertama, macam mana pula pentingnya untuk awak mengetahui tentang maklumat kerjaya?</p>	
<p>Peserta A</p>	<p>So apa yang saya tahu tentang kerjaya.</p>	
<p>Penyelidik</p>	<p>Ya dan macam mana awak nak dapatkan maklumat tentang sesuatu kerjaya?</p>	
<p>Peserta A</p>	<p>Yang pertama kita perlu tahu apa kita nak jadi setelah dewasa lepastu kita boleh kita kan ada internet buku dan majalah yang lain, so kita boleh melayari internet tentang bidang yang kita nak memilih dan menjadi apabila dewasa dan dia akan sangat membantu kita untuk mengetahui tentang kerja atau bidang yang kita akan pilih apabila dewasa, walaupun kita masih di sekolah, kita masih boleh melayari bidang yang kita nak pilih untuk memudahkan kerja semasa kita bekerja nanti.</p>	<p>Maklumat kerjaya penting supaya dapat membuat pilihan tentang kerjaya yang diingini. Penting pada peringkat sekolah untuk persediaan kerjaya apabila dewasa.</p>
<p>Penyelidik</p>	<p>Maksudnya tu macam mana awak nak mendapatkan maklumat tentang sesuatu kerjaya. Awak menggunakan sumber apa.</p>	

Peserta A	<p>Internet, buku dan jika tak kita bertanya kepada ayah dan ibu bapa kita, macam ibu saya peguam, kalau saya nak jadi peguam saya bpeh tanya ibu saya juga tentang bidang kerja itu dan saya boleh juga tengok pergi mahkamah dan pejabat dia macam mana kerja dia dan kerja seharian dia.</p>	<p>Menggunakan internet dan buku, bertanya kepada ibu bapa tentang sesuatu kerjaya.</p>
Penyelidik	<p>Maksudnya maklumat tentang sesuatu kerjaya terutamanya kerjaya yang awak minat sangat penting dan awak kena berusaha sendiri macam mana nak dapatkan maklumat tentang sesuatu kerjaya.</p>	
Peserta A	<p>Ya dan jika tidak tahu tentang apa-apa maklumat, kita tidak tahu bagai rusa masuk kampung yang macam tak tahu apa-apa. Dia tak tahu nak buat dan kita belajar je kita tak tahu apa nak buat benda yang kita tak pernah buat.</p>	<p>Jika tidak tahu tentang maklumat kerjaya akan menyukarkan kita menceburi dunia pekerjaan.</p>
Penyelidik	<p>Ok peserta kedua pula, macam mana awak melihat kepentingan tentang maklumat kerjaya dan macam mana awak nak dapatkan maklumat tu tentang sesuatu kerjaya.</p>	
Peserta B	<p>Kepentingannya ialah supaya kita merasa selesa sewaktu memilih kerjaya tersebut. Seperti sekiranya kita hendak memilih bidang jurutera kita perlu mengambil jurusan yang berkaitan sains. Sekiranya tidak mempunyai ilmu tentang sains, dan kita memilih untuk bidang tentera kita tidak akan mempunyai tempat dalam pekerjaan tersebut. Oleh itu, kiat perlulah mengetahui maklumat yang penting tentang pekerjaan apa yang kita akan ambil meskipun maklumat yang kecil. Tentang bagaimana saya dapat maklumat, saya hanya perlu bertanyakan tentang untuk jadi seorang jurutera saya hanya perlu tanya kepada ayah saya tentang bagaimana pengalaman ayah saya menjadi seorang jurutera. Sekiranya kita hendak menjadi seorang yang berjaya kita juga perlu mengambil nasihat atau pengalaman orang yang telah makan asam dan garam dalam hidup ini terlebih dahulu.</p>	<p>Penting untuk memilih sesuatu kerjaya. Memilih bidang yang betul mengikut kelayakan yang perlu dalam kerjaya tertentu. Mendapat maklumat daripada pengalaman ayah sendiri.</p>
Penyelidik	<p>Maksudnya kepentingan kerjaya itu sama ada kecil ataupun besar amat penting dan kita perlu rajin bertanya. Dengan selalu bertanya pun kita boleh mendapatkan maklumat tentang kerjaya. Ok peserta ketiga pula, macam mana awak melihat kepentingan tentang maklumat kerjaya dan macam mana awak dapatkan maklumat tentang sesuatu kerjaya.</p>	
Peserta C	<p>Ohh maklumat kerjaya saya rasa pentingnya kita kena sediakan maklumat tentang kerjaya yang kita nak supaya kita dapat mengetahui kerjaya tu dengan jelas sebab kalau kita tak tahu apa-apa kerjaya yang kita nak contoh perubahan kita macam tak</p>	<p>Menyediakan maklumat kerjaya supaya dapat mengetahui sesuatu kerjaya dengan jelas.</p>

	<p>boleh tak dapat buat satu kerjaya dengan senang. So kita kena dapatkan maklumat dengan jelas supaya kita faham apa kerjaya tu nak sebenarnya dan kalau macam mana saya dapatkan maklumat saya boleh dapatkan melalui mak atau buku rujukan.</p>	<p>Penting supaya dapat melakukan kerja dengan baik kerana ada maklumat. Mendapatkan maklumat melalui ibu dan buku.</p>
Penyelidik	<p>Maksudnya maklumat kerjaya tu penting untuk kita sendiri tahu dalam kerjaya. Kalau kita takda maklumat kerjaya maknanya kita tak boleh nak explore tentang kerjaya kita sendiri. Ok peserta keempat pula macam mana awak melihat kepentingan tentang maklumat kerjaya dan bagaimana awak dapatkan maklumat tentang sesuatu kerjaya.</p>	
Peserta D	<p>Cara saya, saya boleh tanya ayah saya sebab ayah saya bekerja sebagai jurutera. So saya boleh tanya macam mana dia boleh menjadi jurutera dan macam mana pekerjaan tu supaya saya tahu itu minat saya dan tak tersilap pilih kerjaya. Sebab kalau saya tersilap nanti saya tak minat dan tak kerja dengan berdedikasi. Lepastu saya boleh cari informasi di internet, saya boleh cari lagi dalam buku dan sebagainya.</p>	<p>Bertanya kepada ayah, internet dan membaca buku. Maklumat penting supaya tidak tersilap memilih kerjaya. Kesilapan memilih kerjaya individu tidak bekerja dengan dedikasi.</p>
Penyelidik	<p>Ok peserta kelima pula, macam aman awak melihat kepentingan kerjaya dan cara nak dapatkan maklumat kerjaya.</p>	
Peserta E	<p>Emm yang uncle saya ni bekerja sebagai juruteraan dan saya boleh mendapatkan maklumat macam mana bekerja di sana dan puki berapa perlu sampai di tempat kerja kita. Dan cara saya dapatkan maklumat kerjaya daripada internet, hasil cerita pakcik saya dan kajian yang saya buat.</p>	<p>Mengetahui maklumat kerjaya daripada pakcik yang bekerja sebagai juruteraan dan pembacaan di internet.</p>
Penyelidik	<p>Oh awak ada buat research sendiri tentang kerjaya yang awak sukak?</p>	
Peserta E	<p>Ya..</p>	
Penyelidik	<p>Ok peserta keenam pula, macam mana awak melihat kepentingan maklumat kerjaya dan cara awak dapatkan maklumat tentang kerjaya yang awak minat.</p>	
Peserta F	<p>Kalau kepentingan maklumat kerjaya ni dia penting sebab kita tidak tahu perjalanan hidup kita macam mana. Kita kena tahu apa yang kita kena buat seterusnya. Macam kalau nak jadi seorang engineer kita kena ambil pior sains, apa subjek yang kita kena ambil. Kita kena tahu perjalanan kita kena atur, kita tak</p>	<p>Maklumat kerjaya penting untuk mengetahui perjalanan hidup. Perlu tahu akademik yang berkaitan dengan kerjaya yang</p>

	<p>boleh terus pergi lepastu baru nak fikir-fikir macam mana. Kita kena ada macam step awal untuk kita tahu lepasni nni mana kita nak pergi, macam satu perjalanannya lah yang harus kita sedar. Yang cara nak mencari maklumat kita perlu buat research dalam internet untuk tahu macam apakah requirement terkadap kerjaya yang kita nak apa semua gaji macam mana, macam tu.</p>	<p>kita inginkan. Penting sebagai langkah awal untuk merancang kerjaya. Mendapat malumat kerjaya melalui kajian di internet, mengetahui kelayakan dalam akademik dan pendapatan yang ditawarkan.</p>
Penyelidik	<p>Maksudnya ia sangat penting sebagai persediaan awal untuk kita ceburi bidang kerjaya.</p>	
Peserta F	<p>Ya kita kalau boleh tahu sikit-sikit informasi tentang kerjaya.</p>	
Penyelidik	<p>Ya maksudnya kita kena explore sesuatu kerja tu macam mana.</p>	
Peserta F	<p>Ya betul.</p>	
Penyelidik	<p>Ok untuk soalan seterusnya kepada peserta pertama, apa perasaan awak setelah awak mengetahui tentang sesuatu kerjaya?</p>	
Peserta A	<p>Selepas saya mengetahui sesuatu kerjaya yang saya akan memilih, saya berasa bersedia untuk bekerja selepas saya bersekolah dan belajar di university dah habis dan saya rasa bersedia dan saya rasa tak perlu bergantung kepada sesiapa di situ. So tak perlu nak tanya semua orang di situ macam mana nak bekerja. So saya dapat melakukan kerja ini dengan diri sendiri. Saya akan boleh berdikari dan tidak perlu bergantung kepada sesiapa pun. Ini akan dapat saya mendapat promotion dalam bidang kerja saya dengan lebih cepat.</p>	<p>Bersedia untuk bekerja tanpa bergantung kepada orang lain. Yakin dengan kerjaya yang diceburi.</p>
Penyelidik	<p>Maksudnya awak ada dapat sedikit semangat dan motivasi serta keyakinan setelah awak mendapat tahu tentang sesuatu kerjaya yang awak minat. Ok peserta kedua pula macam mana perasaan awak setelah mengetahui tentang sesuatu kerjaya yang awak minat?</p>	
Peserta B	<p>Saya rasa gembira tapi pada masa yang sama saya rasa tercabar kerana saya mula mengetahui ramai yang ingin menjadi jurutera. Ia pasti akan menjadi satu persaingan yang kuat. Oleh itu saya perlu berusaha secara bersungguh-sungguh supaya saya dapat jadi salah satu pilihan untuk menjadi ataupun calon untuk menjadi seorang jurutera.</p>	<p>Gembira dan tercabar kerana mula mengetahui kerjaya jurutera diminati ramai. Bersenang untuk berusaha supaya dapat bersaing secara</p>

		sihat.
Penyelidik	Sebab awak dah mula tahu yang bidang jurutera ni mendapat perhatian daripada ramai orang, jadi makin ramai orang yang nak ceburi bidang jurutera. Jadi kat situ timbulnya persaingan awak mula mamasang langkah untuk lebih bersungguh-sungguh supaya awak menjadi salah seorang yang dapat mencapai cita-cita awak. Ya betul cikgu.	
Peserta B	Ok, bagaimana dengan peserta ketiga pula. Bagaimana perasaan awak setelah awak mengetahui tentang sesuatu kerjaya yang awak minat.	
Peserta C	Saya kena fokus kepada bidang yang berhubung dengan kerjaya itu. Sebab kalau kita tak tahu kita tak akan semangat dan tak boleh nak fokus. Jadi saya rasa saya macam lebih rasa nak fokus kepada apa yang saya nak jdi sekarang ni.	Perlu lebih fokus untuk mencapai kerjaya yang diminati.
Penyelidik	Ok maksudnya awak akan lebih fokus kepada bidang kerjaya yang awak minat. Ok apa pula perasaan peserta keempat pula setelah awak mengetahui tentang sesuatu kerjaya.	
Peserta D	Setelah saya tahu kerjaya saya apa pada masa depan, akhirnya saya tahu oh akhirnya saya ada matlamat untuk masa depan. Dan masa first saya nak fikir pasal jurutera saya rasa macam wah mencabar sangat tapi saya rasa masih nak cuba sebab saya memang minat terutama berkaitan denagan komputer dan teknologi ni. Macam tulah perasaan saya, saya nak mencuba dan rasa macam seronok.	Menyedari diri sudah mempunyai matlamat masa depan. Perasaans seronok dan ingin mencuba sangat tinggi dengan kerjaya yang mencabar.
Penyelidik	Maksudnya awak dah sedar yang awak ada satu matlamat dan akan berusaha untuk mencuba. Ok peserta kelima pula macammana perasaan awak setelah tahu tentang sesuatu kerjaya ni?	
Peserta E	Kalau saya, saya rasa seperti saya dah tahu apa saya nak jadi pada masa depan dan saya rasa terharu bila saya akan buat kerja saya yang mencabar pada masa depan sebab menaiki kapal terbang ni adalah risiko yang sangat tinggi jadi kalau jadi juruterbang ni lagi la ada risiko yang sangat tinggi sebab dia kena menerbangkan kapal terbang daripada satu tempat ke satu lokasi yang ditentukan. So dia kena ada stress, risiko tinggi, so dia kena sentiasa relax dan think positive.	Sudah tahu kerjaya masa depan. Rasa terharu kerana kerjaya juruterbang merupakan satu kerjaya yang mempunyai tanggungjawab yang besar. Sentiasa berfikiran positif, relaks dan yakin.
Penyelidik	Maksudnya sebenarnya kerjaya sebagai juruterbang ni sangat mencabar kerana memerlukan awak bertanggungjawab menjaga banyak nyawa dan bertanggungjawab	

	<p>awak besar untuk membawa kap terbang yang rami orang ke satu destinasi yang jauh.</p> <p>Ya betul dan saya kena selalu reda.</p> <p>Sebenarnya awak kena selalu relax kerana agak mencabar dan berisiko tinggi tapi itu tidak mematahkan minat awak. Ok peserta keenam pula macam mana perasaan awak setelah mengetahui tentang sesuatu kerjaya?</p> <p>Kalau macam saya, saya rasa teruja sebab bidang robotic engineer ni setiap hari dia ada cabaran baru dan boleh buat serta cipta sesuatu yang baru setiap hari. So saya rasa teruja dan juga gembira sebab saya amat minat dalam bidang robotik dan bukan macam kerjaya yang bagi stress tapi boleh relax dan perlahan-lahan boleh berfikir.</p> <p>Maskudnya awak memang gembira dan saya lihat pun awak memang bermain dalam bidang robotic ni. Ok untuk soalan seterusnya kepada peserta pertama, macam mana perancangan anda untuk memilih tentang sesuatu keraya bermula dari sekarang.</p> <p>Plan saya ialah semasa di sekolah menengah perlu belajar dengan bersungguh-sungguh, dapat pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan SPM lepas itu kita boleh apply untuk JPA scholarship yang sepenuhnya kita tak perlu bayar, jika kita tak dapat kita boleh ambil PTPTN loan dan jika dapat lebihd ari 3.75 kita tak perlu bayar. So kita dapat belajar dengan percuma di luar negara atau di university yang terbaik dan saya akan menerusi perjalanannya untuk mencapai kerjaya saya di US iaitu NASA dan bekerja sebagai angkasawan yang biasa dulu. Lepastu untuk mendapat jawatan yang paling tinggi di bidang NASA itu. Sebelum itu perjalanannya ialah contohnya dengan mendapatkan scholarship dan belajar bersungguh-sungguh di universiti.</p> <p>So awak dah plan daripada sekarang yang awak akan belajar bersungguh-sungguh dan masuk ke university serta awak juga dah melihat macam mana kewangan yang diperlukan untuk awak sambung belajar sama ada biasiswa ataupun PTPTN. Ok kepada peserta kedua pula, macam mana perancangan awak untuk memilih kerjaya?</p> <p>Perancangan saya ialah saya mahu mengambil lulus dalam peperiksaan dan</p>	<p>Teruja dan suka akan cabaran baru dalam bidang robotic engineering.</p> <p>Gembira kerana kerjaya yang dipilih seronok dan tidak memberi tekanan.</p> <p>Perlu belajar bersungguh-sungguh dan cemerlang dalam peperiksaan.</p> <p>Ingin belajar di luar negara dalam bidang angkasa lepas.</p> <p>Ingin mendapatkan biasiswa melanjutkan pelajaran.</p>
Peserta E		
Penyelidik		
Peserta F		
Penyelidik		
Peserta A		
Penyelidik		
Peserta B		Mendapatkan keputusan yang

	<p>mendapat keputusan cemerlang kemudian selepas SPM saya akan bekerja dahulu dengan ibu saya supaya dapat kumpul duit untuk sambung belajar. Kemudian saya akan mengambil jurusan sains di universiti dan dalam bidang kejuruteraan. Dan lepastu saya akan mohon untuk menjadi jurutera di UTM sebab saya pernah pergi lawatan di UTM sewaktu sekolah rendah dahulu dan saya mahu terlibat dalam projek di sana. Dan saya mahu membina kapal terbang yang lebih maju daripada sekarang.</p>	<p>cemerlang dalam peperiksaan. Bekerja sambil untuk mengumpul duit supaya dapat sambung pelajaran. Mengambil jurusan sains kejuruteraan yang berkaitan dengan kerjaya.</p>
Penyelidik	<p>Ok maksudnya plan awak daripada sekarang adalah untuk belajar bersungguh-sungguh dan memilih kursus yang sesuai di university nanti. Ok peserta ketiga pula macam perancangan awak untuk memilih kerjaya?</p>	
Peserta C	<p>Saya akan belajar bersungguh-sungguh untuk PT3, SPM dan STPM lepastu saya nak lanjutkan pelajaran di university luar negara sebab boleh belajar lagi banyak benda kat luar lepastu boleh bersedia untuk kerja lepastu baru balik ke Malaysia atau tinggal kat luar negara untuk cari kerja kat sana dan minta kerja di sini kemudiannya.</p>	<p>Belajar bersungguh-sungguh dan mendapatkan keputusan yang cemerlang. Ingin belajar di luar negara dan bekerja di negara sendiri.</p>
Penyelidik	<p>Maksudnya keinginan awak untuk melanjutkan pelajaran di luar negara dalam bidang perubatan. Ok peserta keempat pula, macam mana perancangan awak untuk memilih kerjaya?</p>	
Peserta D	<p>Perancangan saya ialah untuk masuk ke satu university yang banyak melibatkan kejuruteraan dan teknologi supaya saya dalam bidang itu akan bagus dan peroleh pekerjaan sebagai jurutera elektronik yang bagus suatu hari nanti. Kalau saya tak masuk university tu saya tak mungkin akan dapat kerjaya yang saya nak.</p>	<p>Masuk ke universiti dan mengambil jurusan kejuruteraan dan teknologi.</p>
Penyelidik	<p>So sekarang ni plan awak untuk memasuki university yang menawarkan kejuruteraan komputer dan teknologi.</p>	
Peserta D	<p>Yes</p>	
Penyelidik	<p>Ok peserta kelima, macam mana pula perancangan awak untuk memilih sesuatu kerjaya?</p>	
Peserta E	<p>Saya perlu memastikan PT3 nanti saya mendapat straight A's dan memasuki aliran sains lepastu saya akan belajar bersungguh-sungguh. Apabila masuk STPM saya kena pastikan subjek yang saya ambil semua kena straight A's lepastu masuk UPM yang berkaitan dengan bidang saya. Lepastu saya akan habiskan belajar sampai PhD lepastu memohon kerja dekat syarikat MAS so kalau terus masuk</p>	<p>Memastikan mendapat keputusan cemerlang dalam setiap peperiksaan. Masuk ke university dalam bidang yang dipilih sehingga</p>



	dapat kerja kita boleh terus dapat jawatan yang tinggi. So ini perancangan saya.	mencapai PhD untuk mendapay jawatan tinggi dalam pekerjaan.
Penyelidik	So perancangan awak bermula dari PT3 SPM sehinggalah PhD.	
Peserta E	Ya lepastu saya akan mendapat pekerjaan yang bagus.	
Penyelidik	Maksudnya awak ingin sambung belajar sampai PhD barulah memohon kerja berdasarkan kelulusan PhD tu. Ok macam mana pula perancangan peserta keenam untuk merancang kerjaya?	
Peserta F	Perancangan saya ialah saya nak belajar bersungguh-sungguh dan juga ayah dan ibu bapa telah mendorong saya menyertai aktiviti yang berkaitan dengan robotic macam sekarang saya dan dua rakan lain telah dipilih untuk mewakili sekolah dalam pertandingan robotic di bawah bimbingan cikgu Azizi. So walaupun saya dah join group ni tapi saya taknak abaikan pelajaran sebab tahun depan pun dah lalui PT3. So untuk mendapatkan kerjaya ni saya haruslah belajar bersungguh-sungguh dalam PT3, SPM dan STPM. Lepastu saya nak ke university di luar negara dan melanjutkan pelajaran untuk menajadi seorang robotic engineer professional dan pulang ke tanah air untuk memajukan negara.	Ingin belajar bersungguh-sungguh. Melibatkan diri dalam banyak aktiviti berkaitan robotic. Tidak mengabaikan pelajar walaupun aktif dengan pelbagai aktiviti. Bercita-cita ingin memajukan negara.
Penyelidik	Ok saya berbalik kepada peserta pertama untuk soalan seterusnya. Apa yang mempengaruhi awak untuk membuat keputusan kerjaya?	
Peserta A	Sebenarnya dekat Malaysia ada seorang tokoh yang saya minat iaitu Dr. Syed Muzafar Shah yang merupakan angkasawan pertama Malaysia. Jadi dia telah mndai mendorong saya untuk saya lebih berminat dalam bidang angkasa lepas dan saya masih lagi suka tengok kartun yang berkaitan dengan angkasa lepas dan saya akan juga pergi ke angkasa lepas seperti Dr. Syed Muzafar Shah yang sangat popular di Malaysia ini dan di antarabangsa dan di dunia ini. Jadi awak melihat kejayaan dari seseorang.	Menjadikan angkasawan negara sebagai idola dan pendorong.
Penyelidik	Ya betul sekali.	
Peserta A	Ok peserta kedua pula apa yang mempengaruhi awak untuk membuat keputusan kerjaya?	
Penyelidik	Saya terpengaruh dengan ayah saya merupakan seorang jurutera. Walaupun dia seorang jurutera tapi dia juga mempunyai sikap yang buruk sebab dia selalu datang kerja lewat dan akhirnya dia telah kena buang kerja. Saya nak jadi jurutera macam ayah saya tapi saya tak mahu contoh sikap dia .	Pekerjaan bapa yang mempengaruhi minat menjadi jurutera.





Penyelidik	So sekarang ayah awak kerja apa?	
Peserta B	Sekarang dia mengajar ilmu agama di Indonesia. Dia ajar di madrasah. Jadi saya tak mahu jadi seperti ayah saya sebab saya mahu jadi yang lebih baik.	
Penyelidik	Ok, maksudnya awak dapat pengajaran berdasarkan pengalaman ayah awak. Ok seterusnya peserta ketiga, apa yang mempengaruhi awak untuk awak membuat keputusan kerjaya?	
Peserta C	Berdasarkan faktor keluarga dan saya sendiri serta kesihatan orang lain untuk generasi akan datang. Sebab saya pun tak boleh imagine apa yang berlaku masa depan sebab tu ada orang yang masalah kesihatan yang agak teruk atau belum sihat, saya nampak yang ni sebab saya menjadi doktor untuk mengubati penyakit. Seterusnya ialah kalau masa depan mak saya ke atau adik saya ke atau rakan-rakan saya boleh mengubati dan tahu tahap kesihatan mereka.	Berdasarkan keadaan keluarga yang mempengaruhi diri menjadi doktor. Memikirkan tentang keadaan masa depan mengenai tahap kesihatan manusia. Ingin berbakti kepada keluarga dan rakan.
Penyelidik	Ok peserta keempat pula apa perkara yang mempengaruhi awak untuk membuat keputusan kerjaya?	
Peserta D	Banyak terutama berdasarkan diri saya sendiri dan ayah saya. Ayah saya cakap kalau nak jadi pencipta game saya kena rajin berusaha. So saya pun terfikir saya akan mengharungi pelbagai cabaran untuk jadi jurutera. Lepastu yang mempengaruhi lagi ada satu pensyarah tu dia tanya saya nak jadi apa. Saya cakap nak jadi jurutera. Lepastu dia cakap cita-cita saya agak teruk. Dia kata kalau nak jadi jurutera jadilah jurutera yang sangat bagus. So dari situ saya faham kalau saya nak jadi jurutera saya kena jadi jurutera yang sangat dan paling bagus.	Minat diri sendiri yang mempengaruhi memilih kerjaya. Semangat daripada bapa. Seorang pensyarah yang memberikan ceramah tentang cita-cita.
Penyelidik	Ok, peserta kelima pula apa perkara yang mempengaruhi awak untuk membuat keputusan kerjaya?	
Peserta E	Ada empat perkara, yang pertama ialah dorongan daripada ibu bapa saya yang mendorong saya daripada 5 tahun supaya menjadi juruterbang, yang kedua ialah daripada motivasi uncle saya sebab memang dari kecil saya nak ikut jejak langkah uncle saya. Yang ketiga ialah kajian tentang bidang juruterbang. Yang keempat adalah seorang juruterbang MH117 iaitu Kapten Mohamad Amir Adam Shah iaitu apabila tayar kapal meletup dia telah membuat pendaratan kecemasan dengan secepat mungkin dan dia telah menyelamatkan dalam 220 nyawa dan mendapat	Dorongan ibu bapa sejak kecil. Motivasi daripada pakcik. Kajian sendiri tentang kerjaya juruterbang. Menjadikan Kapten Mohamad Amir Adam Shah sebagai idola dan motivasi.



	<p>pujian daripada Perdana menteri. So perkara keempat ni ialah yang memberi kesan banyak kepada saya dan semangat untuk saya.</p>	
<p>Penyelidik</p>	<p>Ok seterusnya kepada peserta keenam apa yang mempengaruhi awak untuk membuat keputusan kerjaya?</p>	
<p>Peserta F</p>	<p>Yang membuat keputusan kerjaya ini ialah saya sendiri sebab ibu bapa saya tak tetapkan saya perlu ambil kerjaya apa. Kagipun ibu bapa mendorong saya dan belikan saya alat robotic. Dan macam saya cakap tadi saya suka explore dan buka balik alat tu lepastu pada satu masa mak ayah saya tanya nak jadi apa bila dah besar nanti dan saya jawab saya nak jadi pembuat robot dan ayah saya cakap oh itu ialah robotic engineer. So sejak saya cacao saya nak jadi tu, mak ayah saya mendorong saya ikut keputusan saya. So saya pun gembira sebab saya pun tidak dipaksa untuk membuat kerjaya yang saya tidak minati tapi kerjaya yang saya minat ibu bapa mendorong saya.</p>	<p>Bermula dengan minat sendiri. Ibu bapa mendorong dan sentiasa memberikan kata-kata semangat.</p>
<p>Penyelidik</p>	<p>Jadi ibu bapa sangat mendorong awak terhadap bidang robotik. Ok jadi ini kita sampai soalan yang terakhir untuk semua. Ok macam mana awak sudah pasti bahawa awak telah memilih kerjaya yang tepat?</p>	
<p>Peserta A</p>	<p>Saya telah memastikan saya telah memilih kerjaya yang tepat sebab saya tahu apa yang saya buat, saya telah melayari tentang bidang saya dan saya juga sangat berminat dalam bidang ini. Ada orang yang umur 10 dia cacao nak jadi pilot, kemudian umur 12 dia kata nak jadi polis, lepastu nak jadi tentera pula, tapi saya bukan macam tu. Saya dari umur lima tahun saya tepat je cita-cita saya nak jadi sebagai angkasawan. Itu saja. So saya ingat kerjaya saya yang saya pilih ini adalah tepat dan saya tidak akan berubah sampai saya berjaya dalam bidang ini.</p>	<p>Telah melakukan kajian terhadap kerjaya yang dipilih. Sangat berminat dari kecil dan tidak pernah berubah minat ke arah kerjaya lain.</p>
<p>Penyelidik</p>	<p>Ok, peserta kedua pula macam mana awak dah pastikan yang awak telah memilih kerjaya yang tepat?</p>	
<p>Peserta B</p>	<p>Saya memilih kerjaya sebagai jurutera dan saya rasa tepat sebab saya mengetahui bahawa pekerjaan ini bukan merupakan satu pekerjaan yang sia-sia. Ia memberi kebaikan kepada masyarakat dan supaya tidak berlaku lagi kejadian-kejadian yang buruk. Contohnya kejadian pesawat yang hilang dan pesawat yang terhempas. Saya harap saya akan dapat membina kapal terbang yang lebih maju dan sistem keselamatan yang lebih maju dan kemungkinan kejadian-kejadian buruk mungkin akan dapat dielakkan. Oleh itu saya dapat memastikan lagi supaya saya memilih</p>	<p>Yakin dengan kerjaya jurutera yang banyak kebaikan kepada masyarakat. Mendapat dorongan daripada ibu bapa. Yakin kerjaya yang dipilih berguna pada masa hadapan.</p>

	<p>kerjaya ini dengan tepat daripada dorongan ibu bapa saya. Mereka tidak kisah saya memilih kerjaya apa tapi mereka mahu saya memilih sesuatu kerjaya yang berguna dan tidak membuang masa supaya berguna pada masa hadapan.</p>	
Penyelidik	<p>Ok peserta ketiga pula macam mana awak memastikan awak telah memilih kerjaya yang tepat?</p>	
Peserta C	<p>Sebab tadi saya dah cakap saya nak jadi seorang doktor, jadi kalau nak jadi doktor saya akan menasihatkan diri bahawa saya kena jaga maruah diri jangan asyik main-main kalau saya main-main satu nyawa akan terkorban. Jadi untuk memastikan tiada nyawa yang terkorban saya kena buat secara serious dan saya pun ada satu sifat caring kepada seseorang. Sifat itu yang membuatkan saya yakin dengan pilihan kerjaya saya sekarang.</p>	<p>Mempunyai sifat peribadi yang penyayang dan sabar sesuai dengan kerjaya sebagai doktor.</p>
Penyelidik	<p>Ok peserta keempat pula macam mana awak dah pastikan yang awak telah memilih kerjaya yang tepat?</p>	
Peserta D	<p>Saya telah pastikan dengan melihat ramai lagi murid lain yang memilih kerjaya jurutera. Saya pasti saya telah pilih kerjaya yang betul kerana saya telah lihat banyak kemajuan dalam bidang teknologi. So saya rasa perkara itu hebat, saya sangat minat dan saya nak masuk dan ceburi bidang tersebut supaya saya dapat mencipta sesuatu yang baru dan canggih untuk negara.</p>	<p>Melihat fenomena sekarang yang memerlukan teknologi canggih. Sangat berminat dan yakin dan mencipta sesuatu yang baru untuk negara.</p>
Penyelidik	<p>Ok peserta kelima pula macam mana awak telah pastikan yang awak telah memilih satu kerjaya yang tepat?</p>	
Peserta E	<p>Sebenarnya dari kecil saya ada satu tabiat yang apabila saya membuat satu keputusan saya takkan mengubahnya. Lagipun ada ilmu pengetahuan yang saya tahu dalam bidang yang saya nak ceburi ini. So keputusan ni saya rasa bagus untuk saya kerana saya rasa pada masa depan ia lebih efektif. So saya pastikan keputusan ini akan menjamin masa depan saya yang cerah dan saya boleh menarik keluarga saya untuk sama-sama senang pada masa depan</p>	<p>Mempunyai sikap yang sukar untuk merubah keputusan. Mempunyai ilmu pengetahuan dalam kerjaya yang ingin diceburi. Yakin dengan keputusan yang memberi masa depan yang baik.</p>
Penyelidik	<p>Ok, peserta keenam, macam mana pula awak dah pasti yang awak telah memilih</p>	

Peserta F	<p>kerjaya yang tepat?</p> <p>Saya dah buat kajian tentang kerjaya dan memang rasanya sesuai dengan saya sebagai robotic engineer memang sesuai dan saya ada sepupu yang kerja sebagai engineer tapi bukan robotic dia elektrik engineer. So saya pun telah tanya pengalaman dia, dia pun cakat seronok dan ada cabaran dan pasti akan sesuai dengan diri saya.</p>	Telah membuat kajian dan yakin kerjaya yang dipilih sesuai dengan minat sendiri.
Penyelidik	<p>Awak sendiri telah buat kajian tentang bidang robotic dan menyertai aktiviti berkaitan robotic. Ok untuk terakhir, saya ingin awak semua menyatakan refleksi awak berkaitan dengan kesedaran kerjaya berdasarkan temu bual kita pada hari ini. Pk saya mulakan refleksi daripada peserta pertama.</p>	
Peserta A	<p>Kerjaya ialah suatu yang sangat penting dalam kehidupan kita, kita perlu fokus, minat dan memilih kerja yang sangat penting, tepat dan kita akan berjaya apabila dewasa nanti. Kita juga perlu fokus kepada akademik kita sejak di bangku sekolah menengah lagi dan juga di universiti. Itu saja.</p>	
Penyelidik	<p>Ok peserta kedua apa refleksi keseluruhan awak?</p>	
Peserta B	<p>Refleksi saya ialah pada pendapat saya pekerjaan merupakan suatu bidang yang membantu kita jadi manusia yang berguna. Selain itu, pekerjaan juga dapat mengelakkan kita daripada terpengaruh dengan perkara yang tidak membawa kepada kebaikan kepada diri kita dan mengelakkan kita daripada membuang masa seperti mengambil dadah dan minum arak dan sebagainya. Oleh itu pelajaran merupakan salah satu perbuatan yang dapat membantu kita di masa depan dan orang lain.</p>	
Penyelidik	<p>Ok peserta ketiga?</p>	
Peserta C	<p>Refleksi daripada saya kerjaya ini sebenarnya berhubung dengan maruah diri kita. jadi satu kerjaya akan menjadi satu ujian untuk kita untuk menjaga dan meletakkan maruah diri menjadi baik. Kalau maruah diri buruk, kerjaya akan terjejas dan kita tidak akan berjaya. Jadi kerjaya ni sebelum kita nak kerjaya kita berjalan dengan sempurna, kita perlu menjaga maruah diri, berbudi bahasa dan bersikap baik kerana itu saktu faktor untuk kita menjalankan kerjaya kita dengan baik.</p>	
Penyelidik	<p>Ok peserta keempat?</p>	
Peserta D	<p>Kerjaya ialah pekerjaan yang akan menyumbang dalam kehidupan kita dan</p>	

	<p>pemilihan kerjaya berkait rapat dengan faktor minat, personality diri, dorongan ibu bapa dan orang lain supaya kita dapat memilih kerjaya terbaik untuk kita. Kalau nak cari kerjaya kita jangalah cari kerjaya yang kita tak minat sebab nanti kita akan buat secara tak bersungguh-sungguh dan dedikasi. Lepastu setiap orang ada minat sendiri terhadap pekerjaan yang mereka lakukan. Setiap orang perlu berusaha dengan gigh sehingga masuk university supaya dapat menceburi kerjaya yang disukai.</p>
Penyelidik	Ok peserta kelima pula refleksi daripada awak?
Peserta E	<p>Pada pendapat saya kerjaya ni adalah satu bidang penting dalam kehidupan kita kerja ni macam satu peluang, kita kena gunakan dan mengambil peluang itu. Kalau kita dah terlepas peluang itu kita memang akan hadapi masalah yang teruk. Jadi kita kena mengambil peluang dan menggunakannya sebaik mungkin dalam kerja kita.</p>
Penyelidik	Peserta keenam pula refleksi keseluruhan?
Peserta F	<p>Pada saya kerjaya ni macam saya tadi ia ialah satu langkah dan pada masa depan lebih bagus kalau kita hanya tumpu kerjaya yang kita minat. Apabila setiap hari kita bangun kita akan berkata kita akan bekerja bersungguh-sungguh dan bukan berkata ala kerja lagi hari ini. Kita kena bersungguh-sungguh dan minat.</p>
Penyelidik	So kita kena minat denagn kerjaya kita. Ok setakat ini saja temuduga untuk kali ini, saya mengucapkan terima kasih kepada semua kerana memberikan kerjasama.



Lampiran E :

Analisis Dapatan (Koding – Kategori – Tema)

ANALISIS DAPATAN (KODING – KATEGORI – TEMA)

1. Apakah yang anda faham tentang sesuatu kerjaya?			
PESERTA	KODING	KATEGORI	TEMA
A	Pekerjaan yang semua orang akan buat apabila sudah dewasa dan matang.	- Pekerjaan dan perkhidmatan yang dilakukan oleh orang dewasa	Proses kehidupan
B	Pekerjaan atau perkhidmatan yang boleh diberikan kepada masyarakat dan negara.	-	
C	Satu pekerjaan yang kita lakukan untuk membina masa hadapan yang baik.	- Keباikan masa hadapan - Memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.	
D	Perkara penting yang dilihat oleh pelajar untuk berusaha agar mendapat pekerjaan	- Tidak membuang masa	
E	Tidak membuang masa semasa di alam persekolahan.	- Berusaha	
F	Perancangan awal untuk bekerja pada masa depan.	- Perancangan awal	
	Seseorang menceburi pekerjaan yang diminati.		
	Berdedikasi dalam pekerjaan.		



2. Bagaimanakah anda mengenal pasti minat anda terhadap sesuatu kerjaya?

PESERTA	KODING	KATEGORI	TEMA
A	Sejak kecil lagi seawal 5 tahun. Suka melihat angkasa lepas. Suka melihat kartun. Melihat planet yang baru. Mula berminat menjadi angkasawan yang popular di dunia.	- Sejak kecil - Melalui tontonan televisyen - Pemerhatian terhadap kerjaya ibu bapa. - Ibu bapa berkongsi pengalaman kerjaya - Pertanyaan daripada orang lain tentang cita-cita - Mula berfikir tentang cita-cita dan dunia masa depan. - Dorongan ibu bapa - Membelikan alat permainan berkaitan kerjaya. - Membuat kajian tentang kerjaya yang diminati.	Faktor kecenderungan sendiri, mengenal potensi diri, membina matlamat dan merancang, pengaruh dan galakan keluarga serta persekitaran, media massa dan kemajuan teknologi.
B	Pemberitahuan ibu tentang pekerjaan ayah. Ayah merupakan seorang bekas jurutera kapal terbang Mula berminat dan bermotivasi menjadi seorang jurutera kapal terbang.		
C	Meminati bidang perubahan daripada emak yang pernah bekerja sebagai jururawat. Emak mengajar serba sedikit mengenai perubahan dan dunia seorang doktor. Melihat rancangan muzik di televisyen. Meminati muzik kerana muzik memberi ketenangan dan mengurangkan tekanan.		
D	Bermula sejak tingkatan satu apabila ditanya oleh seseorang tentang cita-cita kerana terfikir diri masih tidak ada cita-cita. Mula berfikir tentang masa depan. Bertfikir masa akan datang penuh dengan teknologi. Mula berminat untuk menjadi seorang jurutera dalam bidang elektronik dan komputer.		
E	Dorongan ibu bapa dan pakcik yang merupakan bekas jurutera MAS. Keluarga memberi motivasi. Merasakan diri ada potensi menjadi seorang jurutera.		





3. Bagaimanakah pentingnya perkaitan antara personaliti diri dan minat anda terhadap sesuatu kerjaya?

PESERTA	KODING	KATEGORI	TEMA
A	<p>Seseorang perlu berdisiplin dan minat terhadap kerjaya yang ingin diceburi.</p> <p>Kalau personaliti tidak menyukai bidang elektronik maka saya tidak boleh bekerja dalam bidang itu.</p> <p>Perlu ada personaliti yang berkaitan dengan bidang yang diminati.</p> <p>Sekiranya tiada minat, tidak perlu memilih sesuatu kerjaya itu.</p> <p>Minat dan personaliti perlu sama terhadap sesuatu kerjaya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Personaliti perlu sesuai dengan kerjaya yang diminati. - Personaliti dan minat yang sama, individu lebih berdedikasi dalam kerjaya. - Personaliti dan minat berbeza, kerjaya tidak dapat dicapai. - Personaliti VS kehendak ibu bapa - Personaliti dan minat tiada perkaitan penting jika individu ada personaliti tetapi tiada minat terhadap kerjaya itu. 	<p>Kesesuaian personaliti dan minat.</p>
B	<p>Kalau seseorang remaja minat terhadap sesuatu kerjaya, tetapi ibu bapa tidak menyokong maka masalah akan timbul.</p> <p>Personaliti berhubung kait dengan minat.</p> <p>Personaliti doktor perlu ada rasa tanggungjawab yang kuat terhadap tahap kesihatan pesakit.</p>		
C	<p>Ada banyak personaliti dan banyak kerjaya berdasarkan personaliti.</p> <p>Seseorang yang sayangkan haiwan akan menjadi doktor haiwan atau penjaga zoo.</p> <p>Seseorang yang penyabar boleh menjadi seorang doktor.</p> <p>Seseorang yang berani akan menjadi bomba atau polis.</p>		
D	<p>Jika tiada personaliti yang berkaitan dengan minat, kita tidak akan dapat mencapai kerjaya yang diinginkan.</p> <p>Seorang juruteraan perlu ada pandangan mata yang tajam dan tidak buat kesilapan kecil.</p> <p>Juruteraan perlu sentiasa fokus dan yakin.</p>		
E	<p>Tidak begitu penting.</p> <p>Jika ada personaliti tapi tiada minat seseorang tidak akan pilih kerjaya itu.</p>		



4. Apakah faktor yang mempengaruhi anda memilih kerjaya?

PESERTA	KODING	KATEGORI	TEMA
A	<p>Boleh menjadi seorang yang popular. Dapat memperoleh ilmu pengetahuan yang banyak. Kalau tiada faktor yang mempengaruhi maka seseorang tidak akan tahu matlamat pekerjaannya.</p>	<p>- Boleh menjadi terkenal dan mempunyai banyak ilmu pengetahuan. - Pengalaman ibu bapa yang bekerja. - Perhatian terhadap fenomena yang berlaku berkaitan bidang kerjaya. - Kesedaran membalas jasa ibu bapa, masyarakat dan negara. - Dorongan dan motivasi daripada keluarga.</p>	<p>Faktor pengalaman, dorongan keluarga dan potensi diri.</p>
B	<p>Penceritaan ibu tentang pekerjaan ayah. Melihat isu semasa mengenai nahas pesawat MH370 dan MH17. Merasakan diri perlu menjadi jurutera ntuk membina kapal terbang yang berkualiti. Ingin membalas jasa ibu bapa.</p>		
C	<p>Melihat kepada isu tentang penyakit berbahaya. Ingin membantu merawat pesakit yang mempunyai penyakit berbahaya. Boleh bantu orang yang bercakap gagap berdasarkan pengalaman diri sendiri. Boleh membalas jasa ibu bapa. Berharap dapat menyumbang kepada masyarakat.</p>		
D	<p>Memikirkan tentang fenomena akan datang yang penuh dengan teknologi canggih. Ingin menjaga keindahan alam sekitar. Sangat meminati permainan video. Berpeluang mencipta permainan video sendiri.</p>		
E	<p>Dorongan ibu bapa sejak kecil lagi iaitu seawal lima tahun. Motivasi daripada pakcik yang pernah jadi juruterbang. Hasil kajian sendiri tentang kapal-kapal yang terhempas. Menguatkan lagi minat menjadi juruterbang.</p>		
F	<p>Memikirkan masa depan yang penuh dengan teknologi. Bertikir nak memajukan negara dalam bidang robotik. Menjadikan negara maju dengan teknologi seperti negara Jepun. Ingin menjaga alam sekitar dengan baik.</p>		

5. Bagaimanakah tanggapan anda terhadap sesuatu kerjaya?

PESERTA	KODING	KATEGORI	TEMA
A	<p>Kerjaya amat penting kepada manusia. Hidup tak bermakna jika tiada kerjaya. Perlu belajar untuk mendapat peluang kerja yang baik dan selesa. Negara yang semakin maju memerlukan kita mencuburi kerjaya yang baik seperti jurutera, ahli sains, doktor atau peguam. Kerjaya membantu seseorang berjaya dalam hidup. Berfikir tentang kerjaya bermula pada peringkat sekolah lagi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kerjaya yang baik menjamin kehidupan yang selesa. - Perlu merancang kerjaya bermula daripada alam persekolahan. 	<p>Proses merancang kehidupan.</p>
B	<p>Amat penting. Perlu berfikir tentang kerjaya bermula daripada sekarang. Zaman sekarang makin sukar. Makin ramai yang memerlukan pekerjaan dan makin ramai yang menganggur. Perlu memikirkan tentang pekerjaan supaya tidak hidup dalam sia-sia. Perlu fikir kerjaya sejak dari sekolah supaya boleh belajar bersungguh-sungguh.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kerjaya memberikan pendapatan untuk menampung kehidupan dan menyumbang kepada ekonomi negara. - Kerjaya seseorang memberikan kemudahan kepada manusia lain. - Pelajaran penting untuk mendapatkan kerjaya yang bagus. 	
C	<p>Kerjaya penting untuk diri sendiri dan keluarga. Hasil pendapatan daripada sesuatu kerjaya boleh digunakan untuk membiayai persekolahan anak-anak. Kepentingan setiap kerjaya membawa kebaikan kepada banyak perkara. Kerjaya memberi sumbangan yang banyak kepada negara dari segi ekonomi.</p>		
D	<p>Kerjaya penting untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat, negara dan kewujudan manusia. Kerjaya seperti peladang, petani atau pemburu memberikan makanan sebagai keperluan asas manusia untuk hidup dengan selesa.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap individu yang memiliki kerjaya merupakan individu yang berjaya. 	
E	<p>Kerjaya penting. Melihat berdasarkan pengalaman ayah yang tidak bagus dalam</p>		

	<p>pelajaran dan sukar mendapatkan kerja. Mendapat kerja yang kurang baik membuatkan rutin hidup tidak seperti biasa kerana perlu bangun awal pagi dan sering dimarahi majikan. Mendapat kesedaran supaya berlajar dengan bersungguh-sungguh supaya dapat menjamin masa depan yang baik. Kerjaya ialah langkah atau proses perjalanan individu untuk mencapai kejayaan. Kerjaya bermula daripada peringkat belum sekolah sehingga tamat universiti. Individu perlu meneroka dunia kerjaya. Kerjaya ialah sesuatu yang kita minat dan kita akan lakukan. Semua orang harus mempunyai kerjaya untuk menjamin masa depan yang baik.</p>	
F		

6. Bagaimanakah pendapat anda tentang hubungan antara pencapaian akademik dengan kerjaya?

PESERTA	KODING	KATEGORI	TEMA
A	<p>Pencapaian akademik penting untuk kerjaya seseorang. Pencapaian akademik cemerlang boleh menjamin pendapatan lumayan.</p> <p>Kalau tiada pencapaian akademik yang baik, masih boleh mendapat pendapatan lumayan tetapi hidup tak selesa kerana rutin harian tiada masa untuk keluarga dan diri sendiri. Akademik sangat penting.</p> <p>Tiada akademik masih boleh kerja tetapi individu tidak akan menikmati hidup dengan seronok.</p>	<p>- Pencapaian akademik penting untuk menjamin kerjaya yang baik.</p> <p>- Individu yang tidak memiliki akademik yang baik akan sukar mendapatkan pekerjaan yang bagus dan bergaji lumayan. Bergantung kepada diri sendiri sama ada percaya dengan pencapaian akademik yang baik menjamin pekerjaan yang bagus atau bergantung kepada usaha sendiri. Individu yang tidak mempunyai akademik yang baik perlu berusaha lebih banyak lagi berbanding individu yang memiliki pencapaian akademik yang baik.</p>	Akademik menjamin kerjaya.
B	<p>Akademik penting dan bergantung kepada pilihan sendiri. Individu yang mempunyai pencapaian akademik yang baik tetapi tidak berdedikasi dalam pekerjaan boleh menjadi penganggu dan terjebak dengan aktiviti tidak berfaedah.</p> <p>Bergantung kepada diri sendiri sama ada mahu pekerjaan yang baik atau tidak.</p>	-	
C	<p>Pencapaian akademik penting kerana penilaian awal untuk temu duga kerja adalah berdasarkan kelayakan akademik. Akademik yang baik akan menjamin kerja yang baik.</p>	-	
D	<p>Penting untuk diri sendiri dan generasi akan datang. Individu yang berjaya dalam pekerjaan tanpa memerlukan akademik yang baik boleh mempengaruhi generasi akan datang supaya tidak perlu pencapaian akademik yang baik kerana masih boleh berjaya.</p> <p>Memberikan kesan buruk kepada masa depan sekiranya berfikirannya macam tu.</p>	-	
E	<p>Pencapaian akademik yang baik akan menjamin kerjaya yang baik juga.</p> <p>Pencapaian akademik yang tidak baik akan memberi kerjaya yang tidak bagus.</p>	-	

F	<p>Pencapaian akademik dan kerjaya amat penting. Seseorang yang tidak mempunyai akademik yang baik tetapi masih boleh berjaya, sebenarnya individu tersebut mempunyai satu bakat dalam diri.</p> <p>Bakat tidak semua individu ada, tapi semua individu boleh berusaha untuk mendapatkan akademik yang cemerlang.</p> <p>Orang yang akademik tidak cemerlang sebenarnya memerlukan usaha yang sangat banyak untuk berjaya berbanding individu yang cemerlang akademik.</p>		
---	--	--	--

7. Bagaimanakah tanggapan anda terhadap kerjaya ibu bapa anda?

PESERTA	KODING	KATEGORI	TEMA
A	<p>Kerjaya ibu bapa yang sangat berbeza iaitu ibu sebagai peguam dan bapa sebagai engineer.</p> <p>Waktu kecil berminat dengan kerjaya ibu dan diri sendiri juga berminat untuk berdebat.</p> <p>Kerjaya ayah agak senang tetapi tidak mempunyai masa bersama keluarga.</p> <p>Kerjaya ibu mempunyai banyak masa dengan keluarga.</p> <p>Individu perlu pandai memilih kerjaya dan mempertimbangkan jumlah masa bekerja dan jumlah masa untuk keluarga.</p>	<p>- Membandingkan kerjaya ibu dan bapa dari aspek masa, pendapatan dan cabaran kerja.</p> <p>- Bersimpati dengan ibu yang bekerja keras</p> <p>- Bangga dengan sikap ibu yang berdedikasi dalam pekerjaan</p> <p>- Bertanggungjawab dan minat mendalam terhadap kerja.</p> <p>- Mendapat kesedaran untuk belajar dengan bersungguh-sungguh supaya memiliki pekerjaan yang bagus.</p>	Panduan merancang kerjaya.
B	<p>Kasih dengan kerjaya ibu sebagai peniaga di pasar.</p> <p>Rutin hidup ibu yang berbeza kerana bangun jam 2 pagi dan kerja jam 4 pagi.</p> <p>Ibu tidak cemerlang dalam pelajaran menyebabkan terpaksa bekerja keras.</p> <p>Merasakan bahawa diri perlu belajar bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kerjaya yang baik.</p>		
C	<p>Ibu tidak bekerja kerana masalah kesihatan dan ayah sudah meninggal.</p> <p>Datuk yang bekerja menyara keluarga.</p> <p>Menyedari bahawa perlu belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat kerja yang baik.</p> <p>Ingin membalas jasa ibu dan datuk.</p>		
D	<p>Ayah sendiri memperkenalkan kerja sebagai jurutera.</p> <p>Berminat dan melayari internet untuk meneroka kerjaya jurutera.</p>		
E	<p>Ayah bekerja sebagai bomba.</p> <p>Ibu sebagai suri rumah pada awalnya tetapi mula berniaga untuk membantu meningkatkan pendapatan keluarga.</p> <p>Ayah bekerja susah dan selalu dimarahi majikan.</p> <p>Mendapat kesedaran untuk belajar dengan bersungguh-sungguh supaya mendapat pekerjaan yang lebih baik daripada ayah.</p>		

F

Ibu sebagai guru tuisyen yang sangat berdedikasi. Ayah ialah pegawai polis di Singapura. Melihat ibu dan ayah sangat bekerja keras untuk menyara keluarga. Merasakan diri juga ingin mendapat pekerjaan yang mempunyai pendapatan lumayan. Ingin pekerjaan yang menyeronokkan. Melihat ibu yang seronok dengan kerja sebagai guru tuisyen, berpendapat bahawa kita perlu minat dengan kerjaya kita supaya kita akan seronok dan berdedikasi untuk bekerja.

8. Bagaimanakah anda melihat kepentingan maklumat kerjaya dan cara mendapatkan maklumat kerjaya?

PESERTA	KODING	KATEGORI	TEMA
A	Maklumat kerjaya penting supaya dapat membuat pilihan tentang kerjaya yang diingini. Penting pada peringkat sekolah untuk persediaan kerjaya apabila dewasa. Menggunakan internet dan buku, bertanya kepada ibu bapa tentang sesuatu kerjaya. Jika tidak tahu tentang maklumat kerjaya akan menyorkan kita menceburi dunia pekerjaan. Penting untuk memilih sesuatu kerjaya. Memilih bidang yang betul mengikut kelayakan yang perlu dalam kerjaya tertentu. Mendapat maklumat daripada pengalaman ayah sendiri.	Langkah awal dan persediaan memilih kerjaya yang betul mengikut kelayakan. Maklumat kerjaya memudahkan individu memilih kerjaya yang diingini. Dapat mengetahui sesuatu kerjaya dengan jelas. Dapat mengetahui kelayakan akademik berkaitan kerjaya. Mendapatkan maklumat kerjaya daripada internet, buku dan pengalaman keluarga.	Rujukan memilih kerjaya.
B	Menyediakan maklumat kerjaya supaya dapat mengetahui sesuatu kerjaya dengan jelas. Penting supaya dapat melakukan kerja dengan baik kerana ada maklumat. Mendapatkan maklumat melalui ibu dan buku		
C	Bertanya kepada ayah, internet dan membaca buku Maklumat penting supaya tidak tersilap memilih kerjaya. Kesilapan memilih kerjaya individu tidak bekerja dengan dedikasi. Mengetahui maklumat kerjaya daripada pakcik yang bekerja sebagai juruteraan dan pembacaan di internet.		
D	Maklumat kerjaya penting untuk mengetahui perjalanannya hidup. Perlu tahu akademik yang berkaitan dengan kerjaya yang kita inginkan. Penting sebagai langkah awal untuk merancang kerjaya. Mendapat maklumat kerjaya melalui kajian di internet, mengetahui kelayakan dalam akademik dan pendapatan yang ditawarkan.		
E			
F			

9. Bagaimanakah perasaan anda setelah mengetahui tentang maklumat sesuatu kerjaya?

PESERTA	KODING	KATEGORI	TEMA
A	Bersedia untuk bekerja tanpa bergantung kepada orang lain. Yakin dengan kerjaya yang diceburi.	- Bersedia dan yakin. - Bersemangat dan ingin berusaha mencapai kerjaya. - Seronok dan ingin mencuba kerjaya yang mencabar.	Bermotivasi.
B	Gembira dan tercabar kerana mula mengetahui kerjaya jurutera diminati ramai.		
C	Bersemangat untuk berusaha supaya dapat bersaing secara sihat. Perlu lebih fokus untuk mencapai kerjaya yang diminati.		
D	Menyedari diri sudah mempunyai matlamat masa depan. Perasaan seronok dan ingin mencuba sangat tinggi dengan kerjaya yang mencabar.		
E	Sudah tahu kerjaya masa depan. Rasa terharu kerana kerjaya juruterbang merupakan satu kerjaya yang mempunyai tanggungjawab yang besar. Sentiasa berfikir positif, relaks dan yakin		
F	Teruja dan suka akan cabaran baru dalam bidang robotic engineering. Gembira kerana kerjaya yang dipilih seronok dan tidak memberi tekanan.		

10. Bagaimanakah perancangan anda untuk memilih kerjaya?

PESERTA	KODING	KATEGORI	TEMA
A	Perlu belajar bersungguh-sungguh dan cemerlang dalam peperiksaan. Ingin belajar di luar negara dalam bidang angkasa lepas. Ingin mendapatkan biasiswa melanjutkan pelajaran.	- Belajar dengan bersungguh-sungguh - Mendapatkan keputusan peperiksaan yang cemerlang.	Kepentingan pendidikan
B	Mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Bekerja sambil untuk mengumpul duit supaya dapat sambung pelajaran. Mengambil jurusan sains kejuruteraan yang berkaitan dengan kerjaya.	- Mendapatkan biasiswa dan bekerja sambil bagi mendapat kewangan untuk sambung pelajaran.	
C	Belajar bersungguh-sungguh dan mendapatkan keputusan yang cemerlang. Ingin belajar di luar negara dan bekerja di negara sendiri.	- Masuk ke universiti dan memilih kursus yang berkaitan bidang kerjaya.	
D	Masuk ke universiti dan mengambil jurusan kejuruteraan dan teknologi.		
E	Memastikan mendapat keputusan cemerlang dalam setiap peperiksaan. Masuk ke universiti dalam bidang yang dipilih sehingga mencapai PhD untuk mendapat jawatan tinggi dalam pekerjaan.		
F	Ingin belajar bersungguh-sungguh. Melibatkan diri dalam banyak aktiviti berkaitan robotic. Tidak mengabaikan pelajaran walaupun aktif dengan pelbagai aktiviti. Bercita-cita ingin memajukan negara		

11. Apakah perkara yang mempengaruhi anda untuk membuat keputusan kerjaya?

PESERTA	KODING	KATEGORI	TEMA
A	Menjadikan angkasawan negara sebagai idola dan pendorong.	- Menjadikan individu berjaya sebagai idola. - Sokongan dan dorongan daripada ibu bapa. - Minat yang mendalam terhadap kerjaya. - Melihat masalah dan keperluan semasa yang berkaitan kerjaya.	Faktor persekitaran dan diri sendiri.
B	Pekerjaan bapa yang mempengaruhi minat menjadi jurutera.		
C	Berdasarkan keadaan keluarga yang mempengaruhi diri menjadi doktor. Memikirkan tentang keadaan masa depan mengenai tahap kesihatan manusia. Ingin berbakti kepada keluarga dan rakan.		
D	Minat diri sendiri yang mempengaruhi memilih kerjaya. Semangat daripada bapa. Seorang pensyarah yang memberikan ceramah tentang cita-cita.		
E	Dorongan ibu bapa sejak kecil. Motivasi daripada pakcik. Kajian sendiri tentang kerjaya juruterbang. Menjadikan Kapten Mohamad Amir Adam Shah sebagai idola dan motivasi.		
F	Bermula dengan minat sendiri. Ibu bapa mendorong dan sentiasa memberikan kata-kata semangat.		

12. Bagaimanakah anda memastikan bahawa anda telah memilih kerjaya yang tepat?

PESERTA	KODING	KATEGORI	TEMA
A	Telah melakukan kajian terhadap kerjaya yang dipilih. Sangat berminat dari kecil dan tidak pernah berubah minat ke arah kerjaya lain.	- Sangat berminat dengan kerjaya yang dipilih sejak kecil hingga dewasa. - Yakin dan disokong oleh ibu bapa. - Personaliti sesuai dengan kerjaya. - Tidak mudah merubah keputusan. - Telah membuat kajian - Mempunyai ilmu dalam kerjaya yang dipilih.	Kendiri unggul
B	Yakin dengan kerjaya jurutera yang banyak kebaikan kepada masyarakat. Mendapat dorongan daripada ibu bapa. Yakin kerjaya yang dipilih berguna pada masa hadapan.		
C	Mempunyai sifat peribadi yang penyayang dan sabar sesuai dengan kerjaya sebagai doktor.		
D	Melihat fenomena sekarang yang memerlukan teknologi canggih. Sangat berminat dan yakin mencipta sesuatu yang baru untuk negara.		
E	Mempunyai sikap yang sukar untuk merubah keputusan. Mempunyai ilmu pengetahuan dalam kerjaya yang ingin diceburi. Yakin dengan keputusan yang memberi masa depan yang baik.		
F	Telah membuat kajian dan yakin kerjaya yang dipilih sesuai dengan minat sendiri.		